



PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU JAYA 2035





PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU JAYA 2035

Jawatankuasa Editorial:

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (UPEN)
Penolong Setiausaha Kerajaan (UPEN)

Seksyen P3 (UPEN)

Cetakan Pertama 2021

© Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:

Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka

Jabatan Ketua Menteri Melaka
Aras 3, Blok Temenggong, Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka

Reka Letak dan Reka Bentuk:

Unit Pusat Sumber, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Ketua Menteri Melaka
Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Ketua Menteri Melaka
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Dicetak Oleh:

Percetakan Tabah Sdn Bhd
No.97, Jalan TU 41
Taman Tasik Utama
Ayer Keroh
75450 Melaka
design.ptabah@gmail.com
012-3205725 (Hj Andri)
012-6313386 (Marzila)





PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU JAYA 2035

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

I-IV

Perutusan
Ketua Menteri Melaka

Kata-Kata Aluan
**Setiausaha Kerajaan
Negeri Melaka**

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1-10

- 1.1 Keperluan Penghasilan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)
- 1.2 Objektif PSMJ 2035
- 1.3 Kaedah dan Pendekatan Penghasilan PSMJ 2035
- 1.4 Garis Masa Pencapaian PSMJ 2035
- 1.5 Slogan Kerajaan Negeri Melaka
- 1.6 Logo
- 1.7 Strategi Dasar Melakaku Maju Jaya 2035
- 1.8 *Sustainable Development Goals (SDGs)*

BAHAGIAN 2: SENARIO EKONOMI NEGERI MELAKA

11-18

- 2.1 Maklumat Demografi Negeri Melaka
- 2.2 Prestasi Ekonomi Negeri Melaka
- 2.3 Tenaga Buruh
- 2.4 Pelaburan

BAHAGIAN 3: PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL

19-26

- 3.1 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Kedua Belas (RMKe-12)
- Peruntukan Persekutuan
- 3.2 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Kedua Belas (RMKe-12)
- Peruntukan Negeri

**BAHAGIAN 4: PEMBANGUNAN NEGERI
MELALUI KONSEP PENSWASTAAN** **27-30**

**BAHAGIAN 5: CABARAN DAN
KOMITMEN DALAM MEMAKMURKAN
EKONOMI NEGERI MELAKA** **31-44**


- 5.1 Peningkatan Pertumbuhan Ekonomi
- 5.2 Mengurus Air Sebagai Sumber Kehidupan
- 5.3 Jaringan Infrastruktur
- 5.4 Kesediaan Pembangunan Bandar Pintar
- 5.5 Pembangunan Teknologi Hijau
- 5.6 Pemerkasaan Sektor Pelancongan
- 5.7 Pembangunan Modal Insan
- 5.8 Kecukupan Bekalan Makanan
- 5.9 Pembasmian Kemiskinan

**BAHAGIAN 6: MELAKA KEY RESULT AREA
(MKRA)** **45-48**

- 6.1 MKRA 1: Revolusi Ekonomi Dan Industri
- 6.2 MKRA 2: Kelestarian Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat
- 6.3 MKRA 3: Perluasan Inisiatif Pintar Dan Pemerkasaan Data
- 6.4 MKRA 4: Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan
- 6.5 MKRA 5: Pemerkasaan Industri Pelancongan Dan Pendidikan Di Tahap Global

**BAHAGIAN 7: HALA TUJU
PEMBANGUNAN NEGERI** **49-148**

- 7.1 *Flagship 1: Zon Pembangunan Ekonomi – Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)*
- 7.2 *Flagship 2: Pengurusan Air Mampan*
- 7.3 *Flagship 3: Pembangunan Bersepadu*
- 7.4 *Flagship 4: Digital Melaka*
- 7.5 *Flagship 5: Melaka Negeri Usahawan*
- 7.6 *Flagship 6: Melaka Negeri Pelancongan*
- 7.7 *Flagship 7: Melaka Hab Pendidikan*
- 7.8 *Flagship 8: Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan dan Belia & Sukan)*
 - 7.8.1 Melaka Sejahtera (Perpaduan)
 - 7.8.2 Melaka Sejahtera (Kebajikan)





- 7.8.3 Melaka Sejahtera (Kesihatan)
7.8.4 Melaka Sejahtera (Belia & Sukan)

BAHAGIAN 8: PEMANTAUAN DAN PENILAIAN SERTA MEKANISME PENGUKURAN PENCAPAIAN *KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)* **149-152**

BAHAGIAN 9: RUMUSAN SESI LIBAT URUS AWAM **153-162**

BAHAGIAN 10: MOVING FORWARD **163-166**

- 10.1 Pemakaian PSMJ 2035 Sebagai Dokumen Rujukan Rasmi
- 10.2 Mekanisme Semakan Pencapaian PSMJ 2035
- 10.3 Kerjasama Dan Persefahaman Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan
- 10.4 Jalinan Kerjasama Pelaburan Pihak Swasta

BAHAGIAN 11: RUMUSAN **167-174**

BAHAGIAN 12: PENUTUP **175-178**

PERUTUSAN KETUA MENTERI MELAKA

YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HJ SULAIMAN BIN MD ALI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggomit Dunia.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya juga, maka usaha untuk menerbitkan dokumen **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)** dapat dilaksanakan dengan jayanya.


Dalam merangka perancangan hala tuju pembangunan, Kerajaan Negeri telah menetapkan slogan untuk negeri Melaka iaitu, "**Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggomit Dunia**". Berdasarkan slogan ini, visi utama Kerajaan Negeri Melaka adalah "**“MENUJU NEGERI LESTARI”** berpandukan kepada **17 Matlamat Pembangunan Lestari** yang diterima pakai oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Misi Kerajaan Negeri Melaka yang telah digariskan pula adalah berasaskan **T.E.R.A.S** iaitu **TEKNOLOGI, ENTREPRENEURSHIP, REVOLUSI INDUSTRI DAN EKONOMI, ANTARABANGSA**, serta **SEJAHTERA**.

Amalan **4M** iaitu **Merancang, Mengurus, Memimpin** dan **Mengawal** harus diterapkan bagi menjayakan segala perancangan Kerajaan Negeri. Penyediaan PSMJ 2035 ini adalah hasil daripada beberapa siri program dan makmal yang telah berjaya mengenal pasti **8 Flagships** serta menghasilkan **Quick Wins, Symbolic Actions** dan **KPI**

yang akan menjadi pengukur kepada pencapaian perancangan yang merangkumi tiga fasa pembangunan bermula tahun 2021 sehingga tahun 2035. Tonggak **5K** iaitu **Komunikasi, Koordinasi, Kolaborasi, Kompetensi dan Kongsi Matlamat Bersama** digabungkan dengan konsep “**5D**” iaitu **Dimensions, Deliver, Dynamic, Direction** dan **Doa**, akan dapat merealisasikan hala tuju **MELAKAKU MAJU JAYA** kelak.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta semua yang terlibat dalam pendokumentasian PSMJ 2035 ini.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”



YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA

KATA-KATA ALUAN

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA

YB DATUK SERI DR. HASIM BIN HASAN



Assalamualaikum WBT & Salam sejahtera,


Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya terhasillah dokumen Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 ini. Pelan Strategik ini merupakan rancangan pembangunan dan hala tuju Kerajaan Negeri Melaka untuk tempoh 15 tahun bermula pada 2021 hingga 2035 ke arah merealisasikan visi Kerajaan Negeri Melaka iaitu Menuju Negeri Lestari.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamt Dunia, pelan strategik ini diterbitkan bagi merancang strategi-strategi dengan pelan tindakan yang terbaik sebagai respon kepada persekitaran yang dinamik. Pelan ini juga membina satu kerangka kerja bagi menentukan hala tuju masa depan negeri serta sasaran keperluan dan kehendak rakyat.


Perancangan yang strategik perlu difahami dan dihayati oleh semua pihak agar setiap perancangan yang telah dipersetujui bersama ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Matlamat Kerajaan Negeri Melaka adalah berpaksikan rakyat di mana fokus utamanya adalah melalui peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam sepertimana yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035.

Saya berharap semua agensi, jabatan negeri dan persekutuan serta anak syarikat negeri menjadikan Pelan Strategik ini sebagai rujukan dalam menyediakan perancangan pembangunan masing-masing agar ia selari dengan perancangan Kerajaan Negeri Melaka dalam memenuhi ekspetasi rakyat.

Sehubungan dengan itu, saya berharap agar Pelan Strategik ini juga dapat membantu meningkatkan fleksibiliti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mampu untuk melaksanakan perubahan dengan lebih pantas. Selain itu, melalui proses pemantauan dan penilaian ke atas pelaksanaan Pelan Strategik ini, ia juga diharap menjadi pemangkin kepada penjawat awam untuk terus mempertingkatkan komitmen dan kualiti perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hasim". Below it is a smaller, separate handwritten mark or signature.

YB DATUK SERI DR. HASIM BIN HASAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA



BAHAGIAN
PENGENALAN

01

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) ini merupakan satu dokumen yang disediakan sebagai suatu pendekatan rujukan yang diambil untuk mencapai kecemerlangan pentadbiran di peringkat Kerajaan Negeri. Penyediaannya dilaksanakan melalui proses penetapan hala tuju, pengenalpastian isu dan cabaran strategik serta penggubalan strategi-strategi ke arah pencapaian objektif yang disasarkan di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

PSMJ 2035 ini mencerminkan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memacu dan merancakkan pertumbuhan ekonomi, menggalakkan pelaburan domestik dan asing, meningkatkan sektor pelancongan, pembangunan infrastruktur, pemulihian warisan serta peningkatan modal insan melalui pendidikan. Selain daripada itu, isu dan masalah, potensi dan cabaran juga menjadi antara aspek penting dalam menentukan konsep dan hala tuju sesuatu perancangan atau pelan strategik. Justeru, pendekatan secara holistik dilaksanakan melalui penggubalan polisi, dasar-dasar setara negara dan negeri, analisis penemuan dan unjuran serta cadangan awal matlamat dan objektif yang berpaksikan kepada keperluan masa depan.

1.1. Keperluan Penghasilan PSMJ 2035

PSMJ 2035 ini dibangunkan bertujuan untuk memandu hala tuju pembangunan fasa seterusnya bagi negeri Melaka. PSMJ 2035 merupakan dokumen rujukan utama oleh semua agensi-agensi di negeri Melaka yang perlu diterjemahkan menjadi pelan tindakan dan matlamat utama pencapaian setiap agensi.

Strategi Kerajaan Negeri yang dijelaskan melalui dokumen PSMJ 2035 dapat memudahkan kefahaman agensi dalam merancang dan mengambil tindakan, seterusnya pencapaiannya kelak dapat diukur menerusi petunjuk prestasi utama atau *key performance indicator* (KPI) yang ditetapkan. Secara prinsipnya, dokumen PSMJ 2035 ini ialah suatu dokumen rujukan rasmi Kerajaan Negeri yang diterima baik di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga pihak pelabur.

Penghasilan dokumen PSMJ 2035 ini dirangka dengan memberi perhatian kepada dokumen dan dasar-dasar rasmi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan dokumen ini menjadi suatu dokumen yang dinamik yang akan bergerak seiring dengan perubahan dan keperluan masa hadapan negeri dan juga negara.

1.2. Objektif PSMJ 2035

Dokumen PSMJ 2035 ini diwujudkan bagi mencapai visi Kerajaan Negeri Menuju Negeri Lestari menjelang tahun 2035. Negeri yang lestari adalah sebuah negeri yang seimbang pembangunannya di mana rakyat menjadi sebahagian daripada instrumen utama yang penting dalam menuju kejayaan ini.

Justeru, penghasilan PSMJ 2035 adalah untuk mencapai 5 objektif seperti berikut:

- (a) Memandu pencapaian pembangunan negeri Melaka sehingga tahun 2035;
- (b) Menetapkan bidang keutamaan negeri Melaka;
- (c) Meningkatkan daya saing negeri melalui hala tuju pembangunan yang jelas;
- (d) Memacu pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan strategik domestik dan asing; dan
- (e) Mewujudkan kerjasama yang erat di antara pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, ekosistem perniagaan dan rakyat secara menyeluruh.

1.3. Kaedah dan Pendekatan Penghasilan PSMJ 2035

Penggubalan dokumen PSMJ 2035 ini bermula dengan Bengkel Melakaku Maju Jaya yang telah diadakan pada 24 hingga 25 Ogos 2020. Sebanyak 11 buah dokumen telah dihasilkan yang melibatkan pembentukan polisi, program dan projek yang melibatkan keseluruhan portfolio di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan, Pembangunan Tanah, Pantai & Sungai, Pengurusan Air, Hal Ehwal Agama, Perindustrian, Pelaburan, Teknologi, Komunikasi, Multimedia dan Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC);
- (b) Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar;
- (c) Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau;

- (d) Jawatankuasa Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pembangunan Belia dan Sukan;
- (e) Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan;
- (f) Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan;
- (g) Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan Kemudahan Awam dan Infrastruktur;
- (h) Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
- (i) Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah;
- (j) Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal & Vokasional, Sains dan Inovasi; dan
- (k) Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna.

Sebanyak 175 strategi telah digariskan yang melibatkan pelbagai pelan tindakan berbentuk program dan juga projek fizikal dengan sasaran KPI jangka pendek, sederhana dan panjang.

Kerajaan Negeri juga telah mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak pada 12 Ogos 2020. Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dalam menentukan hala tuju pembangunan negeri untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Seterusnya, semasa sesi *Pra Lab Melakaku Maju Jaya* yang diadakan pada 29 September hingga 1 Oktober 2020, dokumen yang dihasilkan semasa Bengkel Melakaku Maju Jaya telah diperhalusi. Sebanyak 44 *Big Wins*, 6 *Quick Wins* dan 41 *Symbolic Actions* telah dihasilkan oleh setiap kumpulan bengkel. Setelah diperhalusi, sebanyak 6 *Big Wins*, 6 *Quick Wins* dan 9 *Symbolic Actions* telah dikenal pasti sebagai keutamaan Kerajaan Negeri. Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membentuk 8 tema utama (*Flagship*) ataupun *Big Wins* yang telah dibincang secara komprehensif semasa sesi Lab Melakaku Maju Jaya pada 16 hingga 18 Disember 2020 bagi menghasilkan hala tuju perancangan pembangunan negeri Melaka.


1.4 Garis Masa Pencapaian PSMJ 2035

Dokumen PSMJ 2035 ini menyasarkan tempoh 15 tahun iaitu sehingga 2035 (2021 – 2035) sebagai garis masa untuk merealisasikan hasrat dan visi negeri Melaka ke arah “Menuju Negeri Lestari”.

Pendekatan yang diambil dalam menetapkan tempoh sasaran ini adalah dengan membahagikan tempoh 15 tahun garis masa pencapaian kepada 3 fasa iaitu Fasa Pertama (2021 – 2023); Fasa Kedua (2024 – 2030); dan Fasa Ketiga (2031 – 2035). Tujuan penetapan garis masa ini dirancang adalah untuk membolehkan pencapaian awal (*Quick Wins*) bagi menyokong pencapaian yang lebih tuntas di peringkat seterusnya.

Secara strateginya, pencapaian di Fasa Pertama PSMJ 2035 ini akan meningkatkan keyakinan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk terus menyokong usaha kerjasama bagi memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak. Ia juga akan memupuk keyakinan komuniti perniagaan untuk meningkatkan pelaburan di negeri Melaka dalam jangka masa panjang menjelang 2035.

Gambar rajah 1.4.1: Pelan Jangka Masa Pembangunan Negeri




1.5 Slogan Kerajaan Negeri Melaka

Dalam menetapkan slogan baharu Kerajaan Negeri Melaka, perkara penting yang dititik beratkan adalah kesinambungan daripada slogan-slogan pemimpin terdahulu seperti berikut:

- (a) "Semuanya Bermula di Melaka" – YAB Tan Sri Abdul Rahim bin Thamby Chik (1982 – 1994);
- (b) "Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya" – YAB Datuk Seri Mohd Zin bin Abdul Ghani (1994 – 1997);
- (c) "Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya" – YAB Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin (1997 – 1999);
- (d) "Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia", "Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau" – YAB Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Kini Tun) (1999 – 2013);
- (e) "Don't Mess With Melaka", "Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau", "Melaka 754 Tahun, Melaka Maju Fasa II, Berkat, Tepat, Cepat" – YAB Datuk Seri Utama Ir. Ts. Idris bin Haron (2013 - 2018); and
- (f) "Melaka Berwibawa. Pintar. Hijau. Bersih" – YAB Tuan Hj. Adly bin Zahari (2018 - 2020).

Justeru, Kerajaan Negeri telah meletakkan slogan baharu Kerajaan Negeri iaitu "**Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia**". Ia juga diperkenalkan selari dengan matlamat akhir iaitu untuk mencapai Kecemerlangan Duniawi dan Ukhrawi merujuk firman Allah SWT melalui Surah As-Saba' (34:15) dan Surah Al-Baqarah (2:201).

Gambar rajah 1.5.1: Slogan Negeri Melaka



Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia



2020

YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj. Sulaiman Bin Md. Ali

1.6 Logo

Gambar rajah 1.6.1: Logo Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamt Dunia



Bunga Kesidang, bunga rasmi bagi negeri Melaka menjadi elemen utama dalam penghasilan logo ini.

Mempunyai 5 kelopak, ia simbolik kepada 5 Rukun Negara yang menjadi asas dan teras kepada rakyat Malaysia khususnya rakyat negeri Melaka.

Elemen warna biru adalah sebagai simbolik kepada perpaduan dan keharmonian serta asas kepada keamanan dan kebahagiaan rakyat negeri Melaka. Warna merah pula melambangkan keberanian serta semangat yang utuh bagi memajukan negeri dalam segala aspek manakala warna putih pula melambangkan kelestarian serta nilai murni yang diterapkan seiring dengan kemajuan. Warna biru, merah dan putih ini juga adalah warna bagi bendera negeri Melaka.

Kelopak berwarna hijau membawa maksud kesedaran yang tinggi rakyat negeri Melaka terhadap kepentingan pemeliharaan ekosistem dan alam sekitar serta usaha Kerajaan Negeri Melaka yang menjadi teras kepada Melaka sebagai sebuah negeri hijau. Warna kuning merupakan warna kedaulatan negara kita khususnya negeri Melaka.

Garisan kelabu yang membentuk kelopak bunga kesidang pula melambangkan arus kemajuan dan kemodenan yang pesat di negeri Melaka ke arah sebuah negeri maju dan berteknologi tinggi.

Lingkaran di bahagian tengah logo pula sebagai simbol peranan penting negeri Melaka di pentas antarabangsa serta di peringkat dunia di dalam segala bidang terutamanya di dalam sektor pelancongan yang menjadikan negeri Melaka terkenal di serata dunia.

1.7 Strategi Dasar Melakaku Maju Jaya 2035

Strategi Dasar Melakaku Maju Jaya 2035 telah dilancarkan pada 1 Julai 2020. Ia digarap berpandukan kepada matlamat pembangunan lestari atau pun *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang merupakan hala tuju dunia yang terkini. Keperluan Kerajaan Negeri adalah untuk mewujudkan suatu hala tuju yang bersinergi dengan matlamat global. Justeru, Kerajaan Negeri telah menetapkan visi negeri Melaka yang baharu iaitu Menuju Negeri Lestari.

Visi ini telah digariskan sebagai usaha untuk membawa negeri Melaka ke arah pembangunan yang seimbang dari pelbagai sudut yang mengambilkira semua pihak agar tidak keciciran, termasuklah yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar yang seimbang dan mampan. Ia berhasrat untuk melonjakkan lagi ekonomi rakyat di negeri Melaka melalui peningkatan tahap daya saing negeri ini dalam memacu pertumbuhan di segenap sektor. Dalam usaha untuk mencapai visi Kerajaan Negeri, 5 misi utama yang menjadi teras kepada pelan perancangan pembangunan negeri Melaka telah ditetapkan. Ia berdasarkan akronim daripada perkataan T.E.R.A.S yang diperincikan seperti berikut:

- (a) Teknologi – Memperluaskan inisiatif pintar dan memperkasa data dalam agenda pembangunan negeri;
- (b) *Entrepreneur* – Membangunkan dan menyokong ekonomi rakyat tempatan menjadi lebih berdaya maju;
- (c) Revolusi Industri dan Ekonomi – Merancakkan negeri Melaka sebagai sebuah destinasi pelaburan berkonsepkan agro-industri, bioteknologi, Revolusi Industri 4.0, perusahaan industri digital dan industri perkhidmatan maritim;
- (d) Antarabangsa – Memperhebat industri pelancongan dan institusi pendidikan agar lebih berkualiti, unik serta bertaraf dunia; dan
- (e) Sejahtera – Menghidupkan persekitaran negeri terbersih, terindah, lestari, selamat, selesa, semangat dan nilai kekitaan (*sense of belongings*) serta ekonomi, yakni taraf hidup rakyat yang berkualiti, sejahtera dan lebih baik untuk didiami.

Terdapat 6 pembolehdaya (*enabler*) yang ditetapkan dalam merangkumkan setiap perancangan program, projek atau polisi bagi mencapai matlamat visi dan misi Kerajaan Negeri yang baharu iaitu:

- (a) Keterangkuman dan Kesalinghubungan–semua program yang direncanakan hendaklah berbentuk inklusif;
- (b) Kemampanan Ekonomi – perlulah berorientasikan pembangunan ekonomi yang progresif;
- (c) Kecanggihan Teknologi Hijau, pintar dan pendigitalan – menerapkan aplikasi teknologi hijau dan pintar;
- (d) Keberdayaan Modal Insan – pembangunan modal insan ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat;
- (e) Keutuhan Budaya dan Warisan – memelihara dan memuliha warisan; dan
- (f) Keihsanan dan Integriti – semua elemen ini perlu dilaksanakan dengan budaya berintegriti.

Gambar rajah 1.7.1: Melaka Rumahku



1.8 Sustainable Development Goals (SDGs)

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan visi Menuju Negeri Lestari dengan memfokuskan pencapaian aspirasi sepetimana yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) iaitu untuk mencapai *Sustainable Development Goals* (SDGs). SDGs merupakan agenda global yang memberikan tumpuan kepada 17 sasaran seperti berikut:

- Tiada Kemiskinan - Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk dan tempat;
- Kelaparan Sifar - Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan;
- Kesihatan Baik dan Kesejahteraan - Memastikan kehidupan sihat dan kesejahteraan kepada semua lapisan umur;
- Pendidikan Berkualiti - Menjamin pendidikan menyeluruh dan akses sama rata serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua;
- Kesaksamaan Gender - Mencapai kesamarataan gender dan memperkasa peranan wanita;
- Air Bersih dan Sanitasi - Memastikan ketersediaan dan pengurusan air serta sanitasi yang mampan kepada semua;
- Tenaga Berpatutan dan Bersih - Menjamin akses kepada tenaga berpatutan, cekap dan mampan serta moden kepada semua;

- (h) Pekerjaan yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi - Mempromosikan ekonomi mampan dan menyeluruh, peluang pekerjaan mencukupi dan produktif serta sesuai kepada semua;
- (i) Industri, Inovasi dan Infrastruktur - Membina infrastruktur kukuh, mempromosikan industri yang menyeluruh dan mampan serta merangsang inovasi;
- (j) Mengurangkan Ketidaksamarataan - Merapatkan jurang ketidaksamarataan di dalam dan antara negara;
- (k) Bandar dan Masyarakat Mampan - Menjadikan bandar dan penempatan penduduk yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan;
- (l) Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab - Memastikan penggunaan sumber dan pengeluaran yang mampan;
- (m) Tindakan Terhadap Iklim - Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui;
- (n) Kehidupan dalam Air - Memelihara serta memulihara lautan dan sumber marin demi pembangunan mampan;
- (o) Kehidupan di Darat - Memelihara, memulihara dan menggalakkan ekosistem darat melalui pengurusan hutan secara mampan, mengekang penebangan hutan, menghentikan dan memulihkan degradasi tanah, dan menghentikan kehilangan biodiversiti;
- (p) Keamanan, Keadilan dan Kekuahan Institusi - Mempromosikan masyarakat aman dan inklusif demi pembangunan mampan, memberikan akses keadilan kepada semua, dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh; dan
- (q) Kerjasama demi Mencapai Matlamat - Mengukuhkan dan menggiatkan kerjasama global demi pembangunan mampan.

Strategi hala tuju pembangunan Melakaku Maju Jaya digabunggalinkan dengan pendekatan dan sasaran SDGs ini dilihat akan membantu Kerajaan Negeri memfokuskan kepada pencapaian yang selari dengan matlamat utama di peringkat global, seterusnya diiktiraf oleh badan dunia.

Gambar rajah 1.8.1: Visi dan Misi Negeri Melaka



02

**BAHAGIAN
SENARIO EKONOMI
NEGERI MELAKA**



BAHAGIAN 2

SENARIO EKONOMI NEGERI MELAKA

Senario ekonomi semasa negeri Melaka merupakan perkara asas yang perlu diambil kira dalam penyediaan PSMJ 2035. Antara perkara utama yang diperhalusi adalah maklumat demografi penduduk, pertumbuhan ekonomi, tenaga buruh dan pelaburan. Terdapat 2 sektor utama yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Melaka iaitu sektor Perkhidmatan dan sektor Pembuatan. Sektor-sektor lain yang turut menyumbang kepada KDNK negeri ialah sektor Pertanian dan sektor Pembinaan.

2.1 Maklumat Demografi Negeri Melaka

2.1.1 Bilangan Dan Kadar Pertumbuhan Penduduk

Penduduk Melaka bertambah daripada 922,400 orang pada tahun 2018 kepada 928,400 orang pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan penduduk ialah 0.6 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2019 ialah 95.2 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri Melaka.

Jadual 2.1.1: Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Melaka, 2015-2019

Penduduk	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan Penduduk ('000)	889.0	901.1	913.1	922.4	928.4
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	2.0	1.4	1.3	1.0	0.6

2.1.2 Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik

Kumpulan etnik Bumiputera mewakili 65.6 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri Melaka bagi tahun 2019 iaitu seramai 609,400 orang. Kumpulan etnik Cina mewakili 23.4 peratus iaitu seramai 217,400 orang, manakala peratusan kumpulan etnik India dan etnik lain ialah 5.5 peratus dan 0.6 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri Melaka atau masing-masing berjumlah 51,400 orang dan 5,600 orang. Bukan warganegara pula mewakili 4.8 peratus atau 44,600 orang.

Jadual 2.1.2: Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Melaka 2015-2019 ('000)

Kumpulan Etnik	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
Bumiputera	572.7	582.0	593.1	601.3	609.4
Cina	215.9	216.9	216.8	217.2	217.4
India	49.9	50.6	50.8	51.1	51.4
Lain-lain	4.6	4.6	4.7	5.1	5.6
Bukan Warganegara	45.9	47.0	47.7	47.7	44.6
Jumlah	889.0	901.1	913.1	922.4	928.4

2.1.3 Penduduk Mengikut Daerah Pentadbiran


Daerah Melaka Tengah mempunyai bilangan penduduk yang tertinggi pada tahun 2019 berbanding dua daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk seramai 566,200 orang diikuti Daerah Alor Gajah seramai 208,500 orang dan Daerah Jasin seramai 153,800 orang.

2.1.4 Penduduk Mengikut Jantina

Penduduk lelaki di negeri Melaka pada tahun 2019 adalah seramai 465,900 orang mewakili 50.2 peratus daripada keseluruhan penduduk, manakala penduduk perempuan adalah seramai 462,500 orang bersamaan dengan 49.8 peratus. Nisbah jantina penduduk negeri Melaka kekal dari tahun 2016 hingga tahun 2019 dengan nisbah 101 lelaki bagi setiap 100 perempuan.


2.1.5 Kadar Kelahiran

Kadar kelahiran kasar di negeri Melaka mencatatkan penurunan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 iaitu daripada 15.8 kepada 15.6 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki pada tahun 2018 turut menunjukkan penurunan berbanding tahun 2017 iaitu daripada 16.2 kepada 15.9 manakala kadar kelahiran kasar bagi perempuan tiada perubahan iaitu 15.3 bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 2.1.1: Kadar Kelahiran Kasar, Melaka, 2010-2018

2.1.6 Kadar Kesuburan

Kadar kesuburan bagi negeri Melaka kekal pada 1.9 bayi bagi setiap wanita berumur 15 hingga 49 tahun pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Negeri Melaka mencatatkan kadar kesuburan di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2015 hingga tahun 2018.

Carta 2.1.2: Kadar Kesuburan, Melaka, 2010-2018

2.1.7 Kematian

Sejumlah 5,407 kematian direkodkan di negeri Melaka pada tahun 2018 berbanding 5,523 kematian pada tahun 2017 iaitu penurunan sebanyak 2.1 peratus. Kadar kematian kasar pula ialah 5.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk berbanding 6.0 kematian pada tahun 2017.

Kadar kematian bayi pula mencatatkan sebanyak 7.6 kematian pada tahun 2018 berbanding 6.6 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2017.

2.1.8 Jangkaan Hayat

Jangkaan hayat ketika lahir di negeri Melaka pada tahun 2019 bagi seorang bayi lelaki ialah 72.1 tahun manakala bayi perempuan ialah 77.8 tahun.

2.2 Prestasi Ekonomi Negeri Melaka


KDNK negeri Melaka mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM43.6 bilion pada tahun 2019 dan merekodkan pertumbuhan perlahan pada kadar 2.8 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun 2018. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi sektor Perkhidmatan dan sektor Pembuatan yang masing-masing bertumbuh sebanyak 5.9 peratus dan 2.5 peratus. Selain itu, sektor Pertanian merekodkan pertumbuhan negatif 2.7 peratus dan sektor Pembinaan bertumbuh negatif 9.2 peratus diikuti sektor Perlombongan dan Pengkuarian yang mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus.

Carta 2.2.1: Nilai Dan Kadar Pertumbuhan KDNK Melaka, 2015-2019



Dari sudut sumbangan kepada KDNK negeri Melaka pula, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi dengan masing-masing menyumbang sebanyak 48.0 peratus dan 38.4 peratus. Sektor Pertanian pula menyumbang sebanyak 10.2 peratus manakala sektor Pembinaan menyumbang 3.1 peratus diikuti oleh sektor Perlombongan dan Pengkuarian yang hanya memberikan sumbangan kecil iaitu 0.1 peratus kepada ekonomi negeri Melaka..

Carta 2.2.2: Peratusan Sumbangan KDNK Mengikut Sektor Ekonomi Melaka, 2019



2.2.1 Sektor Perkhidmatan

Merujuk kepada prestasi ekonomi negeri, sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 5.9 peratus. Nilai ditambah bagi sektor ini direkodkan sebanyak RM20.9 bilion pada tahun 2019 dengan sumbangan daripada beberapa subsektor seperti perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan maklumat & komunikasi serta utiliti. Untuk merancakkan lagi prestasi ekonomi sektor Perkhidmatan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Tahun Melawat Melaka 2019 yang bertemakan *The Gateway to Historic Malaysia* dan telah merekodkan seramai 18.73 juta pelancong mengunjungi Melaka.

2.2.2 Sektor Pembuatan

Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 2.5 peratus yang dipengaruhi oleh subsektor produk petroleum, bahan kimia, getah & plastik serta kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM16.8 bilion berbanding RM16.3 bilion pada tahun 2018. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menggalakkan teknologi *smart manufacturing* di kilang-kilang serta merangka insentif khas bersama pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan insentif lain bergantung kepada potensi industri berkenaan.

2.2.3 Sektor Pertanian

Sektor Pertanian mencatatkan penyusutan sebanyak 2.7 peratus. Nilai ditambah bagi sektor ini direkodkan sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 2019 berbanding dengan RM4.6 bilion pada tahun 2018. Penyusutan ini dipengaruhi oleh subsektor tanaman yang melibatkan aktiviti sayur-sayuran dan kelapa sawit yang merekodkan pertumbuhan lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya. Untuk memastikan sektor ini kekal berdaya saing, Kerajaan Negeri telah memperkasakan sektor Pertanian dengan membangunkan industri bernilai tinggi yang merangkumi industri ternakan lebah madu dan kelulut, industri cendawan dan industri rempah ratus seperti tanaman serai dan halia yang dijangka memberikan pulangan lumayan.

2.2.4 Sektor Pembinaan

Sektor Pembinaan turut mencatatkan penguncutan 9.2 peratus. Nilai ditambah bagi sektor ini direkodkan sebanyak RM1.4 bilion pada tahun 2019 berbanding dengan RM1.5 bilion pada tahun 2018. Subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman merupakan penyumbang kepada prestasi sektor ini. Di samping itu, perancangan pembangunan yang lebih komprehensif sedang giat dilaksanakan dengan mewujudkan projek-projek baharu milik swasta dan Syarikat Milik Kerajaan (GLC) serta meningkatkan kemudahan infrastruktur kepada penduduk setempat.

2.2.5 Sektor Pelombongan Dan Pengkuarian

Sektor Perlombongan dan Pengkuarian pula mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus. Nilai ditambah bagi sektor ini direkodkan sebanyak RM60.7 juta pada tahun 2019 berbanding dengan RM60.3 juta pada tahun 2018. Pertumbuhan ini adalah didorong oleh aktiviti pengkuarian granit, pasir dan pemecahan batu.

2.3 Tenaga Buruh

Sejumlah 432,900 orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 berbanding 421,200 orang pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 428,300 orang pada tahun 2019 daripada 416,700 orang pada tahun 2018.

Daripada jumlah penduduk bekerja pada tahun 2019, seramai 275,100 orang tertumpu di sektor Perkhidmatan, diikuti oleh sektor Pembuatan seramai 104,400 orang, sektor Pembinaan 29,400 orang dan sektor Pertanian 15,700 orang. Sektor Perlombongan dan Pengkuarian pula mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 3,600 orang.

Jadual 2.3.1: Penduduk bekerja mengikut sektor, Melaka 2016-2019 ('000)

Sektor	Tahun			
	2016	2017	2018	2019
Perkhidmatan	254.8	259.8	274.3	275.1
Pembuatan	93.8	98.5	97.5	104.4
Pembinaan	27.6	30.5	26.8	29.4
Pertanian	18.2	15.2	15.1	15.7
Perlombongan dan Pengkuarian	2.9	2.2	3.0	3.6
Jumlah	397.3	406.2	416.7	428.3

Kadar penyertaan tenaga buruh di negeri Melaka meningkat daripada 66.6 peratus pada tahun 2018 kepada 67.6 peratus pada tahun 2019. Sementara itu, kadar pengangguran di negeri Melaka kekal pada kadar yang sama iaitu 1.1 peratus pada keduanya-dua tahun tersebut.

2.4 Pelaburan

Kerajaan Negeri Melaka menetapkan sasaran pelaburan sebanyak RM5.0 bilion pada setiap tahun. Kerajaan Negeri berusaha merancakkan pertumbuhan ekonomi dengan menarik pelaburan berimpak tinggi yang mempunyai kesan pengganda kepada ekonomi negeri Melaka.

Nilai pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2020 berjumlah **RM1.956 bilion**. Ini merangkumi pelaburan tempatan sebanyak RM684 juta dan pelaburan asing bernilai **RM1,272 juta**.

Jadual 2.4.1: Nilai Pelaburan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), 2016 – 2020 (RM Juta)

Pelaburan	Tahun				
	2016	2017	2018	2019	2020
Pelaburan Tempatan	679	2,397	2,479	609	684
Pelaburan Asing	676	2,258	773	270	1,272
Jumlah	1,355	4,655	3,252	879	1,956

Kerajaan Negeri Melaka secara berterusan menggalakkan pelaburan oleh pelabur asing dan tempatan di negeri Melaka, seterusnya mencipta lebih banyak peluang pekerjaan baharu dengan keutamaan akan diberikan kepada rakyat negeri Melaka.

03

BAHAGIAN
PRESTASI PENCAPAIAN
PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL



BAHAGIAN 3

PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL

Untuk mencapai cita-cita negara maju, kerajaan telah melangkah ke hadapan dengan menjadikan pencapaian pembangunan fizikal terdahulu sebagai platform penting dalam usaha kerajaan melaksanakan anjakan dasar pembangunan. Kerajaan turut merangka pendekatan yang bersesuaian bagi menangani pelbagai cabaran baharu.

Penumpuan Kerajaan Negeri menyasarkan kepada pembangunan yang berpaksi kepada rakyat dengan peruntukan pembangunan ini dikhkususkan untuk penyediaan infrastruktur dan projek-projek berimpak tinggi demi kebijakan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi negeri Melaka.

3.1 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Kedua Belas (RMKe-12) - Peruntukan Persekutuan

- 3.1.1 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Persekutuan Tahun 2016 – 2020 merupakan rancangan pembangunan 5 tahun terakhir negara ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Perancangan RMKe-11 adalah berpandukan kepada 6 teras strategi iaitu:
- (a) Memperkuuhkan pembangunan inklusif ke arah masyarakat yang saksama;
 - (b) Meningkatkan kesejahteraan rakyat;
 - (c) Memperkasa pembangunan modal insan untuk menjadi negara maju;

- (d) Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan;
- (e) Memperkuatkan infrastruktur untuk menyokong perkembangan ekonomi; dan
- (f) Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran.

3.1.2 Dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan pelbagai kementerian telah meluluskan sejumlah RM2.6 billion bagi melaksanakan 613 buah projek (191 projek baharu dan 422 projek sambung) di negeri Melaka. Beberapa projek berimpak tinggi yang telah dilulus dan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 2) dengan kuarters di Batu Berendam;
- (b) Menaik taraf dan membina baharu jalan 4 lorong persisiran pantai dari Kuala Linggi – Masjid Tanah – Sungai Udang – Klebang – Limbongan – Jalan Pantai – Jambatan Syed Abdul Aziz – Alai – Telok Mas;
- (c) Rancangan Tebatan Banjir Bandar Jasin dan Merlimau;
- (d) Pembinaan Sekolah Berasrama Penuh Baru Mengandungi 30 Bilik Darjah, Asrama, Dewan Makan, Dewan Serbaguna di negeri Melaka (SM Sains Alor Gajah);
- (e) Projek Pembinaan Empangan Jernih; dan
- (f) Naik taraf Kompleks Belia dan Sukan Ayer Keroh Melaka.

3.1.3 Ringkasan peruntukan asal yang diluluskan di bawah Projek Persekutuan RMKe-11 adalah seperti berikut:

Jadual 3.1.1: Peruntukan dan Bilangan Projek Persekutuan RMKe-11

Tahun	Peruntukan Yang Diluluskan (RM)	Bilangan Projek Yang Diluluskan		
		Projek Baharu	Projek Sambung	Jumlah
2016	420,295,376.00	59	60	119
2017	539,754,992.67	10	107	117
2018	484,414,587.00	21	109	130
2019	660,646,067.00	84	32	116
2020	558,781,600.00	17	114	131
JUMLAH	2,663,892,622.67	191	422	613

3.1.4 Di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Kerajaan Negeri telah memfokuskan kepada permohonan peruntukan terhadap projek-projek yang memberikan impak pembangunan sosio ekonomi negeri Melaka.

3.1.5 Daripada 990 buah projek yang dipohon oleh Kerajaan Negeri, sebanyak 161 buah projek telah diluluskan di bawah Rolling Plan 1 (RP1), RMKe-12 tahun 2021. Berdasarkan analisa yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri, pecahan kelulusan projek tersebut mengikut misi T.E.R.A.S Melaka Rumahku adalah seperti berikut:

T	E	R	A	S
5	6	3	68	79
Jumlah Projek Yang Diluluskan : 161				

3.1.6 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 39 buah projek keutamaan negeri telah diluluskan seperti berikut:

T	E	R	A	S
-	-	-	15	24
Jumlah Projek Keutamaan Negeri Yang Telah Diluluskan : 39				

3.1.7 Agihan projek keutamaan negeri yang telah diluluskan adalah lebih bertumpu kepada misi Antarabangsa dan Sejahtera. Di antara projek tersebut adalah seperti berikut:

3.1.7.1 Misi: Antarabangsa

- (a) Pembangunan *Ecotourism* Paya Lebar, Alor Gajah, Melaka ;
- (b) Cadangan Mereka Bentuk & Menaik Taraf Secara Reka & Bina (*Design & Build*) di Kompleks Air Panas Gadek Berkonsepkan *Wellness & Spa Resort* Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan di Mukim Gadek, Daerah Alor Gajah, Melaka
- (c) Peningkatan Infrastruktur Pelancongan di Melaka
- (d) Pembinaan Sekolah Baharu Kompleks Sekolah dan Lain-Lain Kemudahan Berkaitan di Sekolah Kebangsaan Krubong 2, Melaka; dan
- (e) Pembinaan Fakulti Teknologi Kejuruteraan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).


3.1.7.2 Misi: Sejahtera

- (a) Membina Jalan dari Simpang Jalan Serkam-Bemban ke Simpang Jalan Kandang (Kampung Bukit Kajang), Jasin, Melaka;
- (b) Pembangunan Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Baru, Melaka;
- (c) Naik Taraf Dewan Bedah Kedua Hospital Alor Gajah, Melaka;
- (d) Cadangan Kerja-kerja Baik pulih Kerosakan pada Bangunan Akibat dari Kesan Mendapan Tanah Yang Berlaku di Zon D Terminal Melaka Sentral; dan
- (e) Membina Infrastruktur Pengairan & Saliran Serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan di Skim Pengairan Bukit Rambai, Tangga Batu, Daerah Melaka Tengah, Melaka.

3.2 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Kedua Belas (RMKe-12) - Peruntukan Negeri

3.2.1 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM310,000,000.00 di bawah Perbelanjaan Pembangunan Negeri dalam tempoh RMKe-11. Peruntukan pembangunan ini secara amnya adalah melibatkan projek-projek infrastruktur dan kebajikan rakyat bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan juga ekonomi negeri. Pecahan peruntukan asal yang telah diluluskan mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:

Carta 3.2.1: Peruntukan asal yang telah diluluskan, 2016-2020



3.2.2 Peruntukan ini diagihkan untuk dilaksanakan oleh pelbagai jabatan negeri seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Jabatan Agama Islam Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah, Badan Kawal Selia Air Melaka dan lain-lain jabatan. Antara projek berimpak tinggi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) **Projek Pengganda Tenusu Negeri Melaka** yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri telah berjaya meningkatkan pengeluaran dan kualiti ternakan lembu tenusu di negeri Melaka. Kejayaan program ini diukur melalui pengeluaran susu segar

yang meningkat 12 peratus melebihi sasaran untuk tempoh 24 bulan iaitu daripada sasaran asal 80,000 liter kepada 98,247.07 liter. Melalui projek ini juga, seramai 22 orang pengusaha dan penternak lembu susu telah berjaya meningkatkan pendapatan. Jumlah kos projek tersebut adalah bernilai RM452,000.00 bagi tempoh pelaksanaan tahun 2017 hingga tahun 2019.

- (b) **Projek Tanaman Kelapa** di bawah Jabatan Pertanian Negeri telah berjaya melahirkan seramai 33 orang usahawan kelapa, di mana 9 orang merupakan usahawan pemulihian dan baki 24 orang adalah usahawan baru. Projek ini juga telah meningkatkan keluasan kawasan tanaman daripada 3.8 hektar kepada 38.3 hektar dengan peningkatan hasil pengeluaran melebihi 70 peratus iaitu 150.0 tan pada tahun 2019 berbanding 87.3 tan pada tahun 2018, seterusnya meningkatkan pendapatan usahawan kelapa daripada RM88,863.50 kepada RM206,752.60.
 - (c) **Projek Untuk Mengatasi Banjir** dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri di mana sebanyak 68 buah projek telah dilaksanakan sepanjang tempoh 5 tahun bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini.
 - (d) **Projek Peningkatan Infrastruktur Jalan Raya Negeri** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya adalah melibatkan penyelenggaraan, menaik taraf dan membina baharu jalan-jalan negeri serta menambah baik teknologi pengurusan lalu lintas / lampu isyarat. Sebanyak 19 buah projek telah dilaksanakan yang membantu dari aspek penyuraian trafik yang lebih lancar serta meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.
 - (e) **Projek Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA)** dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dengan tujuan untuk memperkasakan sektor pendidikan agama bagi murid-murid beragama Islam di negeri Melaka. Kerajaan Negeri telah berjaya membina 8 buah SRA di seluruh negeri Melaka.
 - (f) **Projek Pembinaan Masjid Baharu** oleh JAIM dilaksanakan bertujuan untuk memenuhi keperluan ahli-ahli kariah terhadap keperluan kemudahan fasiliti rumah ibadah supaya para jemaah dapat beribadat dengan selesa melalui penyediaan kemudahan asas yang lengkap dan selamat. Secara keseluruhan, sebanyak 15 buah masjid telah berjaya dibina.
- 3.2.3 Dalam tempoh RMKe-12, Kerajaan Negeri telah meluluskan siling peruntukan berjumlah **RM843,860,000.00**. Agihan pecahan siling tersebut mengikut jabatan di bawah peruntukan pembangunan negeri adalah seperti berikut:

Jadual 3.2.1: Senarai Agihan Pecahan Siling Mengikut Jabatan di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri

Jabatan		Siling Peruntukan (RM)
P.10	Jabatan Kerja Raya	110,000,000.00
P.11	Jabatan Pengairan Dan Saliran	40,200,000.00
P.12	Jabatan Pertanian	15,000,000.00
P.13	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6,050,000.00
P.16	Jabatan Ketua Menteri – Infrastruktur	170,810,000.00
P.18	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan (Pinjaman)	250,000,000.00
P.19	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	35,100,000.00
P.20	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	33,540,000.00
		30,000,000.00 (pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Masjid Tanah)
P.21	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	24,700,000.00
P.22	Jabatan Agama Islam Melaka	72,600,000.00
P.23	Pejabat Ketua Menteri	25,000,000.00
P.24	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan	30,860,000.00
JUMLAH		843,860,000.00

- 3.2.4 Dalam tahun 2021, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM75,000,000.00 peruntukan bagi pelaksanaan 190 buah projek. Kelulusan projek-projek tersebut adalah berpandukan misi T.E.R.A.S Melaka Rumahku di mana pecahan kelulusan projek tersebut adalah seperti berikut:

T	E	R	A	S
10	45	4	25	106
Jumlah Projek Yang Diluluskan: 190				

3.2.5 Di antara projek-projek yang telah diluluskan di bawah misi:

- (a) Teknologi (T)
 - (i) Projek Digital Ekonomi Rakyat Melaka;
 - (ii) Perisian untuk Kegunaan Agensi Pembekal Data (APD) *Geoportal Information System (GIS)*; dan
 - (iii) Menaik taraf Perhubungan, Interaksi dan Komunikasi Infrastruktur Rangkaian 1Melaka*Net
- (b) *Entrepreneur* (E)
 - (i) Program latihan akuakultur kepada golongan sasar bagi semua daerah di negeri Melaka;
 - (ii) Pembangunan sayuran dan tanaman ladang, padi, industri lebah madu/kelulut, tanaman industri dan lain-lain; dan
 - (iii) Program Pengukuhan Peningkatan Kualiti Baka Lembu Baka Pedaging Melalui Program Permanian Berhadas.
- (c) Revolusi Industri Dan Ekonomi (R)
 - (i) Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035
 - (ii) Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035
 - (iii) Kajian Ekonomi Negeri Melaka
- (d) Antarabangsa (A)
 - (i) Penyelenggaraan Muzium;
 - (ii) Kerja-kerja mengubahsuai Muzium kepada Pusat Informasi dan lain-lain kerja berkaitan di Pulau Besar; dan
 - (iii) Pembinaan SM Agama dan Tahfiz Al-Quran Pulau Besar (di darat) dan Tanah Merah Jaya.
- (e) Sejahtera (S)
 - (i) Pemasangan Lampu Jalan di Jalan Bemban - Serkam (dari hadapan Kilang Huat Lai sehingga Perindustrian Serkam), Daerah Jasin, Melaka;
 - (ii) Kerja-Kerja Pemasangan Pam Selam di Pintu Air Kawalan Pasang Surut Kuala Linggi bagi Mengurangkan Risiko Banjir, Daerah Alor Gajah, Melaka; dan
 - (iii) Projek-projek Khidmat Masyarakat.

04

BAHAGIAN
**PEMBANGUNAN NEGERI MELALUI
KONSEP PENSWASTAAN**



BAHAGIAN 4

PEMBANGUNAN NEGERI MELALUI KONSEP PENSWASTAAN

Penswastaan didefinisikan sebagai proses pemindahan aktiviti dan fungsi kepada sektor swasta yang pada tradisinya merupakan tanggungjawab sektor awam. Penswastaan merupakan peralihan fungsi di mana monopoli kerajaan dalam pelbagai perkhidmatan dan barang dipindahkan kepada sektor swasta. Di samping itu, penswastaan juga dilihat sebagai konsep yang digunakan untuk menggambarkan pengurangan peranan kerajaan dalam membekal barang dan perkhidmatan kepada populasi.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pendekatan Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Financing Initiative*) – PFI – yang merupakan satu alternatif baru di bawah rangka kerjasama awam-swasta (*Public Private Partnership* – PPP) bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pendekatan ini mencerminkan hasrat kerajaan untuk mempergiatkan penglibatan pihak swasta dalam pembangunan ekonomi yang seterusnya menggalakkan lagi pertumbuhan pelaburan dalam negeri.

Dua pendekatan digunakan dalam melaksanakan program penswastaan di negeri Melaka seperti berikut:

- (a) Pendekatan Dikenal Pasti Kerajaan

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan mengenal pasti perkhidmatan yang akan diswastakan, mengawasi dan mengkaji semula kemajuan syarikat swasta tersebut.

(b) Pendekatan Daya Usaha Sektor Swasta


Syarikat swasta yang inovatif akan mengenal pasti projek-projek penswastaan yang berdaya maju di negeri Melaka seperti berikut:

- (i) Pembangunan tanah kerajaan;
- (ii) Pembangunan penambakan laut; dan
- (iii) Penswastaan perkhidmatan.

Sepanjang tempoh 3 tahun yang lepas (2018 - 2020), sebanyak 34 projek penswastaan yang telah diluluskan meliputi projek-projek pembangunan secara tambak laut, projek pelancongan seperti chalet terapung dan bas singgah-singgah Melaka, pelantikan panel pemetaan utiliti bawah tanah serta penambahbaikan/tarikan baharu di Zoo Melaka.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) secara penswastaan melalui kerjasama di antara Lembaga Perumahan Melaka (LPM) dengan syarikat swasta. Melalui pelaksanaan projek usaha sama pembinaan RMM dengan harga seunit serendah RM180,000, ia memberi peluang kepada rakyat negeri Melaka untuk memiliki rumah dan memenuhi dasar Kerajaan Negeri agar setiap keluarga memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah untuk didiami. Sepanjang tempoh 5 tahun (2016 - 2020), sebanyak 51 buah projek RMM telah diluluskan. Daripada kelulusan tersebut, sebanyak 11 projek telah siap, 21 projek dalam pembinaan dan baki 19 dalam proses memuktamadkan perjanjian usaha sama. Kesemua 51 projek ini akan menghasilkan 18,319 unit RMM. Sebanyak 3,093 unit RMM telah siap, manakala baki sebanyak 15,226 unit RMM akan disiapkan di mana sebanyak 7,497 unit dalam pembinaan dan 7,729 unit dalam perancangan. Projek RMM yang telah siap adalah seperti di bawah:

Carta 4.1: Projek RMM Secara Penswastaan Yang Telah Siap



Di bawah program penswastaan, Kerajaan Negeri turut meluluskan projek penambakan laut seluas 9,310 ekar sejak tahun 1970-an seperti di Jadual di bawah. Kelulusan ini akan menambahkan lagi keluasan tanah di negeri Melaka yang berpotensi untuk dibangunkan dengan pelbagai projek pada masa akan datang.

Jadual 4.1: Pecahan Projek Penambakan Laut Mengikut Daerah

Daerah	Kelulusan Keluasan (Ekar)		
	Lulus	Selesai Tambak	Belum Tambak
Alor Gajah	620	-	620
Melaka Tengah	8,208	3,269	4,939
Jasin	482	-	482
JUMLAH	9,310	3,269	6,041

Projek-projek yang telah dilaksanakan di atas tanah tambakan adalah seperti Masjid Selat, tarikan pelancongan seperti Muzium Kapal Selam dan Encore Melaka, pembangunan perumahan dan komersial atau pembangunan bercampur. Dari segi perancangan, terdapat beberapa projek yang telah diluluskan dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat seperti pembangunan chalet terapung, produk pelancongan baharu di Klebang, jeti *cruise* dan pembangunan pelabuhan.

Dalam usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negeri Melaka terus berkembang dan berupaya untuk menarik lebih ramai pelabur terutamanya di kawasan persisiran pantai (*waterfront*), Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mewujudkan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Negeri Melaka atau Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ). Dengan mengambil kira faktor kedudukannya yang terletak di persisiran pantai Selat Melaka dan berdekatan dengan Bandar Warisan Dunia yang diiktiraf oleh UNESCO, zon ekonomi baharu yang berdasarkan pelancongan ini akan bertindak sebagai *game changer* kepada pertumbuhan ekonomi negeri Melaka di masa hadapan.

Kawasan persisiran pantai sepanjang 33 km dengan keluasan sebanyak 25,000 ekar ini majoritinya merupakan pemilikan swasta. Kerajaan Negeri turut memiliki aset berbentuk tanah yang boleh ditawarkan kepada pelabur. Kawasan ini boleh dijadikan sebagai contoh pembangunan yang melibatkan kerjasama awam swasta yang berpotensi untuk menarik pelabur. Kawasan pembangunan ini dijangka dapat memacu pembangunan yang mampan, berdaya maju dan menggalakkan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dalam persekitaran teknologi hijau dan pintar sebagai tarikan pelaburan tempatan dan antarabangsa.

Justeru, Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada pihak swasta untuk bersama-sama membangunkan negeri selain daripada projek pembangunan yang dibiayai di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk memastikan pembangunan negeri terus berkembang dan pertumbuhan ekonomi terus meningkat demi kesejahteraan rakyat.

05

BAHAGIAN
**CABARAN DAN KOMITMEN DALAM
MEMAKMURKAN EKONOMI
NEGERI MELAKA**



BAHAGIAN 5

CABARAN DAN KOMITMEN DALAM MEMAKMURKAN EKONOMI NEGERI MELAKA

Antara cabaran dan komitmen yang diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri ialah peningkatan pertumbuhan ekonomi, pengurusan air sebagai sumber kehidupan, penyediaan infrastruktur jalan serta air dan pengangkutan udara serta kualiti akses, peningkatan kapasiti dan kualiti rangkaian jalur lebar, negeri pintar dan rendah karbon, pemerksaan sektor pelancongan, pembangunan modal insan, pembekalan sumber makanan yang mencukupi, dan pembasmian kemiskinan.


Pelbagai strategi dan pelan tindakan telah digariskan untuk membantu Kerajaan Negeri menangani cabaran yang dihadapi. Inisiatif ini adalah seiring dan bersesuaian mengikut kehendak dan keperluan rakyat dalam mengharungi cabaran ekonomi masa kini.

5.1 Peningkatan Pertumbuhan Ekonomi

Kerajaan Negeri berdepan dengan pelbagai cabaran untuk memastikan ekonomi negeri kekal stabil dan bertumbuh secara positif tahun demi tahun. Berdasarkan rekod pertumbuhan sektor ekonomi negeri Melaka pada tahun 2019, jumlah kumulatif nilai KDNK negeri Melaka direkodkan lebih baik berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah RM43.6 bilion, iaitu bertumbuh sebanyak 2.8 peratus. Secara purata ekonomi negeri Melaka untuk tempoh 5 tahun sebelum ini, masih mencatatkan pertumbuhan yang positif dalam lingkungan 3.9 peratus. Walau bagaimanapun, dari segi trend prestasi mengikut sektor-sektor

ekonomi, rekod tahun 2019 mendapat pertumbuhan positif yang sederhana bagi sektor perkhidmatan dan pembuatan serta aktiviti perlombongan dan pengkuarian, manakala sektor pembinaan dan pertanian menunjukkan status penguncupan. Prestasi ekonomi negeri Melaka tahun 2019 dipengaruhi oleh pelbagai punca, antaranya ialah kekurangan daya saing negeri untuk menarik pelaburan baharu, kelemahan permintaan dalam sektor harta tanah dan perubahan dasar dan polisi Kerajaan Negeri. Berdasarkan landskap pekerjaan yang berubah dengan cepat dalam era revolusi perindustrian keempat pada masa ini, kerajaan negeri Melaka telah menyusun semula ekonomi untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan untuk rakyat yang mampu memberikan pendapatan lebih tinggi. Mengikut statistik daripada Jabatan Perangkaan Melaka, majoriti pendapatan isi rumah rakyat negeri Melaka iaitu 23.6 peratus terletak di antara RM2,000 hingga RM3,999.

Carta 5.1.1: Pendapatan Isi Rumah Rakyat di Negeri Melaka



Prestasi ekonomi negeri Melaka pada tahun 2020 dijangka turut perlahan selari dengan cabaran baharu dunia untuk menyelesaikan pandemik COVID-19 yang mengancam kesihatan rakyat. Namun Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha untuk memastikan ekonomi negeri dapat bertumbuh dengan sihat sejajar dengan matlamat membangunkan ekonomi rakyat. Komitmen Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan prestasi ekonomi yang terus mengukuh dengan purata KDNK dikekalkan pada kadar 3.9 peratus.

Dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri Melaka, pelaburan yang berkualiti amatlah diutamakan, selain terus mengukuhkan pelaburan syarikat-syarikat sediada. Antara langkah yang sedang diambil ialah melalui pewujudan zon baharu ekonomi, iaitu Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang bertindak sebagai *game changer* yang akan memacu lanskap ekonomi negeri ke arah yang lebih berkualiti dan berteknologi tinggi dan pintar.

Selain itu, bagi meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat, Kerajaan Negeri juga akan terus menerokai program pembangunan koperasi sebagai penggerak ekonomi masyarakat melalui pelbagai bidang keusahawanan sosial yang akan melibatkan masyarakat desa. Ia akan memacu ekonomi setempat, menghindari migrasi dan dapat menyeimbangkan pembangunan ekonomi ke serata negeri Melaka. Perusahaan koperasi ini juga akan meningkatkan jaringan kerjasama di antara ahli-ahlinya, di mana pihak koperasi dengan pelbagai bantuan Kerajaan akan dapat memasarkan produk-produk berkualiti ke pasaran domestik dan juga antarabangsa. Secara tidak langsung, ia akan menambah nilai kepada ekosistem rantai makana negeri dan Negara.

Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dalam mengisi peluang-peluang pekerjaan baharu yang bakal diwujudkan seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Pelbagai program sedang dirangka oleh Kerajaan Negeri khususnya dalam menawarkan kursus-kursus dalam bidang yang relevan dalam pasaran kerja masa kini.

Sehubungan dengan itu, strategi peningkatan pertumbuhan ekonomi negeri adalah melalui pendekatan yang bersepadu dan terangkum agar tiada pihak yang tertinggal dalam arus pembangunan negeri Melaka. Usaha yang sedang dilaksanakan ini menyasarkan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dengan tawaran pendapatan yang lebih tinggi. Justeru, ia sekaligus dapat meningkatkan pendapatan isi rumah rakyat dan mengurangkan pengangguran bagi menjamin kesejahteraan rakyat di negeri Melaka.

5.2 Mengurus Air Sebagai Sumber Kehidupan

Kerajaan Negeri beriltizam menjadikan negeri Melaka sebagai sebuah negeri yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat masyarakat. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan permasalahan rakyat terutama berkaitan isu banjir dan bekalan air yang telah berlarutan sekian lama.

5.2.1 Isu Banjir

Seawal tahun 2020, negeri Melaka berhadapan dengan 2 isu yang mencabar iaitu banjir dan kekurangan bekalan air. Kerajaan Negeri optimis masalah banjir yang melanda negeri ini dapat diatasi menerusi pelaksanaan pelbagai pendekatan jangka pendek dan jangka panjang.

Pendekatan yang telah diambil adalah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf serta pembersihan sistem perparitan dan saliran. Antara lokasi yang terlibat termasuklah Jalan Lorong Pandan, Jalan

Bukit Katil serta Jalan Krubong menghala ke Tampoi dan Jalan Limbongan serta lain-lain kawasan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM3.85 juta pada tahun 2019.

Ekoran banjir kilat yang sering melanda, pada tahun 2020, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM80.86 juta untuk melaksana kerja-kerja seperti menaik taraf sistem saliran, pemulihan muara sungai di Sungai Baru, Sungai Punggor dan Sungai Duyong, menaik taraf pintu kawalan air di Muara Sungai Melaka serta menaik taraf sistem perparitan dan saliran di kawasan perumahan dan kerja-kerja lain.

Untuk penyelesaian jangka panjang Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Projek Tebatan Banjir berjumlah RM289 juta, melibatkan kawasan Sungai Duyong, Bandar Jasin, Bandar Alor Gajah dan Bandar Merlimau. Projek ini dijangka siap menjelang tahun 2022. Selain itu, sejumlah RM7.7 juta telah diperuntukkan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan perumahan utama seperti Taman Terendak Permai, Taman Tun Fatimah, Kampung Pulau Melaka, Taman Rambai Jaya serta Kawasan Kota Laksamana dan Banda Hilir.

5.2.2 Isu Bekalan Air

Negeri Melaka merupakan antara negeri yang mempunyai sumber air yang terhad (*water stressed state*). Kerajaan Negeri telah bersetuju menujukan Majlis Air Negeri Melaka (MANM) bagi menangani isu bekalan air berkuat kuasa serta-merta yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri bersama dengan agensi berkaitan di peringkat Negeri dan Persekutuan serta operator pengurusan air. Melalui MANM, pemantauan turut dibuat ke atas tindakan untuk menyelesaikan krisis bekalan air di negeri ini.

Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan sumber air mentah mencukupi sehingga tahun 2050. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(a) Meneruskan Pelaksanaan 2 projek sambungan di bawah RMKe-11

(i) Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka

Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) berkapasiti 310 Juta Liter Sehari bagi menampung keperluan permintaan air sehingga tahun 2050. Jumlah peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM350 Juta dan tempoh siap keseluruhan projek adalah 70 bulan. Antara projek yang akan dilaksanakan dibawah TAPS Melaka adalah pengepaman air dari Tasik Biru, Ayer Molek dan Sungai Duyong.

(ii) Projek TAPS Jernih

Pembinaan TAPS Jernih dengan kapasiti takungan 13,000 Juta Liter Sehari sumber air mentah bagi menyokong keperluan penambahan penduduk sehingga 2030. Jumlah peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM200 Juta dan tempoh siap projek mengambil masa 30 bulan. Projek TAPS Jernih ini dijangka bermula pada Julai 2021.

(b) Projek baharu di bawah RMKe-12 Negeri Melaka

Untuk memastikan bekalan air mencukupi bagi negeri Melaka, Kerajaan Negeri telah meluluskan 3 buah projek seperti berikut:

- (i) Cadangan Projek Penyaluran Air Mentah Dari Sungai Kesang Dan Tasik Biru Ke Empangan Jus, Daerah Jasin, Melaka;
- (ii) Projek Menaik Taraf Kolam Tebatan Banjir Krubong – Durian Tunggal Sebagai Kolam Dwi-Fungsi Untuk Tebatan Banjir dan Sumber Air Negeri Melaka; dan
- (iii) Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Penyaluran Air Sungai Muar Fasa 3 (Rumah Pam Grisek – Empangan Durian Tunggal).

Selain itu, Kerajaan Negeri turut merancang untuk melaksanakan projek Empangan Pesisir Pantai (*Coastal Reservoir*) di Lembangan Sungai-Sungai Negeri Melaka untuk memastikan bekalan air mentah mencukupi sehingga tahun 2070. Buat masa ini Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan bagi melaksanakan kajian kemungkinan pembinaan tersebut.

5.3 Jaringan Infrastruktur

5.3.1 Infrastruktur Jalan

Umum mengetahui bahawa isu kesesakan lalu lintas di negeri Melaka merupakan senario biasa terutamanya ketika hujung minggu, cuti umum, cuti persekolahan dan musim perayaan.

Pada tahun 2019 sahaja, negeri Melaka menerima seramai 18,727,337 orang pelancong ke negeri Melaka iaitu peningkatan sebanyak lebih kurang 10 peratus daripada jumlah pelancong pada tahun 2018. Justeru, Kerajaan Negeri Melaka telah merangka pelan tindakan untuk menaik taraf dan membina jajaran jalan baharu di negeri ini bagi menampung peningkatan trafik pada masa hadapan. Perancangan ini melibatkan penambahbaikan infrastruktur jalan sehingga tahun 2030.

Beberapa projek keutamaan negeri Melaka yang telah dirancang adalah seperti projek Lebuh Raya Pesisir Pantai, Pembinaan Jajaran Jalan Baharu Luar Bandar, Melaka *Inner Ring Road* (MIRR) dan Melaka *Outer Ring Road* (MORR).

5.3.2 Pengangkutan Air

Perairan Selat Melaka merupakan laluan penting dua hala antara benua Asia dan Eropah. Pada setiap tahun, purata 100,000 kapal belayar melalui selat ini. Menyedari potensi ini, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk membangunkan dan mengaktifkan industri pelabuhan dan jeti terminal bagi menambah hasil negeri. Antara infrastruktur yang akan dibangunkan atau dinaik taraf ialah pembinaan Melaka International Cruise Terminal (MICT) dan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP), serta menaik taraf Pelabuhan Tanjung Bruas.

5.3.3 Pengangkutan Udara

Sejak tahun 1993, Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) masih belum mencatat pertumbuhan penumpang trafik udara yang mantap berbanding dengan peningkatan bilangan pelancong ke Melaka.

Faktor utama yang menyebabkan prestasi pertumbuhan penumpang lapangan terbang ini rendah serta sukar untuk menarik operator penerbangan ke Melaka adalah kerana kedudukannya yang terlalu hampir dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang menjadi hab atau *gateway* ke Malaysia.

Justeru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama daripada jabatan dan agensi Persekutuan sedang berusaha untuk mencari laluan baharu yang bersesuaian. Kerajaan Negeri menyasarkan LTAM dapat menawarkan penerbangan ke 5 buah destinasi domestik dan 2 buah destinasi antarabangsa menjelang tahun 2030. Kerajaan Negeri juga bercadang menaik taraf kemudahan LTAM untuk menampung kehadiran lebih ramai penumpang pada masa hadapan.

5.4 Kesediaan Pembangunan Bandar Pintar

5.4.1 Kapasiti dan Kualiti Rangkaian Jalur Lebar

Antara cabaran pembangunan infrastruktur telekomunikasi dan digital di negeri Melaka adalah ketidakseimbangan purata kapasiti dan liputan rangkaian jalur lebar. Selain itu, ketiadaan sumber rujukan bagi perancangan infrastruktur komunikasi bagi pembangunan baharu dan infrastruktur digital, pengenaan pelbagai caj serta ketiadaan perancangan di peringkat awal akan menyebabkan kelewatan penyampaian perkhidmatan komunikasi seterusnya mengakibatkan ekosistem perbandaran yang tidak teratur.

Sebagai persiapan negara ke arah teknologi 5G, kerajaan juga telah memperkenalkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk memperluas liputan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar. Pelan JENDELA ini bertujuan untuk meningkatkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih dan talian tetap melalui inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti.

Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah membangunkan *Communication Infrastructure Management System* (CIPM) di setiap negeri termasuk Melaka yang bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pengurusan dan pembaharuan permit infrastruktur telekomunikasi.

Sementara itu, Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH) selaku anak syarikat Kerajaan Negeri memainkan peranan penting bagi memudah cara penyampaian perkhidmatan syarikat telekomunikasi seperti menyelesaikan segera isu-isu yang mengekang kelancaran pembinaan infrastruktur telekomunikasi di Melaka dan seterusnya, menambah baik rangkaian sedia ada.

5.4.2 Perancangan Pembangunan Bandar Pintar

Dalam usaha untuk menyokong perancangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 4 November 2020 telah meluluskan penubuhan Majlis Digital Negeri Melaka. Majlis ini ditubuhkan bertujuan untuk menyelaras perancangan pelbagai inisiatif berkaitan ICT oleh Kerajaan Negeri. Ia juga adalah selari dengan penubuhan Majlis Keterangkuman Digital Kebangsaan di peringkat Persekutuan yang bertujuan untuk mencipta peluang pendapatan kepada rakyat Malaysia dalam ekonomi digital.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti *Smart City*, *Big Data* dan *e-commerce* usahawan PKS memerlukan penyelarasan yang komprehensif merangkumi ketersediaan infrastruktur telekomunikasi, pengurusan dan analisis data serta penglibatan pelbagai pihak terutamanya *data provider* dan pengguna. Antara tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah pembangunan Sistem Maklumat Penerima Bantuan dan data projek-projek pembangunan, penyediaan kerangka *Blueprint Smart City* serta pembangunan *platform e-commerce* untuk usahawan Melaka.

5.5 Pembangunan Teknologi Hijau

5.5.1 Komitmen Negeri Menangani Impak Perubahan Iklim

Semasa persidangan United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC), Conference of Parties 15 (COP-15) di Copenhagen, Denmark pada 2009, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat sukarela negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau atau *Greenhouse Gases* (GHG) sehingga 40 peratus menjelang 2020 berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005. Pencapaian indikator sukarela ini adalah tertakluk kepada penerimaan bantuan kewangan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti daripada negara-negara maju.

Pada 12 Disember 2015, semasa persidangan UNFCCC COP-21 di Paris, Perancis, Malaysia dan 195 negara parti kepada UNFCCC telah bersetuju menerima Perjanjian Paris yang bertujuan untuk menangani isu perubahan iklim global dalam jangka masa panjang. Malaysia telah meratifikasi

perjanjian tersebut pada 16 November 2016.

Kerajaan Negeri turut berhasrat untuk menurunkan intensiti karbon selaras dengan komitmen Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, terdapat keperluan mendesak bagi menghasilkan laporan inventori karbon untuk negeri Melaka.

Berdasarkan Laporan Inventori Karbon Negeri Melaka yang disediakan oleh Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, kadar pelepasan GHG bagi tahun 2017 meningkat kepada 8.91 juta tan CO₂ berbanding 8.30 juta tan CO₂ pada tahun 2015. Pelepasan GHG negeri Melaka oleh sektor pembuatan dan industri menyumbang lebih 50 peratus daripada jumlah keseluruhan pelepasan GHG negeri Melaka.

Jadual 5.5.1: Pelepasan GHG Mengikut Sektor Dari Tahun 2015 hingga 2017

No.	Sektor	2015		2016		2017	
		Pelepasan GHG (t CO ₂ e)	%	Pelepasan GHG (t CO ₂ e)	%	Pelepasan GHG (t CO ₂ e)	%
1.	Unit Kekal	2,666,428.10	52	2,800,714.64	47	3,333,434.50	53
a.	Perumahan	519,617.46	10	548,975.62	9	590,687.76	9
b.	Bangunan Komersial & Institusi & Kemudahan	677,482.00	13	691,071.34	11	777,373.68	12
c.	Industri Pembuatan & Pembinaan	1,430,724.42	28	1,520,881.13	26	1,912,910.26	31
d.	Pertanian, Perhutanan & Perikanan	38,604.22	1	39,786.55	1	52,462.80	1
2.	Unit Bergerak	1,205,451.47	23	1,775,066.98	30	1,702,686.50	27
a.	Pengangkutan Jalan	1,149,599.62	22	1,691,123.72	29	1,628,836.84	26
b.	Keretapi	55,851.85	1	83,035.53	1	72,691.80	1
c.	Penerbangan Awam	0	0	907.73	0	1,157.86	0
3.	Sisa	1,215,135.47	23	1,241,086.08	21	1,166,213.67	19
a.	Sisa Pepejal	1,215,135.47	23	1,241,083.65	21	1,166,207.86	19
b.	Rawatan Sisa Biologi	0	0	2.43	0	5.81	0
4.	Pertanian, Perhutanan dan Guna Tanah	103,926.87	2	97,146.47	2	93,582.90	1
a.	Penternakan	103,926.87	2	97,146.47	2	93,582.90	1
	Jumlah	5,190,941.91	100	5,914,014.17	100	6,295,917.57	100

Kadar pembebasan GHG negeri Melaka bagi 2017 direkodkan berjumlah 6.3 juta tan CO₂ dengan kadar per kapita sebanyak 6.9 tan CO₂ bagi setiap penduduk negeri Melaka. Intensiti karbon berbanding GDP berkadar 0.18. Berdasarkan statistik, 53 peratus kadar GHG ini disumbangkan oleh sektor industri, pembuatan dan bangunan; 27 peratus disumbangkan oleh sektor pengangkutan; 19 peratus disumbangkan oleh sektor sisa dan baki 1 peratus disumbangkan oleh sektor pertanian

5.5.2 Pelan Tindakan Bandar Hijau Melaka / *Green City Action Plan (GCAP)*

Dalam usaha untuk meningkatkan mitigasi dan adaptasi impak perubahan iklim bagi negeri Melaka, Kerajaan Negeri menggunakan pakai Pelan Tindakan Bandar Hijau (*Green City Action Plan - GCAP*) Melaka. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mencapai pembangunan lestari berdasarkan sasaran yang digariskan dalam SDGs. GCAP mengandungi 6 tema utama iaitu:

- (a) Pengurusan Air;
- (b) Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharui;
- (c) Pengangkutan Hijau;
- (d) Sisa Sifar;
- (e) Pemeliharaan Warisan dan Pelancongan; dan
- (f) Pertanian dan Perhutanan Bandar.

Beberapa inisiatif tenaga boleh diperbaharui juga telah berjaya dilaksanakan di negeri Melaka sejak tahun 2010. Antaranya adalah ladang solar berkapasiti 6.8 MW di Masjid Tanah, 5 MW di Rembia dan 8 MW di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya.

Namun begitu, kadar peratusan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di negeri Melaka masih rendah iaitu sekitar lima peratus sahaja. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri menyasarkan lebih banyak penjanaan tenaga boleh diperbaharui dapat dilaksanakan pada masa hadapan.

Untuk mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri berharap lebih banyak pemilik bangunan di negeri Melaka mengambil inisiatif untuk memasang panel solar di atas bumbung bangunan masing-masing. Pada masa yang sama, pemasangan Solar Atas Bumbung atau *Solar Roof-Top* di seluruh bangunan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkua Tempatan juga sedang giat dilaksanakan.

5.5.3 Inisiatif REDD Plus

Salah satu komitmen Kerajaan Negeri adalah memelihara litupan hutan bagi tujuan penyerapan karbon dan memastikan rezab hutan terus dipelihara. Oleh itu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk terlibat di dalam inisiatif REDD Plus iaitu Pelaksanaan Mengurangkan Pelepasan dari Deforestasi dan Degradasi dan Peranan Pemuliharaan, Pengurusan Hutan yang Mampan dan Peningkatan Stok Karbon Hutan di Negara-negara Membangun.


Di bawah inisiatif ini, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kerangka kewangan bagi membolehkan insentif galakan diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk terus memelihara hutan yang hanya tinggal 3 peratus sahaja berbanding keluasan negeri Melaka.

5.6 Pemerkasaan Sektor Pelancongan

Negeri Melaka sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkenal kerana sejarah, kecantikan serta keunikan budaya penduduk berbilang kaum. Sektor pelancongan merupakan penggerak utama kepada pembangunan negeri Melaka melalui 13 Sub Sektor Pelancongan yang merangkumi Pelancongan Sejarah, Budaya, Rekreasi, Sukan, Membeli-Belah, Konvensyen, Kesihatan, Makan-Makan, Pendidikan, Agro, Melaka Rumah Keduaku, Pelancongan Belia dan Pelancongan Eko.

Bermula pada tahun 2013, kedatangan pelancong telah meningkat daripada 14.3 juta orang kepada 18.7 juta orang pada tahun 2019. Secara purata, 30 peratus merupakan pelancong asing di mana China, Singapura, Indonesia, Vietnam dan Hong Kong merupakan 5 pasaran utama dan baki 70 peratus merupakan pelancong domestik dari negeri Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan dan Perak.

Carta 5.6.1 : Statistik Kedatangan Pelancong ke Negeri Melaka 2013-2019



Sejak penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020, ia telah memberi impak kepada sektor pelancongan di seluruh Malaysia termasuk negeri Melaka. Menyedari impak daripada pandemik COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, Kerajaan Negeri Melaka telah mengikuti saranan United Nations World Tourism Organization (UNWTO) yang menyasarkan industri pelancongan dunia akan berkembang di tahap 30 peratus daripada pencapaian tahun 2019 dan Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran pelancong pada tahun 2020 seramai 5.6 juta orang.

COVID-19 yang sedang melanda negara telah memberikan pelbagai cabaran kepada industri pelancongan di mana penggiat industri pelancongan bagi sektor seperti penginapan, pengangkutan, beli-belah serta penganjuran acara perniagaan telah mengalami kerugian yang amat besar. Kesan ini turut dirasai oleh penggiat industri pelancongan yang berdaftar di negeri Melaka termasuk 653 buah Produk Pelancongan, 405 buah Premis Penginapan Pelancong, 240 orang Pemandu Pelancong, 329 orang Pengusaha Beca Melaka, 9 Kluster Pengusaha Homestay Melaka dan 104 Agen Kembara Pelancongan Negeri Melaka.

Berdasarkan rekod daripada Persatuan Hotel Malaysia (MAH), kadar penginapan hotel di Malaysia dianggarkan berada pada kadar 16 peratus hingga 25 peratus di antara bulan April hingga Jun 2020. Unjuran kadar penginapan hotel negeri Melaka berada di antara 6 peratus hingga 22 peratus sepanjang tempoh PKP. Selain itu, 95 peratus atau 401 buah hotel di Melaka ditutup sepanjang PKP dengan mencatatkan jumlah kerugian sebanyak RM1.638 juta sehari atau RM135.954 juta. Pada masa yang sama, terdapat 10,500 orang pekerja di dalam sektor perhotelan di Melaka yang terkesan disebabkan oleh pandemic ini. Berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka, dianggarkan 4 peratus atau 420 orang diberhentikan, 9 peratus atau 945 orang terlibat di dalam potongan gaji dan 17 peratus atau 1,785 orang diberikan cuti tanpa gaji.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah membantu golongan yang terkesan dengan menyediakan insentif-insentif seperti pemberian bayaran one-off, pembiayaan insuran dan pengurangan cukai premis perniagaan di samping insentif utama yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah inisiatif PRIHATIN, PENJANA dan PERMAI. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan selain daripada menjalankan inisiatif penswastaan untuk mewujudkan produk-produk pelancongan baharu sebagai persediaan untuk menarik pelancong dalam tempoh pasca COVID-19.

5.7 Pembangunan Modal Insan

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan modal insan holistik atau lengkap dalam segenap sudut iaitu aspek intelek, rohani, emosi dan fizikal. Pelbagai usaha sedang dirancang dan dilaksanakan termasuk membuka peluang pendidikan kepada seluruh rakyat negeri Melaka di samping menyediakan prasarana pendidikan yang berkualiti.

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan modal insan. Antaranya adalah memastikan latihan kemahiran yang disediakan berpadanan dengan keperluan IR 4.0

dan penggunaan teknologi. Cabaran lain termasuklah mengubah persepsi pelajar atau ibu bapa bahawa TVET merupakan pilihan terakhir bidang pengajian tinggi, kebergantungan majikan kepada pekerja asing, pertumbuhan produktiviti buruh yang perlahan, liputan jaringan keselamatan sosial yang tidak menyeluruh serta gaji yang tidak sepadan dengan kerja.

Pelbagai inisiatif serta program telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka kepada pelajar seawal di bangku persekolahan lagi untuk memupuk sahsiah dan jati diri yang kuat dalam diri masing-masing. Selain itu, bagi memenuhi keperluan IR 4.0, program TVET perlu diperkasa dan dipromosikan dalam kalangan pelajar agar ia turut menjadi pilihan utama pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran.

IPT juga disarankan untuk memperkuuh program pembelajaran sepanjang hayat terutamanya kepada golongan pekerja. Pembelajaran berterusan juga dapat membantu pekerja yang berada di dalam industri untuk meningkatkan kemahiran dan memberi nilai tambah serta kekal relevan di dalam industri.

5.8 Kecukupan Bekalan Makanan

Jaminan makanan (*food security*) adalah amat penting dalam sesuatu negara atau negeri serta ianya boleh dilihat berdasarkan kemampuan dan kesediaan masyarakat untuk membeli bahan makanan yang berkualiti, dengan harga berpatutan dan pada masa yang diperlukan. Secara asasnya, *food security* ini diterjemahkan sebagai jaminan makanan yang merujuk kepada jaminan ketersediaan makanan, jaminan capaian makanan dan jaminan penggunaan makanan.

Isu utama yang terdapat di negeri Melaka adalah untuk mendapatkan keluasan tanah yang ekonomik untuk dibangunkan. Kebiasaannya, tanah yang ada adalah dalam skala yang kecil dan tidak ekonomik untuk dibangunkan di samping ianya mungkin berhampiran dengan penempatan atau tanah yang mudah banjir. Negeri Melaka mempunyai 2 buah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Selandar dan Pulau Gadong dengan keluasan 166 hektar dimana kedua-dua tempat ini turut digunakan untuk pengeluaran bahan makanan dalam negeri Melaka selain daripada kawasan pertanian lain yang diusahakan oleh usahawan tani secara persendirian. Penggunaan teknologi seperti *Veggie Factory* atau kilang makanan turut diharap dapat menambahkan jumlah pengeluaran makanan.

Dari segi industri padi, tahap sara diri (SSL) padi negara pada masa ini adalah sebanyak 70 peratus dan bakinya adalah diimport. Banyak faktor menyumbang kepada pengeluaran rendah itu, antaranya kepelbagaiannya padi, kesesuaian tanah dan pembajaan. Pada tahun 2019, Melaka menghasilkan 14.2 ribu metrik tan padi dengan nilai bersih pengeluaran adalah berjumlah RM3.3 juta ringgit. Sayuran dan buah-buahan juga turut menyumbang 14 ribu tan dengan nilai pengeluaran bersih berjumlah RM 27.0 juta ringgit.

Negeri Melaka merupakan pengeluar telur ayam terbesar di Malaysia dengan jumlah 2.94 juta biji setahun dan 87.5 ribu metrik tan pengeluaran ayam daging di samping pengeluaran daging lembu dan kambing berjumlah 1.75 ribu metrik tan serta susu segar dengan jumlah pengeluaran 2.61 juta liter susu dan merekodkan pendaratan ikan laut berjumlah 1.88 ribu metrik tan pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, jumlah ini masih tidak mencukupi bagi menjamin bekalan makanan dalam negeri memandangkan terdapatnya pengurangan tanah yang dikhusruskan bagi sektor pertanian terutamanya pengurangan kawasan penanaman padi yang ketara dari tahun ke tahun akibat daripada projek pembangunan dan projek perumahan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Melaka komited untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat negeri Melaka. Antara langkah yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri adalah mengguna pakai tanah-tanah terbiar untuk diusahakan dengan projek pertanian.

5.9 Pembasmian Kemiskinan

Pembasmian kemiskinan adalah antara 17 SDG yang telah disenaraikan menerusi Agenda 2030 SDG, ia merupakan agenda antarabangsa tahun 2030 yang diterima pakai oleh 195 buah negara anggota sebagai panduan dalam menyusun agenda serta dasar pembangunan dalam tempoh 2016 hingga 2030. Oleh itu, peranan kerajaan sangat penting agar matlamat ini dapat dicapai dengan jayanya. Pembasmian kemiskinan diletakkan pada agenda paling utama kerana dengan pembasmian kemiskinan matlamat lain akan tercapai dengan sendirinya.

Purata pendapatan bulanan isi rumah negeri Melaka pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 4.1 peratus kepada RM7,741 berbanding RM6,849 pada tahun 2016. Purata pendapatan bulanan bagi strata bandar pada tahun 2019 adalah sebanyak RM7,805 dan luar bandar adalah sebanyak RM6,470. Pendapatan penengah Melaka pula adalah sebanyak RM6,054 pada tahun 2019 meningkat 2.7 peratus setahun berbanding RM5,588 pada tahun 2016.

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) negeri Melaka telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Nilai purata PGK di negeri Melaka ialah RM2,375.00 sebulan manakala PGK Malaysia ialah RM2,208.00. Berdasarkan PGK baharu ini, kadar kemiskinan negeri Melaka telah meningkat kepada 3.9 peratus berbanding 0.0 peratus pada tahun 2016. Jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan Malaysia iaitu sebanyak 5.6 peratus, negeri Melaka menunjukkan kadar kemiskinan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, ia menjadi cabaran kepada Kerajaan Negeri kerana PGK baharu telah menyebabkan peningkatan bilangan isi rumah miskin yang perlu dibantu secara khusus. Statistik Jabatan Perangkaan juga menunjukkan peratusan isi rumah yang menerima pendapatan di bawah RM2,000 juga telah bertambah kepada 4.2 peratus pada tahun 2019 berbanding 3.39 peratus pada tahun 2016. Dari segi bilangan insiden kemiskinan mutlak, bilangan isi rumah yang terlibat telah meningkat kepada 8,851 orang pada tahun 2019 berbanding 953 orang pada tahun 2016. Justeru, Kerajaan Negeri perlu melipat gandakan usaha dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan sasar berkaitan.

Kerajaan Negeri Melaka telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani kemiskinan melalui bantuan kebajikan, kewangan, kemahiran dan sistem sokongan yang menyeluruh melibatkan sinergi agensi kerajaan, swasta, baitulmal, pertubuhan bukan kerajaan dan institusi masyarakat supaya matlamat dalam menangani isu kemiskinan dapat dilaksanakan dengan baik dan mampu membawa perubahan kepada golongan yang terkesan.

06

BAHAGIAN
**MELAKA KEY RESULT AREA
(MKRA)**



BAHAGIAN 6

MELAKA KEY RESULT AREA (MKRA)

Melaka Key Result Area (MKRA) merujuk kepada bidang keberhasilan utama bagi negeri Melaka. Ia dihasilkan bertujuan untuk menjelaskan bidang-bidang keutamaan yang ingin dicapai oleh negeri Melaka dalam tempoh 15 tahun bermula daripada tahun 2021 sehingga tahun 2035. MKRA ini akan dijadikan garis panduan yang lebih terperinci untuk menjelaskan usaha mencapai visi dan misi Kerajaan Negeri. Sebanyak 5 MKRA telah ditetapkan seperti berikut:

MELAKA KEY RESULT AREA (MKRA)

MELAKA RUMAHKU



MKRA 1 :
REVOLUSI INDUSTRI DAN EKONOMI



MKRA 2 :
KELESTARIAN PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

MKRA 3 :
PERLUASAN INISIATIF PINTAR DAN PEMERKASAAN DATA

MKRA 4 :
PEMBANGUNAN EKONOMI RAKYAT TEMPATAN

MKRA 5 :
PEMERKASAAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN PENDIDIKAN DI TAHP GLOBAL

6.1 MKRA 1: Revolusi Industri Dan Ekonomi

Negeri Melaka memerlukan suatu pendekatan berfokus dalam membangunkan ekonomi negeri. Sektor industri pembuatan dengan sumbangan sebanyak 38.4 peratus kepada KDNK negeri Melaka adalah merupakan kedua terbesar selepas sektor perkhidmatan. Sektor ini mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri Melaka. Justeru, revolusi bagi sektor ekonomi khususnya berkaitan dengan industri perkhidmatan dan pembuatan yang bersasar amat penting untuk merancakkan kegiatan ekonomi.

Pelaburan-pelaburan yang berkualiti dapat meningkatkan taraf pendapatan rakyat melalui peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi selain disokong melalui sumber tenaga kerja berkualiti. Revolusi ekonomi dan industri ini akan memfokuskan kepada sektor agro-industri, bioteknologi, IR 4.0, perusahaan industri digital dan juga perkhidmatan maritim.

6.2 MKRA 2: Kelestarian Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat

Ekonomi negeri Melaka hendaklah terus dibangunkan berdasarkan kepada usaha menyejahterakan rakyat. Dalam konsep membangunkan negeri Melaka, ia perlu mementingkan keperluan kepada rakyat untuk mengakses kemudahan untuk bekerja dan bermiaga. Selain itu, keperluan sosial rakyat untuk aktiviti-aktiviti komuniti seperti beriadah, bersukan dan lain-lain lagi turut perlu diberi perhatian.

Sehubungan dengan itu, MKRA 2 ini bertujuan menyediakan kemudahan infrastruktur awam yang lengkap. Usaha ini termasuklah menyediakan jaringan jalan raya yang mampan, menyelesaikan isu kesesakan jalan raya, kemudahan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, taman-taman awam, kompleks-kompleks sukan, isu kemudahan bekalan air, isu banjir dan lain-lain. Selain itu, keperluan kepada golongan rentan juga diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri supaya golongan tersebut dijamin kebajikannya dan berupaya untuk memberi sumbangan kepada pembangunan negeri.

6.3 MKRA 3: Perluasan Inisiatif Pintar Dan Pemerkasaan Data

Hala tuju negeri Melaka masa kini adalah untuk memperkenalkan dan mengaplikasikan inisiatif-inisiatif pintar sebagai penyelesaian kepada pelbagai masalah perbandaran. Penggunaan teknologi yang bersesuaian adalah perlu dan penting bagi negeri Melaka kerana ia mampu memberi kecekapan kepada kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkesan serta berkualiti. Aplikasi pintar ini mempunyai skop yang luas dan antara fokus Kerajaan Negeri adalah untuk pembangunan *Smart Melaka* yang melibatkan *Smart Mobility*, *Smart Economy*, *Smart Governance*, *Smart Energy* dan *Smart Living*. Idea pelaksanaan penyelesaian pintar yang digariskan oleh Kerajaan Negeri ini adalah merentasi pelbagai agensi negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberi fokus kepada usaha pemanfaatan data melalui inisiatif pembangunan analitis data raya. Melalui kaedah pemerkasaan data ini akan membentuk suatu data raya yang boleh dianalisa oleh penggubal dasar di negeri untuk merancang dan melaksanakan dasar-dasar yang bersesuaian untuk rakyat di negeri Melaka.

6.4 MKRA 4: Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan

Kerajaan Negeri memberi perhatian untuk terus memacu ekonomi rakyat tempatan. Secara amnya, punca pendapatan rakyat di negeri Melaka dapat dikategorikan kepada kategori pekerja makan gaji dan yang bekerja sendiri. Pekerja yang bekerja sendiri terdiri daripada golongan yang menjalankan perniagaan sama ada dalam skala kecil, perusahaan kecil dan sederhana ataupun yang berskala besar. Golongan peniaga ini dikelaskan kepada golongan yang dinamakan sebagai usahawan, sama ada usahawan dalam pasaran rasmi atau tidak rasmi (*gig economy*).

Beberapa pendekatan berbentuk penyediaan pelbagai jenis bantuan, peluang-peluang latihan, pembangunan kompleks-kompleks perniagaan, gerai dan pusat-pusat penjaja adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan di bawah MKRA ini bagi meningkatkan ekonomi rakyat tempatan.

6.5 MKRA 5: Pemerkasaan Industri Pelancongan Dan Pendidikan Di Tahap Global

Negeri Melaka perlu memperkasakan industri pelancongan di tahap global. Sektor pelancongan merupakan penyumbang penting kepada ekonomi negeri Melaka. Sektor ini juga memberi pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat. Komitmen Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan produk-produk pelancongan yang berkualiti agar negeri Melaka terus menjadi destinasi utama pilihan pelancong tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, pendidikan bertaraf global juga menjadi matlamat dalam hala tuju negeri Melaka bagi membolehkan lebih ramai pelajar memilih untuk belajar di negeri ini. Oleh itu, sebagai hab pendidikan, negeri Melaka bakal melahirkan modal insan berkualiti yang dapat menyokong pembangunan ekonomi. Secara keseluruhannya, MKRA ini akan dapat membawa negeri Melaka ke persada antarabangsa.

07

BAHAGIAN
**HALA TUJU PEMBANGUNAN
NEGERI MELAKA 2035**



BAHAGIAN 7

HALA TUJU PEMBANGUNAN NEGERI MELAKA 2035

Hala Tuju Pembangunan Negeri Melaka 2035 ini disediakan adalah untuk menjelaskan matlamat dan *flagship* atau tema pembangunan yang ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2035. Selaras dengan 5 MKRA yang telah ditetapkan, 8 *flagship* atau tema telah dipilih untuk memacu pembangunan negeri Melaka untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Matlamat pembangunan ini diperincikan melalui strategi mengikut *flagship* yang telah ditetapkan. Strategi pembangunan ini diperjelas pula melalui penetapan *Quick Wins* dan *Symbolic Actions* serta KPI masing-masing yang akan dilaksanakan sebagai sokongan kepada *flagship* masing-masing.


Gambar rajah 7.1: Flagship PSMJ 2035



7.1 Flagship 1 : Zon Pembangunan Ekonomi – Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)

Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3) dan Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) hanya meletakkan negeri Melaka sebagai pusat pertumbuhan negeri sahaja walaupun negeri Melaka saban tahun menerima kunjungan pelancong yang ramai dan disokong oleh sektor pembuatan. Negeri Melaka tidak diletakkan di dalam mana-mana konurbasi pembangunan di bawah perancangan spatial negara serta tidak termasuk di dalam mana-mana kori-dor wilayah ekonomi sedia ada seperti Iskandar Malaysia di Johor dan Koridor Wilayah Ekonomi Utara (NCER) di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak.

Gambar rajah 7.1.1: Lokasi dan Kawasan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)



Melihat kepada potensi yang terdapat di kawasan tambakan laut, negeri Melaka mampu menyokong dan melengkapai pembangunan wilayah ekonomi yang berhampiran dengan pewujudan M-WEZ. M-WEZ diwujudkan sebagai sebuah zon pembangunan persisiran pantai untuk memacu pembangunan ekonomi yang mampan bagi negeri Melaka dan sekaligus menjayakan agenda **MKRA 1: Revolusi Industri dan Ekonomi**. Cadangan ini meliputi kawasan tambakan laut sedia ada seluas 25,000 ekar di sepanjang 33 kilometer persisiran pantai negeri Melaka.

Kerajaan Negeri turut menetapkan misi M-WEZ sebagai kawasan pembangunan berteraskan pelancongan, perkhidmatan dan perindustrian IR 4.0, seyogia menjadikan negeri Melaka destinasi pelancongan bertaraf dunia dan pilihan pelabur. Keutuhan warisan budaya serta kedudukannya yang strategik di persisiran pantai Selat Melaka adalah kekuatan utama dalam menjadikan M-WEZ sebagai pusat ekonomi yang baharu dan lebih terancang. M-WEZ dilihat sebagai salah satu platform berpotensi untuk melonjakkan ekonomi negeri Melaka setanding dengan Koridor Wilayah Ekonomi atau Zon Ekonomi yang sedia ada.



Secara amnya, ***Flagship 1: Zon Pembangunan Ekonomi-Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)*** mengandungi **1 Strategi** iaitu **Mewujudkan Kawasan Ekonomi Baharu**, **5 Quick Wins** dan **3 Symbolic Actions** yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan/ Agensi yang berkaitan.

7.1.1 Strategi: Mewujudkan Kawasan Ekonomi Baharu

MKRA		Revolusi Industri & Ekonomi		
Strategi		Mewujudkan Kawasan Ekonomi Baharu		
Flagship 1		Zon Pembangunan Ekonomi – Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
			SASARAN 2023	
1.	Pihak Berkuasa M-WEZ	2020 - 2022	<ul style="list-style-type: none"> Penguatkuasaan enakmen / peruntukan undang-undang 	<ul style="list-style-type: none"> UPEN PUU MPM-WEZ
2.	Pelan Induk M-WEZ	2021 - 2022	<ul style="list-style-type: none"> Pewartaan Pelan Induk M-WEZ 	<ul style="list-style-type: none"> UPEN PUU PTG JUPEM PBT MPM-WEZ

MKRA		Revolusi Industri & Ekonomi		
Strategi		Mewujudkan Kawasan Ekonomi Baharu		
Flagship 1		Zon Pembangunan Ekonomi – Melaka Waterfront <i>Economic Zone</i> (M-WEZ)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
3.	Pemasaran dan Penjenamaan	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • 80% sokongan awam terhadap Pelan Induk M-WEZ 	<ul style="list-style-type: none"> • MPM-WEZ
4.	Infrastruktur Telekomunikasi	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Liputan jalur lebar-100 % • Liputan Fiber-100 km • Liputan 5G-100% 	<ul style="list-style-type: none"> • MICTH • SKMM • TM • MPM-WEZ
5.	Hab Maritim	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan pelabuhan antarabangsa • Marina • <i>Cruise Jetty / Deep Sea Port</i> • <i>Ship-To Ship (STS)</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • MOT • JAB.LAUT • MPM-WEZ
6.	<i>Project Delivery Partner Programme (PDPP)</i>	2021 - 2022	<ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan KDNK - RM 2 Bilion • 20,000 peluang pekerjaan 	<ul style="list-style-type: none"> • UPEN • PUU • MPM-WEZ • MIDA
7.	Pulau Melaka sebagai Zon Perdagangan Bebas	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Pewartaan Pulau Melaka sebagai Zon Perdagangan Bebas 	<ul style="list-style-type: none"> • MOF • KDRM • UPEN • PBT • MPM-WEZ
8.	<i>Request For Proposal (RFP)</i>	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • 70% Kawasan telah dimajukan 	<ul style="list-style-type: none"> • PBT • MPM-WEZ

Flagship 1 meliputi 3 fokus utama di dalam kawasan M-WEZ iaitu komponen pembangunan yang akan ditetapkan menerusi Pelan Induk M-WEZ, mempelbagaikan ekonomi negeri menerusi aktiviti berkaitan maritim di sepanjang perairan negeri Melaka serta memperkuuhkan infrastruktur utama dengan penekanan ke arah infrastruktur digital dan utiliti yang lain.

(a) Pihak Berkuasa M-WEZ

Kerajaan Negeri menyasarkan pewujudan badan khas pentadbir kawasan M-WEZ menerusi penggubalan enakmen dan perundangan yang berkaitan. Badan ini kenali sebagai Majlis Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone (MPM-WEZ).

(b) Pelan Induk M-WEZ

Aktiviti tambakan laut di negeri Melaka telah bermula sejak 1920an lagi sebagai keperluan pembesaran perbandaran disebabkan oleh kekangan penawaran tanah bagi tujuan pembangunan. Tambakan Pinggir Pantai merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan lokasi pembangunan masa hadapan yang bernilai tinggi.

Oleh itu, konsep pembangunan di kawasan tersebut akan meliputi 5 komponen iaitu Melaka Harbourfront, Smart Logistic Nucleus, Digital Sattelite Township, Central Eco Business Park dan Trade Nucleus New Township seperti di Rajah 7.2. Pelan Induk ini akan diwartakan untuk rujukan penyelarasan pemajuan kawasan pada masa hadapan.

Gama rajah 7.1.2: Cadangan Pelan Nukleus dan Komponen Pembangunan M-WEZ



- Pelan Induk M-WEZ pada dasarnya menumpukan kepada penyediaan ruang niaga baru yang bertaraf antarabangsa.
- Ia dibahagikan kepada lima (5) zon utama iaitu:

A	Melaka Harbourfront
B	Smart Logistic Nucleus
C	Digital Sattelite Township
D	Central Eco Business Park
E	Trade Nucleus New Township
- Setiap zon mempunyai komponen tersendiri dengan fungsi yang saling berkaitan.

(c) Pemasaran dan Penjenamaan

M-WEZ akan dipromosikan sebagai jenama yang kukuh di kalangan pemegang taruh untuk memastikan penerimaan dan sokongan daripada setiap lapisan masyarakat.

(d) Infrastruktur Telekomunikasi

Penekanan ke atas penyediaan infrastruktur telekomunikasi di dalam kawasan M-WEZ sebagai tumpuan pembangunan digital. Ia termasuklah pembangunan menara telekomunikasi, pusat data, *Smart and Virtual City*, meningkatkan penggunaan gentian fiber serta menjadikan M-WEZ sebagai gerbang antarabangsa.

(e) Hab Maritim

Sebagai usaha untuk mengembalikan semula aktiviti pelabuhan sebagai salah satu penjana ekonomi penting di negeri Melaka, cadangan pewujudan hab maritim dilihat sebagai satu langkah yang realistik dan mampu dilaksanakan dengan berkesan menerusi perkhidmatan sokongan di sepanjang 70km perairan negeri Melaka.

Selain itu, 3 *symbolic actions* yang telah dirangka akan turut menyumbang ke arah pencapaian keseluruhan di bawah *flagship* ini bagi tempoh sehingga tahun 2035. Pelan tindakan yang disediakan dijangka akan menyumbang kepada pewujudan 5,000 peluang pekerjaan setiap tahun serta menyasarkan peningkatan 4 peratus KDNK Melaka secara tahunan. Fokus bagi *flagship* ini adalah seperti berikut:

(a) *Project Delivery Partner Programme (PDPP)*

Merupakan inisiatif libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan sokongan ke arah pemajuan kawasan dengan berpandukan kepada Pelan Induk M-WEZ.

(b) *Pulau Melaka sebagai Zon Perdagangan Bebas*

Pembangunan semula kawasan Pulau Melaka sebagai Zon Perdagangan Bebas. Integrasi antara Persisiran Pantai bernilai tinggi dari segi pembangunan dan juga Zon Warisan merupakan satu potensi pembangunan yang unik dan sukar ditemui khususnya di laluan utama perkапalan di Selat Melaka. Penyelarasam pembangunan berdensiti tinggi berasaskan pelancongan dengan nilai tambah kesan Zon Warisan dengan pematuhan kepada syarat-syarat Tapak Warisan Dunia UNESCO akan menjadikan cadangan M-WEZ ini sebagai satu konsep pembangunan yang istimewa kepada pelabur-pelabur antarabangsa.

(c) *Request For Proposal (RFP)*

Penglibatan inisiatif awam dan swasta menerusi cadangan RFP untuk membangunkan kawasan tanah kerajaan di kawasan tambakan laut.

KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk **Flagship 1: Zon Pembangunan Ekonomi - Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)** dapat direalisasikan dan bertindak sebagai *game changer* pertumbuhan ekonomi untuk menarik lebih ramai pelabur baharu ke negeri Melaka bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negeri khususnya bagi menjayakan **MKRA 1: Revolusi Industri dan Ekonomi**.

7.2 **Flagship 2: Pengurusan Air Mampan**

Malaysia antara negara bertuah di dunia kerana mempunyai suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak. Malaysia yang terletak di dalam kawasan doldrum khatulistiwa, akan sentiasa mempunyai langit berawan walaupun dalam keadaan kemarau yang teruk. Secara purata, Malaysia menerima 324 billion meter padu air hujan setahun. Namun begitu, negeri Melaka merupakan di kalangan 5 buah negeri di Malaysia selain dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor yang mempunyai sumber air yang sangat terhad atau *Water Stressed State* seperti laporan **National Water Resources Study (NWRS) 2000-2050**. Justeru, pengurusan air amatlah perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai hasrat Melakaku Maju Jaya.

Pengurusan air di negeri Melaka berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kekurangan sumber air, banjir, kemarau dan pencemaran serta kesan perubahan iklim yang memerlukan tindakan pencegahan, pemuliharaan dan penyesuaian. Oleh yang demikian, pengurusan air yang cekap dan berkesan merupakan fokus utama untuk mengekalkan pengurusan air yang mampan.

Pengurusan air mampan adalah berasaskan kepada **MKRA 2: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat** dengan memberi penekanan kepada **3 fokus utama** seperti berikut:

- (a) Pengurusan Air Mentah;
- (b) Pengurusan Air Terawat; dan
- (c) Pengurusan Banjir.

Di bawah **Flagship 2: Pengurusan Air Mampan** ini terdapat **10 Strategi**, **53 Quick Wins** dan **9 Symbolic Actions** yang bakal dan sedang dilaksanakan oleh agensi yang terlibat.



7.2.1 Strategi 1: Memastikan Ketersediaan Sumber Air Berada Pada Tahap Optimum Seiring Dengan Model Pembangunan Negeri

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 1		Memastikan Ketersediaan Sumber Air Berada Pada Tahap Optimum Seiring Dengan Model Pembangunan Negeri		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Mentah)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1	Projek Pelencongan Aliran Air Tercemar dari Sungai Semujuk dan Sungai Paya Lebar ke Hilir Muka Sauk Lancang	2020 - 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber air pada tahap 800 juta liter sehari (2021: 710 juta liter) 	• BKSA
2.	Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus	2021 - 2023		
3.	Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih, Alor Gajah	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> • Tambahan 100 juta liter sehari air mentah 	• KASA
4.	Projek Abstrak Air dari Kolam Tebatan Banjir JPS di Durian Tunggal dan Krubong ke Empangan Durian Tunggal	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> • Tambahan 80 juta liter sehari air mentah 	
5.	Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Tasik Biru, Ayer Molek dan Sungai Duyung	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> • Tambahan 310 juta liter sehari air mentah 	
6.	Kajian Kemungkinan Pembinaan Empangan Pesisir Pantai (<i>Coastal Reservoir</i>) di negeri Melaka	2024 - 2029	<ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan bajet Persekutuan RP3 	
7.	Kajian Kemungkinan <i>Inter Basin Transfer</i> di Lembangan Sungai negeri Melaka	2023 - 2028	<ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan bajet Persekutuan RP3 	• BKSA
8.	Majlis Sumber Air Negeri Melaka (MANM)	2021	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan MANM 	

Projek-projek pembangunan sumber air ini dirancang bagi memastikan ketersediaan sumber air di dalam negeri Melaka. Sebagai contoh, Pembinaan Projek Pelencongan Aliran Air Tercemar dari Sungai Semujuk dan Sungai Paya Lebar ke Hilir Muka Sauk Lanchang yang berpunca dari pencemaran air Sungai Kesang dan pernah menjadi isu utama sekitar tahun 2014. Melalui pelaksanaan projek ini, pergantungan sumber air dari Muar, Johor untuk Loji Rawatan Air Chin-Chin dan Loji Rawatan Air Merlimau dapat dihentikan dan diteruskan dengan menggunakan air Sungai Kesang secara keseluruhan.

Selain itu, terdapat juga projek-projek yang dikenal pasti dapat meningkatkan kapasiti air mentah untuk negeri Melaka seperti Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus dengan pertambahan 220 juta liter sehari dan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih dengan kapasiti takungan berjumlah 13,000 juta liter sehari dengan pertambahan 100 juta liter sehari. Projek-projek tersebut akan berjaya menampung keperluan permintaan air sehingga tahun 2035.

Kerajaan Negeri juga komited dalam merencanakan struktur pelan jangka masa panjang dengan membuat 2 kajian iaitu Kajian Kemungkinan Pembinaan Empangan Pesisir Pantai (*Coastal Reservoir*) dan Kajian Kemungkinan *Inter Basin Transfer* di Lembangan Sungai Negeri Melaka yang telah selesai pada Disember 2020. Pelaksanaan kedua-dua projek ini akan meningkatkan kapasiti air mentah sehingga 300 juta liter sehari dan boleh menampung keperluan penduduk negeri Melaka sehingga tahun 2070.

Symbolic Actions bagi strategi ini adalah dengan menubuhkan **Majlis Sumber Air Negeri Melaka (MANM)** yang merupakan platform untuk membincangkan hala tuju dan semua isu pengurusan air di negeri Melaka secara holistik.

7.2.2 Strategi 2: Menjadikan Sektor Pengurusan Air Sebagai Penyumbang Hasil Negeri

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 2		Menjadikan Sektor Pengurusan Air Sebagai Penyumbang Hasil Negeri		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Mentah)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1. 1.	Kajian hasil laut di negeri Melaka melalui aktiviti pengubahan sumber seperti yang tertakluk di dalam Enakmen Sumber Air (2014) Negeri Melaka	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Mensasarkan peningkatan 60% berbanding hasil semasa <p>Tahun 2020 = RM 11 Juta</p> <p>Tahun 2023 = RM 30 Juta</p>	• BKSA
2.	Semakan semula kadar caj air bagi penggunaan komersial	2021 - 2023		
3.	Penguatkuasaan Lesen Abstraksi Air Mentah	2021 - 2023		
4.	Pemerkasaan institusi Badan Kawal Selia Air Melaka	2021 - 2025		

Pelbagai aktiviti pengubahan sumber berlaku di sekitar 3 batu nautika perairan negeri Melaka telah dikenal pasti untuk pertambahan hasil Kerajaan Negeri. Berdepan dengan peningkatan kadar permintaan air setiap tahun, maka tindakan penyemakan semula kadar caj air mentah perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi merancang pelbagai projek sumber air baharu demi menampung keperluan semasa dan akan datang.

Untuk mencapai hasrat tersebut, penguatkuasaan akan dipergiatkan sepanjang tahun ke atas pelesen-pelesen air mentah serta pemantauan ke atas kawasan-kawasan sumber air termasuk empangan, sungai, parit, kolam atau mana-mana badan air bagi memastikan kepatuhan terhadap undang-undang serta peraturan negeri.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah dengan menubuhkan **Lembaga Sumber Air Negeri Melaka (LSANM)** yang bakal mengembangkan fungsi, skop kerja dan tanggungjawabnya ke atas pengurusan air mentah selaras dengan Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

7.2.3 Strategi 3: Memelihara Ekosistem Badan Air Demi Keharmonian Masyarakat Sejagat

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 3		Memelihara Ekosistem Badan Air Demi Keharmonian Masyarakat Sejagat		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Mentah)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Penguatkuasaan ke atas aktiviti badan air mengikut peruntukan di dalam Enakmen Sumber Air (2014) Negeri Melaka	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Menyasarkan peningkatan jumlah kes pencemaran yang dibawa ke tindakan undang-undang 	• BKSA
2.	Penguatkuasaan Seksyen 8 dan Seksyen 39 Enakmen Sumber Air (2014) Negeri Melaka bagi tujuan kawalan pencemaran	2021 - 2023		
3.	Pewujudan satu polisi baru yang bersifat holistik antara agensi berkaitan melalui Majlis Air Negeri (MANM)	2023		
4.	Insentif Aduan Pencemaran	2021 - 2023		

Sepanjang tahun 2019, statistik aduan pencemaran menunjukkan negeri Melaka mencatat kes pencemaran sebanyak 37 kes seperti berikut:

Daerah Melaka Tengah	:	4 kes
Daerah Alor Gajah	:	23 kes
Daerah Jasin	:	10 kes
Jumlah Kes Pencemaran	:	37 kes

Untuk memastikan kawalan ke atas isu pencemaran seperti di atas, penekanan akan dibuat oleh BKSA untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014 di samping aduan orang awam supaya pengawalan terhadap aktiviti-aktiviti di badan air ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri melihat potensi kerjasama antara agensi berkaitan

melalui MANM dapat menggariskan satu polisi baharu yang mengambil kira isu pencemaran di kawasan badan air. Fokus polisi ini akan diberikan tumpuan penuh bagi permohonan atau pembaharuan lesen dan permit bagi aktiviti-aktiviti yang mampu menyumbang kepada pencemaran seperti aktiviti penternakan, perladangan, perikanan, industri dan lain-lain.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah dengan **mewujudkan Insentif Aduan Pencemaran kepada pengadu** dan secara tidak langsung dapat mendidik rakyat negeri Melaka supaya lebih prihatin dan bertanggungjawab dalam memelihara ekosistem di badan air.

7.2.4 Strategi 4: Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Baharu

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 4		Pembinaan Loji Rawatan Air Baharu		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Terawat)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	LRA Merlimau 2 (tambahan 55 juta liter sehari)	2013 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pengeluaran air terawat dari loji-loji adalah mencukupi (758 juta liter sehari) pada tahun 2023 	<ul style="list-style-type: none"> PAAB SAMB
2.	LRA Kompak Chin Chin (tambahan 30 juta liter sehari)	2020 - 2023		
3.	LRA Bukit Bulat (tambahan 10 juta liter sehari)	2020 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> 2020: 658 juta liter sehari 	
4.	LRA Jerneh Fasa 1 (tambahan 90 juta liter sehari)	2020 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> 2021: 688 juta liter sehari 	
5.	LRA Asahan (tambahan 5 juta liter sehari)	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> 2022: 718 juta liter sehari 	
6.	LRA Jus (tambahan 10 juta liter sehari)	2021 - 2023		
7.	LRA Sungai Siput (tambahan 9 juta liter sehari)	2021 - 2023		

Pada masa ini, negeri Melaka mempunyai 11 LRA. Secara keseluruhan, jangkaan pengeluaran air terawat untuk semua LRA di negeri Melaka adalah seperti berikut:

- | | | |
|------------|---|-----------------------|
| Tahun 2020 | : | 658 juta liter sehari |
| Tahun 2021 | : | 688 juta liter sehari |
| Tahun 2022 | : | 718 juta liter sehari |

Oleh itu, penambahbaikan telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti ke atas LRA yang ada untuk menampung keperluan bekalan air di masa hadapan. LRA yang sedang dan bakal dibina ini telah mengambil kira potensi peningkatan permintaan air bagi memastikan kesiapsiagaan dalam menghadapi permintaan dan keperluan domestik mahupun sektor industri di negeri Melaka.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah dengan memastikan **Sifar Catuan** bagi penduduk negeri Melaka amnya.

7.2.5 Strategi 5: Pembinaan Kolam Takungan Air Terawat Berpusat Baharu Di Kawasan Kerap Gangguan Bekalan Air

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 5		Pembinaan Kolam Takungan Air Terawat Berpusat Baharu di Kawasan Kerap Gangguan Bekalan Air		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Terawat)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME SASARAN 2023	PENERAJU
1.	Kolam Taman Kota Laksamana (Pangsapuri)	2021 – 2023		
2.	Kolam Taman Paya Emas	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan gangguan bekalan air di kawasan <i>water stressed</i> • Meminimakan aduan gangguan bekalan air akibat paip pecah 	<ul style="list-style-type: none"> • PAAB • SAMB
3.	Kolam Bukit Katil (Gold Coast)	2021 - 2023		
4.	Kolam Taman Baiduri	2021 - 2023		
5.	Kolam Taman Muzaffar Syah	2021 - 2023		
6.	Kolam Malim Jaya	2021 - 2023		
7.	Kolam Melaka Raya	2021 - 2023		
8.	Kolam Taman Merdeka	2021 - 2023		
9.	Kolam Bukit Katil (Taman Merak Mas)	2021 - 2023		
10.	Pewujudan SAMB <i>Intelligent Command Centre</i> (SICC)	2021 - 2023		

Kolam takungan air terawat secara berpusat ini merupakan langkah alternatif bagi mengawal sistem bekalan air khususnya kepada kawasan taman perumahan yang kerap menerima gangguan bekalan air. Kesemua 9 kolam takungan air terawat ini telah mengambil kira statistik aduan yang diterima oleh Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB).

Symbolic Action bagi strategi ini adalah dengan mewujudkan **SAMB Intelligent Command Center (SICC)** yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan serta analisa kritikal terhadap isu di dalam pengurusan air terawat negeri Melaka.

7.2.6 Strategi 6: Menaiktaraf Sistem Agihan Paip Air Terawat Secara Bersepadu (*Integrated Piping System*)

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 6		Menaiktaraf Sistem Agihan Paip Air Terawat Secara Bersepadu (<i>Integrated Piping System</i>)		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Terawat)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Projek pemasangan paip baharu dari Bukit Duyong ke Paya Ikan	2021-2023	<ul style="list-style-type: none"> Melengkapkan sistem bekalan air di negeri Melaka 	<ul style="list-style-type: none"> PAAAB SAMB
2.	Projek pemasangan paip baharu dari Kota Syahbandar ke Klebang	2021-2023		
3.	Projek pemasangan paip baharu dari Telok Mas ke Bukit Tembakau	2021-2023		
4.	Projek pemasangan paip dari Rumah Pam Durian Tunggal ke Rumah Awam Solok Badau	2021-2023		
5.	Projek pemasangan paip baharu dari Simpang Gold Coast (Bukit Katil) ke Kolam Air Bemban	2021-2023		
6.	Projek pemasangan paip baharu dari Hospital Oriental Medical Centre ke Hotel SWAN	2021-2023		
7.	Projek pemasangan paip baharu dari Empangan Jus ke LRA Gadek (Air Mentah)	2021-2023		
8.	Pewujudan SICC-Penurunan Non Revenue Water (NRW)	2021		

Secara keseluruhannya, penggantian semula sistem agihan paip secara *integrated piping system* perlu dilaksanakan bagi memastikan kelancaran sistem agihan air ke seluruh negeri Melaka. Ini adalah kerana usia saluran paip ini telah mencecah hampir 90 tahun dan memerlukan perancangan yang strategik dalam menentukan kaedah yang terbaik di dalam sistem agihan bekalan air yang efektif untuk masa akan datang. Kaedah ini akan mengurangkan risiko kehilangan air terawat sewaktu proses penghantaran bekalan air kepada pengguna.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah dengan mewujudkan **SAMB Intelligent Command Center (SICC)** yang akan memfokuskan kepada penurunan *Non Revenue Water* (NRW) terhadap pengurusan air terawat bagi negeri Melaka.

7.2.7 Strategi 7: Penambahbaikan Sistem Rawatan dan Penapisan Air Terawat, Penggantian Paip dan Agihan

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 7		Penambahbaikan Sistem Rawatan dan Penapisan Air Terawat, Penggantian Paip dan Agihan		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Terawat)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Projek penggantian paip dari Simpang Kolam Bukit Bahudin ke Pekan Jasin	2021-2023	• Mencapai 20% pengurusan NRW	• PAAB • SAMB
2.	Projek penggantian paip dari Kolam Bemban ke Pekan Bemban	2021-2023		
3.	Projek penggantian paip dari Kolam Lendu ke Pekan Masjid Tanah	2021-2023		
4.	Projek Penggantian paip dari Simpang Kolam Bukit Seraya ke Rumah Pam Kg. Pulau	2021-2023		
5.	Projek penggantian paip dari Gereja St. Francis Xavier ke Hotel Equatorial	2021-2023		
6.	Projek penggantian paip dari Kolam Lendu ke Jalan Seri Terubok, Masjid Tanah	2021-2023		
7.	Projek penggantian paip dari Simpang Lereh ke Simpang Masjid Tangga Batu	2021-2023		
8.	Projek penggantian paip dari Taman Teknologi Cheng Fasa 3	2021-2023		
9.	Inisiatif <i>Towards Drinking From The Tap</i>			

Inspeksi semula ke atas semua sistem rawatan sedia ada merangkumi sistem penapisan termasuk kerja-kerja penggantian paip harus dilaksanakan bagi memastikan reka bentuk yang diguna pakai sesuai dengan kualiti air semasa. Secara tidak langsung, ia berupaya mengurangkan kehilangan air dan menjamin kualiti air terawat kepada pengguna.

SAMB akan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan sistem rawatan ke atas kolam-kolam rawatan dan kerja-kerja penggantian paip bagi memastikan *Non-Revenue Water* (NRW) dapat dikawal dengan baik.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah dengan memperlihatkan usaha Kerajaan Negeri ke arah **Towards Drinking From The Tap** pada masa akan datang.

7.2.8 Strategi 8: Mengoptimumkan Penggunaan Air Oleh Rakyat Negeri Melaka

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 8		Mengoptimumkan Penggunaan Air Oleh Rakyat Negeri Melaka		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Air Terawat)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Kempen kesedaran penjimatian air - Iklan - Program /kempen - Hebahan Media	2021-2023	<ul style="list-style-type: none"> • 180 liter /individu sehari 	<ul style="list-style-type: none"> • BKSA • JPS • SAMB

Kerajaan Malaysia melalui KASA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menasarkan untuk mengurangkan penggunaan air bagi setiap rakyat Malaysia kepada 180 liter sehari menjelang tahun 2025. Sementara itu, *World Health Organization* (WHO) mencadangkan dunia untuk berada pada tahap penggunaan 160 liter sehari. Untuk negeri Melaka, penggunaan air bagi setiap individu yang dicatatkan pada tahun 2019 adalah berjumlah 228 liter sehari. Jika dibuat perbandingan, ia menunjukkan satu jurang yang amat ketara dari segi penggunaan air rakyat negeri Melaka berdasarkan kepada sasaran WHO dan juga Kerajaan Malaysia.

Justeru, kempen kesedaran terhadap pembaziran air menerusi medium pengiklanan,

pelancaran program mahupun hebahan menerusi platform media digital akan diperluaskan dengan harapan rakyat mengambil iktibar terhadap situasi Bekalan Air Berjadual di negeri Melaka pada Januari 2020.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah melalui **pelancaran Kempen Kesedaran Penjimatan Air** khusus untuk rakyat negeri Melaka.

7.2.9 Strategi 9: Memperkuuhkan Pengurusan Banjir

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat			
Strategi 9		Memperkuuhkan Pengurusan Banjir			
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Pengurusan Banjir)			
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU	
			SASARAN 2023		
1.	Kajian Melaka <i>Flood Free</i>	2021-2022 Dokumen Kajian	• Pelaksanaan Program/ Projek Hasil Kajian	• JPS	
2.	RTB Sungai Duyong	2021 - 2025	• Fasa Pembinaan: RTB Jasin, RTB Merlimau dan RTB Alor Gajah		
3.	RTB Bandar Jasin	2021 - 2024			
4.	RTB Bandar Merlimau	2023 - 2024			
5.	RTB Alor Gajah Fasa 1	2023 - 2024			
6.	RTB Sungai Melaka Fasa 1	2024 - 2025			
7.	<i>Kick-off Projects</i> RTB Melaka	2022			

Melihat kepada peningkatan jumlah *hot spot* banjir serta pertambahan statistik jumlah mangsa banjir di negeri Melaka saban tahun, Kerajaan Negeri komited dalam mencari kaedah penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah banjir di negeri Melaka.

Dalam usaha untuk mengenalpasti penyelesaian total kepada masalah banjir di negeri Melaka, satu kajian Melaka *Flood Free* akan disediakan. Kajian ini akan mengambil kira kajian yang telah dilaksanakan oleh Majlis Melaka Bandaraya Bersejarah (MBMB) di kawasan PBT berkenaan. Kajian tersebut dijangka akan dapat menggariskan tindakan menyeluruh untuk penyelesaian banjir bagi semua kawasan *hot spot* yang telah dikenalpasti oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sebagai perancangan jangka panjang, terdapat 5 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang sedang dan akan dilaksanakan oleh JPS Melaka bagi memastikan aliran limpahan sungai dan air hujan di daratan dapat ditakung dengan baik dan secara tidak langsung dapat meminimakan risiko berlakunya banjir di sesuatu kawasan. Selain itu, terdapat juga projek-projek berskala kecil tebatan banjir yang akan dilaksanakan menerusi *case by case basis*.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah **Kick-off Projects** di mana setiap pelaksanaan fasa pembinaan projek ini dikira sebagai simbolik kepada strategi untuk memperkuuhkan pengurusan isu banjir di negeri Melaka.

7.2.10 Strategi 10: Mengintegrasikan Air Banjir dan Bekalan Air

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 10		Mengintegrasikan Air Banjir dan Bekalan Air		
Flagship 2		Pengurusan Air Mampan (Pengurusan Banjir)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Menaiktaraf Kolam Tebatan Banjir Krubong - Durian Tunggal sebagai Kolam Dwi Fungsi untuk Tebatan Banjir dan Sumber Air Negeri Melaka	2021-2025	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Akhir Rekabentuk Terperinci 	<ul style="list-style-type: none"> • JPS
2.	Pelancaran <i>Water Resource and Flood Mitigation Project</i>	2021-2025		

Konsep mengintegrasikan air banjir dengan bekalan air yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri ini adalah yang pertama di Malaysia. Pendekatan ini menggunakan pakai potensi bekalan air mentah daripada RTB yang mampu meningkatkan lagi kapasiti air mentah di negeri Melaka.

Projek dwi fungsi RTB Durian Tunggal dan RTB Krubong ini bakal dimulakan pada tahun 2024 dan dijangka siap pada tahun 2027. Ia menggunakan RTB sedia ada dan dijadikan sebagai kolam takungan untuk sumber air mentah dengan kedalaman 22 meter yang mampu menampung takungan sejumlah 8.8 juta meter padu air mentah. Projek ini juga

melibatkan pembinaan rumah pam dan sistem saluran paip baharu terus ke Empangan Durian Tunggal dengan kapasiti pengepaman 100 juta liter sehari.

Symbolic Action bagi strategi ini adalah dengan menggunakan konsep *Water Resource and Flood Mitigation Project* yang mana ianya merupakan projek integrasi antara sumber air dan pengurusan banjir yang pertama di Malaysia.

Secara keseluruhan, pelaksanaan *Quick Wins* dan *Symbolic Actions* ini akan dapat mencapai 10 KPI yang ditetapkan seperti berikut:

Gambar rajah 7.2.1: KPI *Flagship 2: Pengurusan Air Mampan*



KESIMPULAN


Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk **Flagship 2: Pengurusan Air Mampan** dapat direalisasikan bagi mencapai pengurusan air yang lestari, dan seterusnya menyokong agenda pembangunan ekonomi negeri khususnya bagi menjayakan **MKRA 2: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat**.

7.3 **Flagship 3: Pembangunan Bersepadu**

Kerajaan Negeri menyasarkan konsep pembangunan bandar yang bersepadu berorientasikan transit atau *transit oriented development* (TOD). TOD adalah konsep pembangunan dalam lingkungan tadahan pejalan kaki dari terminal atau hab pengangutan transit yang diketengahkan di dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-3. Konsep pembangunan ini bertujuan untuk mewujudkan guna tanah yang efisien dan memastikan penggunaan infrastruktur transit dengan maksimum.

Untuk memastikan kawasan bandar sedia ada di seluruh negeri Melaka tidak ketinggalan, *flagship* Pembangunan Bersepadu turut menekankan keperluan untuk meningkatkan kecekapan dan kesalinghubungan sistem pengangutan sedia ada. Sistem jaringan jalan raya bersepadu, sistem pengangutan darat, udara dan perkhidmatan pelabuhan sedia ada perlu ditambah baik dalam memastikan pembangunan negeri Melaka yang lebih holistik.

Di bawah **Flagship 3: Pembangunan Bersepadu** menggariskan **1 Strategi** iaitu **Menerapkan Pembangunan Lestari Bagi Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat Menerusi Pemantapan Perancangan Pembangunan Pembandaran** dengan disokong oleh **7 Quick Wins** dan **2 Symbolic Actions**.



7.3.1 Strategi: Menerapkan Pembangunan Lestari Bagi Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat Menerusi Pemantapan Perancangan Pembangunan Pembandaran

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi		Menerapkan Pembangunan Lestari Bagi Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat Menerusi Pemantapan Perancangan Pembangunan Pembandaran		
Flagship 3		Pembangunan Bersepadu		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pelan Induk Pengangkutan Negeri Melaka (Melaka Transportation Master Plan) <ul style="list-style-type: none"> • Zon pembangunan TOD • Pengangkutan awam bersepadu • Jaringan jalan raya bersepadu • Pelabuhan • Pengangkutan udara 	2021 <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Induk Disiapkan • Pemilihan Jenis dan Jajaran Pengangkutan Awam Bersepadu 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan Induk dilaksanakan sebagaimana dirancang 	<ul style="list-style-type: none"> • UPEN • APAD • JPBD • JKR • PBT • CAAM • JLM
2.	Pembangunan Zon TOD <ul style="list-style-type: none"> • Melaka Sentral • Ayer Keroh • Pulau Sebang • Merlimau • M-WEZ • KLIP 	2023 <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan 2 zon TOD dimulakan 	Zon TOD dibangunkan	<ul style="list-style-type: none"> • JPBD • PBT
3.	Pembinaan Jajaran Jalan Baharu <ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf Jalan & Persimpangan Sedia Ada • Pembinaan Kemudahan Jejantas Pejalanan Kaki • Pelaksanaan Melaka Outer Ring Road (MORR) • Pelaksanaan Melaka Inner Ring Road (MIRR) • Membina Persimpangan Bertingkat 	<ul style="list-style-type: none"> • 2021 (8 projek) • 2022 (4 projek) • 2023 (1 projek) • 2025 (2 projek) • 2030 (1 projek) • 2035 (2 projek) 	<ul style="list-style-type: none"> • Infrastruktur jalan raya yang terhubung, efisien dan selamat • Peningkatan LOS jalan raya • Pengurangan jumlah kemalangan 	<ul style="list-style-type: none"> • JKR • MBMB
4.	Mekanisme Alternatif Bagi Meningkatkan Kecekapan Aliran Trafik <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan Sistem SMART Traffic Light • Pelaksanaan Zon Bebas Kenderaan di Bandaraya Melaka • Pembinaan Kemudahan Park and Ride • Penyediaan Lorong Basikal di Kawasan Pentadbiran PBT 	<ul style="list-style-type: none"> • 2021 (3 projek) • 2023 (2 projek) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kecekapan aliran trafik di jalan-jalan utama 	<ul style="list-style-type: none"> • JKR • MBMB • JPBD

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi		Menerapkan Pembangunan Lestari Bagi Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat Menerusi Pemantapan Perancangan Pembangunan Pembandaran		
Flagship 3		Pembangunan Bersepadu		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
5.	Transformasi perkhidmatan bas henti-henti (Panorama) <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Perniagaan Baharu Untuk Tempoh 5 Tahun • Pewartaan Terminal Pengangkutan Awam Sedia Ada • Pembelian Aset Baharu • Penambahan Laluan Baharu • Memperluaskan Perkhidmatan Bas Percuma • Penggunaan Aplikasi Pintar Bagi Memudahkan Pengguna 	<ul style="list-style-type: none"> • 2021 (2 program) • 2022 (2 program) • 2023 (2 program) 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan keselesaan penumpang • Peningkatan bilangan penumpang • Peningkatan bilangan laluan 	<ul style="list-style-type: none"> • UPEN • PANORAMA
6.	Pembangunan Pelabuhan Baharu Dan Sedia Ada <ul style="list-style-type: none"> • Pelabuhan Sungai Udang • Pembesaran Pelabuhan Tg. Bruas • Kuala Linggi International Port (KLIP) • Terminal Cruise • Pelabuhan Barter Trade Sg. Rambai • Pulau Sebang Inland Port 	2021 <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan pembesaran Pelabuhan Tg. Bruas 2030 <ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan KLIP, Terminal Cruise, Barter Trade & Inland Port 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan jumlah pengendalian kargo • Peningkatan bilangan penumpang dan pelancong 	<ul style="list-style-type: none"> • UPEN • MPM-WEZ • PKNM • JLM • LPM • MOT
7.	Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) <ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf Sistem Alat Pandu Arah Kapal Terbang • Penambahan Apron (Parking Bay) • Penambahan Taxiway • Pemanjangan Landasan • Menaiktaraf Terminal 	<ul style="list-style-type: none"> • 2021 (1 projek) • 2023 (3 projek) • 2030 (1 projek) 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan bilangan penumpang • Penambahan destinasi laluan udara • Pewujudan kendalian kargo 	<ul style="list-style-type: none"> • UPEN • MAHB • CAAM • MOT

(a) Pelan Induk Pengangkutan Negeri Melaka

Keperluan untuk menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Melaka adalah bagi memastikan perancangan infrastruktur pengangkutan yang bersepadu dapat direalisasikan seterusnya memastikan kesalinghubungan di antara kawasan-kawasan zon ekonomi sedia ada dan yang telah dirancang.

Pembangunan infrastruktur merupakan sokongan kepada perancangan pembangunan holistik sesebuah negeri. Ia adalah penting untuk memastikan kesinambungan di antara intra bandar dan juga antara bandar dan luar bandar.

Pelan ini amat diperlukan bagi mengukur keupayaan sistem pengangkutan sedia ada seterusnya memberikan ruang kepada Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti jenis pengangkutan transit baharu dan cadangan jajaran atau laluan sistem pengangkutan yang boleh dilaksanakan serta merancang kesalinghubungan di antara pelbagai mod pengangkutan pada masa hadapan.

(b) Pembangunan Zon *Transit Oriented Development*

TOD adalah pemangkin utama di dalam Pelan Pembangunan Negeri Melaka bertepatan dengan pewujudan M-WEZ dan Kuala Linggi International Port (KLIP). Selain itu, terminal pengangkutan transit sedia ada di Stesen Keretapi Pulau Sebang, Terminal Bas di Melaka Sentral dan cadangan pembangunan hab pendidikan di Bandar Hijau Ayer Keroh akan membuka ruang dan peluang kepada Kerajaan Negeri untuk merancakkan pembangunan di lokasi-lokasi tersebut.

(c) Jaringan Jalan Raya Yang Berhubungan, Efisien Dan Selamat

Infrastruktur jalan raya merupakan sistem pengangkutan konvensional yang banyak membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Selari dengan kepesatan pembangunan negeri Melaka, infrastruktur jalan raya sedia ada perlu ditambah baik bagi memastikan kawasan bandar dan zon ekonomi baharu dapat dihubungi melalui sistem jaringan jalan raya yang lebih efisien.

Kesesakan jalan raya merupakan salah satu impak negatif yang sering kali dikaitkan dengan pembangunan bandar. Justeru, perancangan penyuraian trafik Bandaraya Melaka telah disediakan dengan mengenal pasti infrastruktur jalan raya sedia ada yang perlu dinaik taraf kepada Jalan Lingkaran Luar Melaka (*Melaka Outer Ring Road*) dan Jalan Lingkaran Dalam Melaka (*Melaka Inner Ring Road*).

Peningkatan kenderaan bermotor setiap tahun telah menimbulkan isu berkaitan keselamatan jalan raya yang melibatkan pengguna seperti pejalan kaki. Penyediaan kemudahan yang membantu mengurangkan kemalangan melibatkan pejalan kaki turut dirancang terutamanya di lokasi-lokasi yang mempunyai isipadu trafik yang tinggi serta boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan yang berisiko seperti pelajar sekolah.

Pelaksanaan projek-projek berikut dapat menyediakan infrastruktur jalan raya yang berhubungan, efisien dan selamat, seterusnya meningkatkan *Level of Service (LOS)* jalan raya dan mengurangkan jumlah kemalangan.

Jadual 7.3.1: Senarai Projek Jaringan Jalan Raya

SENARAI PROJEK	JANGKA MASA	AGENSI PELAKSANA
Pembinaan Jajaran Jalan Baharu		
1. Jalan Hutan Percha – Tebong	2021	JKR
2. Jalan Paya Redan	2021	
3. Jalan Solok Ayer Limau – Kg. Jeram	2021	
4. Jalan Rim – Ulu Jasin	2022	
5. Membina baharu jalan Taman Murai Jaya	2022	
6. Pembinaan Pakej 4 (Hatten City – Semabok)	2023	
7. Jalan penghubung pelabuhan	2030	PENSWASTAAN
Menaiktaraf Jalan & Persimpangan Sedia Ada		
1. Naiktaraf Persimpangan Bemban	2021	JKR
2. Naiktaraf Persimpangan Kuala Sungga	2021	
3. Jalan Bukit Senjuang	2022	MBMB
Pembinaan Kemudahan Jejantas Pejalan Kaki		
1. SK Bachang	2021	JKR
2. Kg. Duyong	2021	
3. Kg. Balai Panjang	2021	
4. SMK Bukit Rambai	2021	
Pelaksanaan Melaka Outer Ring Road (MORR)		
1. Pembinaan jalan dari Taman Perindustrian Bukit Rambai (Lebuh SPA) ke Jeti Tg. Bruas	2025	JKR
2. Naiktaraf jalan dari simpang JPJ Bukit Katil ke Simpang Lebuh AMJ di Semabok	2025	
Pelaksanaan Melaka Inner Ring Road (MIRR)		
1. Menaiktaraf Jalan Pokok Mangga – Klebang (P10)	2030	JKR
Membina Persimpangan Bertingkat		
1. Persimpangan Cheng Perdana (Lebuh AMJ)	2035	JKR
2. Persimpangan Pulau Gadong (Lebuh AMJ)	2035	

(d) Mekanisme Alternatif Untuk Meningkatkan Kecekapan Aliran Trafik

Kecekapan sistem jaringan jalan raya sedia ada boleh ditingkatkan melalui penggunaan teknologi, kawalan secara peraturan atau pentadbiran dan penyediaan kemudahan awam yang bersepadu. Untuk tujuan itu, beberapa mekanisme alternatif telah dicadangkan bagi membantu meningkatkan kecekapan aliran trafik sedia ada khususnya di kawasan Bandaraya Melaka. Penggunaan Sistem *SMART Traffic Light* yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 di Lebuh Ayer Keroh, Lebuh AMJ dan Jalan Kota Laksamana akan diperluaskan ke seluruh negeri Melaka.

Selain itu, cadangan mewujudkan Zon Bebas Kenderaan (*Car Free Zone*) di Bandaraya Melaka mampu mengurangkan kesesakan di lokasi tumpuan pelancong. Untuk menyokong inisiatif ini, kemudahan *Park and Ride* di lokasi yang strategik perlu disediakan untuk membantu mengalirkan trafik dari kawasan tumpuan ke satu kawasan yang lain. Senarai projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:

Jadual 7.3.2: Senarai Projek Mekanisme Alternatif Untuk Meningkatkan Kecekapan Aliran Trafik

SENARAI PROJEK	JANGKA MASA	AGENSI PELAKSANA
1. Pelaksanaan Sistem SMART <i>Traffic Light</i> <ul style="list-style-type: none">• Lebuh SPA• Jalan Panglima Awang	2021 2021	JKR MBMB
2. Pelaksanaan Zon Bebas Kenderaan di Bandaraya Melaka	2021 2023	MBMB MBMB
3. Pembinaan Kemudahan <i>Park and Ride</i>	2023	PBT
4. Penyediaan Lorong Basikal di Kawasan Pentadbiran PBT		

(e) Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-Henti

Perkhidmatan bas henti-henti adalah merupakan satu mod pengangkutan awam sedia ada di negeri Melaka yang menawarkan perkhidmatan melibatkan 27 laluan bas. Selaras dengan perkembangan semasa industri pengangkutan, perkhidmatan bas henti-henti kini perlu bersaing dengan perkhidmatan teksi dan *e-hailing*, serta berhadapan dengan peningkatan kos operasi.

Dalam mendepani cabaran tersebut, transformasi perkhidmatan bas henti-henti sedia ada perlu dilaksanakan dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti, dipercayai dan selesa kepada orang awam untuk meningkatkan bilangan penumpang. Selain itu, pembelian aset baharu, penambahan bilangan laluan dan penggunaan aplikasi pintar perlu dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan bas henti-henti terus kekal relevan. Berikut adalah pelaksanaan program yang akan dilaksanakan:

Jadual 7.3.3: Senarai Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti

SENARAI PROGRAM	JANGKA MASA	AGENSI PELAKSANA
1. Pelan perniagaan baharu untuk tempoh 5 tahun	2021	PANORAMA
2. Pewartaan terminal pengangkutan awam sedia ada	2021	PBT
3. Pembelian aset		PANORAMA
4. Penambahan laluan baharu	2022	PANORAMA
5. Memperluaskan perkhidmatan bas percuma	2022	PANORAMA
6. Penggunaan aplikasi pintar bagi memudahkan pengguna	2023	PANORAMA
		2023


(f) Pembangunan Pelabuhan Baharu dan Sedia Ada

Kedudukan strategik negeri Melaka di Perairan Selat Melaka, yang merupakan laluan perkapalan terpenting di dunia perlu diambil peluang untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, cadangan untuk menaik taraf pelabuhan sedia ada serta pembinaan pelabuhan baharu meliputi pengendalian kontena, *oil and gas* serta pelancongan *cruise*, menjadi satu keutamaan dalam memastikan sektor ekonomi yang ditawarkan oleh industri maritim dapat dibawa masuk ke negeri Melaka. Laluan perkapalan yang sibuk di Selat Melaka juga akan membuka ruang kepada aktiviti ekonomi lain yang akan ditawarkan berkaitan dengan industri perkapalan .

(g) Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM)

Sektor perkhidmatan penerbangan di negeri Melaka melalui LTAM menunjukkan perkembangan yang positif pada tahun 2019 (pra COVID-19) dengan peningkatan bilangan penumpang. Statistik penumpang pada tahun 2016 hingga 2019 di LTAM adalah seperti berikut:

Carta 7.3.1: Statistik Penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka 2016-2019



Corak perjalanan udara pada dekad lalu dipengaruhi oleh perkembangan pesat Penerbangan Kos Rendah atau *Low Cost Carriers* (LCC) yang dianggarkan menyumbang sehingga 25 peratus daripada keseluruhan perjalanan udara global. Selain daripada impak ke atas peningkatan penumpang, LCC telah mewujudkan pelbagai perubahan penting dalam perjalanan udara seperti tumpuan terhadap lapangan terbang sekunder. Cadangan menaik taraf LTAM adalah selari dengan corak perjalanan udara pra COVID-19, seterusnya memberikan pilihan kepada pelancong untuk datang ke negeri Melaka dengan menggunakan mod pengangkutan udara.

Pelaksanaan projek menaik taraf LTAM akan dapat menyediakan infrastruktur lapangan terbang yang lebih baik, meningkatkan keupayaan lapangan terbang, seterusnya meningkatkan bilangan penumpang melalui pertambahan destinasi laluan udara dan penyediaan perkhidmatan pengendalian kargo.

Jadual 7.3.4: Senarai Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM)

SENARAI PROJEK	JANGKA MASA	AGENSI PELAKSANA
Pelaksanaan Projek Menaiktaraf LTAM		
1. Menaiktaraf sistem alat pandu arah kapal terbang	2021	UPEN / MAHB / CAAM / MOT
2. Penambahan Apron (<i>Parking Bay</i>)	2023	
3. Penambahan <i>Taxiway</i>	2023	
4. Pemanjangan Landasan	2023	
5. Menaiktaraf Terminal	2030	
Tambahan Destinasi Baharu Penerbangan		
1. Destinasi Penerbangan Domestik (5 Nos.)	2023	UPEN / MAHB / CAAM / MOT
2. Destinasi Penerbangan Antarabangsa (2 Nos.)	2023	

Antara ***Symbolic Actions*** yang akan dilaksanakan di bawah *flagship* ini adalah **Pelancaran Pembangunan TOD** di lokasi terpilih serta *kick-off* projek pelabuhan baharu yang telah dirancang.

KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya ***Flagship 3: Pembangunan Bersepadu*** dapat direalisasikan melalui perancangan pembangunan pembandaran dengan meningkatkan kualiti kemudahan infrastruktur dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi negeri khususnya bagi menjayakan **MKRA 2: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat**.

7.4 **Flagship 4: Digital Melaka**

Kerajaan Negeri telah mengiktiraf telekomunikasi sebagai utiliti ke-3 selepas air dan elektrik. Untuk mencapai hasrat tersebut, Majlis Digital Negeri Melaka telah ditubuhkan selari dengan penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara di peringkat Persekutuan. Ia bertujuan untuk memastikan pembangunan ekonomi digital di Malaysia adalah bersifat inklusif dengan memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi IR 4.0. Penubuhan Majlis Digital Negeri Melaka bertujuan untuk mencipta peluang pendapatan di kalangan rakyat dalam ekonomi digital dan menyelaras pelbagai inisiatif berkaitan digital yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Digital Melaka akan turut memfokuskan kepada perkara berikut bagi mendepani cabaran dan pembangunan negeri Melaka:

- (a) Pemantapan infrastruktur telekomunikasi;
- (b) Pemerksaan aplikasi pintar dan kandungan digital (Smart Melaka);
- (c) Tadbir urus digitalisasi kerajaan; dan
- (d) Kesedaran masyarakat ke arah pendigitalan.

Smart Melaka merupakan satu pendekatan bagi menyelesaikan masalah pembandaran dan meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri Melaka dengan penggunaan teknologi, inovasi dan digital. Antara komponen Smart Melaka ialah tadbir urus pintar dan ekonomi digital (*Smart Governance & Digital Economy*), tenaga pintar (*Smart Energy*), kehidupan dan keselamatan pintar (*Smart Living & Security*) dan pengangkutan pintar (*Smart Mobility*).

Sebagai sokongan kepada agenda pendigitalan Negeri Melaka, **Flagship 4: Digital Melaka** telah menggariskan sebanyak **3 Strategi** yang didukung dengan **8 Quick Wins** dan **2 Symbolic Actions**.



7.4.1 Strategi 1: Memantapkan Pembangunan Infrastruktur Komunikasi dan Digital

MKRA		Perluasan Inisiatif Pintar dan Pemerkasaan Data		
Strategi 1		Memantapkan Pembangunan Infrastruktur Komunikasi dan Digital		
Flagship 4		Digital Melaka		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
		SASARAN 2023		
1.	Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) JENDELA Fasa 1	2021 - 2023 <ul style="list-style-type: none"> • 103,088 premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit • Naik taraf rangkaian 4G dan pengenalan kepada 5G <ul style="list-style-type: none"> » Pemasangan rangkaian gentian optik baru » Penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir 2021 untuk pemantapan rangkaian 4G dan 5G » Membina menara komunikasi baharu di 29 lokasi bagi meluaskan liputan 4G » Menaiktaraf 502 stesen pengkalan 2G dan 3G sedia ada kepada 4G • Kempen kesedaran promosi penggunaan peralatan 4G 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelajuan jalur lebar mudah alih 4G 35Mbps (purata nasional) • Liputan jalur lebar 4G mudah alih 96.9% di kawasan berpenduduk • Pengenalan kepada liputan 5G 	<ul style="list-style-type: none"> • MCMC • MICTH • Telco

MKRA		Perluasan Inisiatif Pintar dan Pemerksaan Data		
Strategi 1		Memantapkan Pembangunan Infrastruktur Komunikasi dan Digital		
Flagship 4		Digital Melaka		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME SASARAN 2023	PENERAJU
2.	Projek Perintis Rangkaian Teknologi 5G Dan Full Fiberisation Di Kawasan Koridor M-WEZ	<p>2020 – 2023</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan pelaksanaan 5G di sektor industri utama koridor M-WEZ • 3 projek rintis aplikasi <i>Smart City</i> di kawasan M-WEZ <ul style="list-style-type: none"> -Smart Security -Smart Tourism -Smart Mobility • Pembangunan <i>full fiberisation</i> M-WEZ bagi sektor ekonomi utama di seluruh zon pembangunan M-WEZ 	<ul style="list-style-type: none"> • 5G: Secara rintis di M-WEZ 	<ul style="list-style-type: none"> • MPM-WEZ • MCMC • MICTH • Telco
3.	Pemerksaan Infrastruktur Hotspot WiFi Secara Percuma	<p>2020 – 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan capaian internet secara percuma di semua bangunan kerajaan, pusat membeli belah, pusat aktiviti belia dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> • 1,000 Access Point (AP) 	<ul style="list-style-type: none"> • MCMC • MICTH • Telco

(a) Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)

Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk memperluaskan liputan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar melalui inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti serta mempersiapkan negara ke arah teknologi 5G. Pelan JENDELA ini adalah bertujuan untuk meningkatkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih dan talian tetap.

Pelaksanaan JENDELA merangkumi perluasan purata liputan jalur lebar mudah alih 4G Nasional daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus di kawasan berpenduduk, mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25 Mbps kepada 35 Mbps serta membolehkan 7.5 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan Gigabit. Ia juga akan membabitkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir tahun 2021 untuk pemantapan rangkaian 4G serta memperkuuhkan asas bagi rangkaian 5G.

Di bawah Pelan JENDELA, untuk meluaskan rangkaian gentian optik, sebanyak 103,088 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan Gigabit di seluruh negeri Melaka. Manakala untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih, sejumlah 29 menara baharu akan dibina, dan sebanyak 502 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaiktaraf kepada teknologi 4G.

(b) Projek Perintis Rangkaian Teknologi 5G Dan *Full Fiberisation* Di M-WEZ

Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjana pelaburan berimpak besar di M-WEZ melalui inisiatif awam dan swasta. Sehubungan dengan itu, infrastruktur digital yang maju dan terkehadapan diperlukan bagi menyediakan ekosistem yang bakal menarik pelaburan ke M-WEZ. Sebagai permulaan, 1 projek perintis bagi memperkasakan jaringan infrastruktur menara telekomunikasi untuk meningkatkan kapasiti dan capaian berdasarkan teknologi 5G akan dilaksanakan di M-WEZ.

(c) Pemerkasaan Infrastruktur *Hotspot Wifi* Secara Percuma

Kerajaan Negeri berusaha menambah baik kemudahan WiFi percuma melalui jaringan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta bagi membolehkan rakyat mengakses internet percuma secara optimum. Fokus utama inisiatif ini adalah untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 1,000 *access point* yang akan dimulakan di 43 premis Kerajaan Negeri dan 28 Kompleks JAPERUN.

7.4.2 Strategi 2: Memperluaskan Platform dan Aplikasi Digital

MKRA		Perluasan Inisiatif Pintar dan Pemerkasaan Data		
Strategi 2		Memperluaskan Platform dan Aplikasi Digital		
Flagship 4		Digital Melaka		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
1.	Pemantapan Platform Digital dan Pembangunan Aplikasi Pintar <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Electronic Registration and Result System (eRS) (JAiM)</i> ii. Menaik Taraf Portal Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka (eBayar) iii. Pemantapan dan Perluasan Sistem Tender <i>Online</i> (STOM) iv. Pemantapan Sistem Darjah Kebesaran Negeri Melaka 	2021 - 2023 <ul style="list-style-type: none"> • Sistem eRS JAiM Menambah modul-modul baru dan menambahbaik kefungsian sedia ada • Sistem eBayar Meluaskan perkhidmatan bersepadu pembayaran secara atas talian dengan penglibatan lebih banyak agensi • Sistem STOM STOM berintegrasi dengan iSpeks dan perluasan penggunaan STOM di agensi dan PBT • Sistem Darjah Kebesaran Negeri Melaka Menaik taraf sistem <i>client-based</i> sedia ada kepada versi <i>web-based</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Perluasan penggunaan platform digital dan aplikasi pintar • Peningkatan transaksi atas talian sebanyak 30% 	<ul style="list-style-type: none"> • BTMK • JAiM • BKP • Agensi Kerajaan

Pemantapan Platform Digital Dan Pembangunan Aplikasi Pintar

Kerajaan Negeri telah membangunkan pelbagai platform untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan secara lebih berkesan. Antara aplikasi pintar yang telah disediakan adalah seperti Electronic Registration and Result System (ERS), Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Melaka (Melaka eBayar), E-TAPEM, Sistem Tender Online Melaka (STOM) dan Sistem Darjah Kebesaran Negeri Melaka. Kerajaan Negeri akan terus memperluaskan lagi platform digital ini melalui pembangunan aplikasi pintar.

7.4.3 Strategi 3: Membangunkan Smart Melaka

MKRA		Perluasan Inisiatif Pintar dan Pemerkasaan Data		
Strategi 3		Membangunkan Smart Melaka		
Flagship 4		Digital Melaka		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Smart Melaka – Smart Governance & Digital Economy <ul style="list-style-type: none"> i. Membangunkan Blueprint Smart Melaka 2035 ii. Inisiatif Data Raya Melaka 	2020-2021 <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan Blueprint Smart Melaka 2035. • Membangunkan data raya Negeri Melaka 	<ul style="list-style-type: none"> • Blueprint Smart Melaka 2035 dilaksanakan sebagaimana dirancang • Pembangunan produk data/BDA secara <i>Proof of Concept</i> (PoC) 	<ul style="list-style-type: none"> • UPEN • ITP • BTMK
2.	Smart Melaka – Smart Energy <ul style="list-style-type: none"> i. Projek Rintis Smart Grid ii. Tenaga boleh diperbaharui Solar PV penggunaan aplikasi 	2021 – 2023 <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan projek <i>Smart Meter</i> secara holistik di dalam sistem pengurusan bangunan, ladang solar dan grid elektrik • Pelaksanaan pemasangan solar PV di atas bumbung (<i>Roof Top</i>) dan Ladang Solar (<i>Solar Farm</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> • Projek Rintis <i>Smart Grid</i> dilaksanakan • 300 MW Solar PV 	<ul style="list-style-type: none"> • PTHM • TNB

MKRA		Perluasan Inisiatif Pintar dan Pemerkasaan Data		
Strategi 3		Membangunkan Smart Melaka		
Flagship 4		Digital Melaka		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
3.	Smart Melaka - Smart Living & Security Smart CCTV	2021 – 2023 • Penambahan pemasangan CCTV dengan kebolehupayaan <i>Smart Surveillance</i>	• 1,000 <i>Smart CCTV</i>	• PBT
4.	Smart Melaka - Smart Mobility Projek Rintis <i>Smart Mobility</i> <i>Smart Parking,</i> <i>Smart Traffic Light,</i> <i>Smart Public Transport,</i> <i>Smart River</i> <i>Smart LED Street Light</i>	2021 – 2023 • Meningkatkan elemen <i>sensor</i> dan IOT di dalam bandar	• Projek Rintis dilaksanakan	• PBT • JPS • JKR • UPEN

Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan negeri Melaka sebagai sebuah negeri pintar melalui teknologi dan inovasi digital bagi meningkatkan tahap sosio ekonomi rakyat negeri Melaka. Untuk merealisasikan hasrat ini, strategi Smart Melaka telah menggariskan 4 *Quick Wins* seperti berikut:

(a) **Smart Melaka - Smart Governance & Digital Economy**

Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif ini bagi meningkatkan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan yang efisien kepada rakyat melalui penggunaan teknologi, informasi dan komunikasi dalam pentadbiran kerajaan, mewujudkan keterbukaan data bersesuaian dengan keperluan rakyat.

Pada masa ini, kebanyakan data dan maklumat adalah tidak berpusat dan berada di setiap jabatan dan agensi masing-masing. Sehubungan dengan itu, inisiatif Big Data Negeri Melaka telah diwujudkan bagi mendapatkan dan menyelaraskan serta menganalisa data-data secara berpusat. Buat permulaan, dua sistem yang mengandungi maklumat berkaitan projek-projek pembangunan dan penerima bantuan kemiskinan telah berjaya dibangunkan. Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan pihak Unit Pemodenan

Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Universiti Teknologi Malaysia Melaka (UTeM) untuk mengenalpasti data-data yang bersesuaian untuk menyokong pembangunan *Big Data* tersebut.

(b) Smart Melaka – *Smart Energy*

Memandangkan kadar peratusan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di negeri Melaka masih rendah, maka Kerajaan Negeri menyasarkan lebih banyak penjanaan tenaga boleh diperbaharui untuk dilaksanakan di negeri Melaka. Untuk mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri menggalakkan lebih banyak bangunan di negeri Melaka mengambil inisiatif untuk memasang solar atas bumbung di bangunan masing-masing. Selain itu, seluruh bangunan Kerajaan Negeri Melaka dan Pihak Berkuasa Tempatan juga disaran untuk melaksanakan pemasangan Solar Atas Bumbung atau *Solar Roof-Top*.

(c) Smart Melaka – *Smart Living & Security*

Gaya hidup bandar secara pintar, hijau dan bersih serta saling terhubung merupakan keperluan hidup masa kini. Justeru, Kerajaan Negeri amat menitik beratkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat bagi mengekang elemen jenayah dan vandalisme. Sehubungan dengan itu, infrastruktur sedia ada telah dinaik taraf bagi meningkatkan kecekapan agensi kerajaan, antaranya melalui pemantauan trafik, penguatkuasaan oleh PBT dan pencegahan jenayah menggunakan teknologi pintar.

(d) Smart Melaka – *Smart Mobility*

Dalam meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan di negeri Melaka, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan. Penyelarasan pelbagai pilihan pengangkutan yang sistematik melalui perjalanan darat, udara dan air yang menghubungkan kawasan kediaman, tempat kerja, kawasan rekreasi, dan stesen pengangkutan serta mesra Orang Kelainan Upaya telah diperkenalkan. Elemen penting yang dititik beratkan dalam penyelarasannya adalah penggunaan teknologi hijau dan digital untuk memberi perkhidmatan yang efisien kepada rakyat.

Symbolic Actions yang telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah *flagship* ini adalah **pembinaan menara telekomunikasi di kawasan M-WEZ** dan **Pelancaran Blueprint Smart Melaka 2035**.

Pencapaian pelaksanaan inisiatif yang dirancang akan dinilai berdasarkan KPI yang telah ditetapkan seperti berikut:

Gambar rajah 7.4.1: KPI *Flagship 4: Digital Melaka*

	KPI 1: Peningkatan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih	KPI 2: Peningkatan Kelajuan Jalur Lebar Mudah Alih	KPI3: Peningkatan Capaian Jalur Lebar Talian Tetap (Gentian Optik Gigabit)	KPI 4: Peningkatan Penyediaan Infrastruktur WIFI Percuma
(2035) TO BE	5G: 100% /Teknologi baru	1 GBps /Teknologi baru	100% premis	Aplikasi Teknologi baru
(2025)	3G: 100% 4G: 100% 5G: Secara rintis di M-WEZ	35MBps purata negeri Rintis di M-WEZ: 1 GBps	200,000 premis (74%) 157,123 - 58.2% dari jumlah 270,090 premis Committed by TELCO + 43,000 premis	1,000 access point
AS IS (2020)	3G: 99.8% 4G: 98.2%	25MBps purata negeri	54,035 premis 20% dari jumlah 270,090 premis	- 43 Premis Kerajaan Negeri - 28 Japerun (220 access point)

	KPI 5: Smart Melaka - Smart Governance & Digital Economy	KPI 6: Smart Melaka - Smart Energy	KPI 7: Smart Melaka - Smart Living & Security	KPI 8: Smart Melaka - Smart Mobility
(2035)	Smart Digital Melaka			
TO BE (2025)	<ul style="list-style-type: none"> Platform Digital Portal Kerajaan Negeri Aplikasi Pintar Mobile Apps (Melaka Pay 2021, Melaka Info 2022) Projek Rintis Big Data (Melaka Prime & Melaka Monitor) Platform Data Terbuka oleh agensi kerajaan E-Dagang untuk usahawan digital. 	<ul style="list-style-type: none"> Projek Rintis Smart Grid dilaksanakan 300 MW Solar PV (Roof Top, Solar Farm) 	<ul style="list-style-type: none"> 1,000 CCTV dengan Smart Surveillance Projek Rintis Pengindahan Bandar melalui Teknologi Hijau dan Digital Projek Rintis Smart Farming & Akuakultur Program Kesedaran Smart Digital Melaka. 	Projek Rintis Smart Mobility (Smart Parking, Smart Trafic Light, Smart Public Transport, Smart River)
AS IS (2020)	<ul style="list-style-type: none"> Pengenalan Inisiatif Data Raya Pengenalan Inisiatif Data Terbuka Aplikasi E-Kerajaan Pentadbiran Negeri Penubuhan Majlis Digital 	<ul style="list-style-type: none"> 300,000 Smart Meter dipasang Kapasiti Solar PV 119.1MW 	200 CCTV telah dipasang PBT	<ul style="list-style-type: none"> 8 Stesen Pengecas Kereta Elektrik 2 Bas Elektrik

KESIMPULAN


Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya **Flagship 4: Digital Melaka** dapat direalisasikan bagi meningkatkan infrastruktur komunikasi, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan sosio ekonomi rakyat negeri Melaka seterusnya menyokong agenda pembangunan ekonomi negeri khususnya bagi menjayakan **MKRA 3: Peluasan Inisiatif Pintar dan Pemerkasaan Data**.

7.5 **Flagship 5: Melaka Negeri Usahawan**

Kerajaan Negeri Melaka bersedia membantu usahawan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di negeri ini bagi memastikan kumpulan tersebut dapat mengembangkan perniagaan mereka. Di samping itu, pemantauan juga penting bagi memastikan usahawan tersebut dapat menguruskan perniagaan mereka dengan baik dan seterusnya menjadi penyumbang kepada kekuatan ekonomi negeri serta negara.

Usahawan PKS ini diberikan keutamaan memandangkan kumpulan ini merupakan antara penyumbang terbesar kepada kekuatan ekonomi khususnya di negeri Melaka memandangkan lebih daripada 90 peratus kekuatan ekonomi negeri datang daripada usahawan PKS yang merangkumi pelbagai sektor.

Sebagai sokongan kepada **MKRA 4: Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan**, Kerajaan Negeri telah menjadikan aktiviti pembangunan usahawan sebagai salah satu keutamaan melalui **Flagship Melaka Negeri Usahawan** dengan memperkasakan ekosistem keusahawanan secara komprehensif dan inklusif melalui penglibatan aktif daripada pihak kepimpinan Kerajaan Negeri.



Di bawah **Flagship 5: Melaka Negeri Usahawan**, terdapat **1 Strategi** iaitu **Memperkasa Ekosistem Keusahawanan Secara Komprehensif dan Inklusif**. Strategi ini didukung oleh **8 Quick Wins** dan **8 Symbolic Actions** yang sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi yang terlibat.

7.5.1 Strategi: Memperkasa Ekosistem Keusahawanan Secara Komprehensif dan Inklusif

MKRA		Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan		
Strategi		Memperkasa Ekosistem Keusahawanan Secara Komprehensif dan Inklusif		
Flagship 5		Melaka Negeri Usahawan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pelancaran Platform Digital Melaka · <i>Easy Shop Melaka (platform e-commerce)</i>	2021	<ul style="list-style-type: none"> Pendaftaran usahawan dan produk melalui platform <i>Easy Shop</i> 	<ul style="list-style-type: none"> PMME UPEN
2.	Program Penjana (<i>Urban Farming</i>) · Perasmian Projek Rintis Pertanian Komuniti Sejahtera di Masjid Tanah	2021	<ul style="list-style-type: none"> Pewujudan seramai 40 orang usahawan <i>Urban Farming</i> 	<ul style="list-style-type: none"> DOA UPEN MAIM
3.	Program Melaka Agro Market (<i>Mix Market</i>) · Projek Rintis di Kompleks Seri Negeri yang melibatkan usahawan pelbagai sektor	2021	<ul style="list-style-type: none"> Pewujudan Melaka Agro Market di setiap daerah 	<ul style="list-style-type: none"> FAMA UPEN
4.	Program Pembangunan Usahawan Perikanan · Program Rintis Jualan Ikan Betta (<i>Pelaga</i>) di Pejabat Perikanan Batu Berendam	2021	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan 7 usahawan Akuakultur 	<ul style="list-style-type: none"> DOF FAMA
5.	Projek Naik Taraf Infrastruktur Kawasan Perniagaan di MITC Ayer Keroh	2022 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Pengoperasian 80% premis perniagaan 	<ul style="list-style-type: none"> MPHTJ UPEN
6.	Pengisian dan Pengoperasian Usahawan di Premis Melaka Halal Hub Serkam	2021 - 2022	<ul style="list-style-type: none"> Pengisian premis usahawan sedia ada sebanyak 147 lot 	<ul style="list-style-type: none"> PKNM
7.	Pembangunan Kawasan Perindustrian Melaka Halal Hub Serkam 2.0 · Konsep <i>Gated and Guarded</i>	2021 - 2022	<ul style="list-style-type: none"> 70 Lot Industri dan Premis Usahawan Baharu 	<ul style="list-style-type: none"> PKNM
8.	Pembangunan Usahawan Komuniti Melalui Koperasi	2021-2022	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran 3 koperasi usahawan tani ditubuhkan 	<ul style="list-style-type: none"> SKM JABATAN PERTANIAN

Sehingga pertengahan tahun 2020, usahawan negeri Melaka yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat

Malaysia (SSM) adalah seramai 57,695 orang. Kerajaan Negeri menyasarkan pertambahan 30 peratus usahawan menjelang penghujung tahun 2025 melalui KPI yang memberi keutamaan untuk mewujudkan peluang perniagaan bagi usahawan dalam negeri Melaka. Untuk merealisasikan hala tuju Melaka Negeri Usahawan, pelan tindakan telah dirangka seperti berikut:

(a) Platform Digital Melaka – *Easy Shop Melaka*

Easy Shop Melaka menyasarkan penglibatan rakyat negeri Melaka berniaga secara atas talian. Ia juga bertujuan untuk melahirkan generasi *digital literate* dan *think global* yang mampu memberi impak besar kepada kemajuan ekonomi negeri Melaka. Platform e-dagang ini akan berperanan sebagai bank data usahawan bagi Kerajaan Negeri. Ia mengandungi maklumat komprehensif mengenai profil usahawan, produk, hasil jualan, pendapatan dan kaedah operasi usahawan. Sehingga kini, seramai 180 orang usahawan telah berdaftar dengan platform digital ini. Sasaran pada tahun 2021 adalah seramai 400 orang usahawan akan berdaftar dengan platform tersebut.

(b) *Urban Farming*

Ia merupakan Projek Rintis Pertanian Bandar yang bertujuan untuk melahirkan usahawan di kalangan golongan asnaf atau rakyat negeri Melaka yang terjejas pendapatan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Bidang yang akan diberi keutamaan adalah fertigasi sayuran dengan sasaran seramai 40 usahawan dapat dilahirkan dalam tempoh masa terdekat. Projek ini akan dikembangkan ke seluruh negeri Melaka.

(c) *Melaka Agro Market*

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda di samping memberikan kemudahan kepada komuniti setempat untuk mendapatkan bekalan keperluan harian dengan harga yang lebih rendah. Satu projek rintis melibatkan usahawan pelbagai sektor akan dilaksanakan di Kompleks Seri Negeri pada tahun 2021. Sasaran pada masa akan datang adalah untuk mewujudkan *Melaka Agro Market* di semua daerah di negeri Melaka.

(d) *Usahawan Ikan Betta*

Inisiatif ini merupakan projek rintis transformasi daripada hobi kepada usahawan kerana produk ikan betta mempunyai nilai harga jualan yang tinggi. Ikan betta bukan sahaja senang dibela bahkan telah wujud persatuan yang merancakkan lagi industri ikan ini. Potensi penjualannya bukan sahaja secara fizikal malah melalui penjualan secara *online*. Perancangan akan datang adalah bagi mewujudkan Hab Ikan Betta di negeri Melaka. Lokasi cadangan projek tersebut adalah di Batu Berendam dengan kerjasama di antara Jabatan Perikanan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

(e) Naik Taraf Infrastruktur Perniagaan

Pelaksanaan kerja-kerja naik taraf infrastruktur perniagaan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan negeri Melaka. Salah satu kawasan yang menjadi tumpuan adalah kawasan perniagaan di MITC, Ayer Keroh. Lokasi ini mempunyai kawasan niaga yang luas, selesa dan berbungbung dengan kadar sewa yang berpatutan. Pencahayaan lampu jalan yang terang turut diberi tumpuan untuk menarik lebih ramai pengunjung ke lokasi tersebut. Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan di kawasan tersebut seperti jualan usahawan dan persembahan *busking* di samping gerai makanan, aksesori wanita, aksesori lelaki, gajet IT, hiasan dalaman dan lain-lain.

(f) Pengisian dan Pengoperasian Usahawan di Premis Melaka Halal Hub Serkam

Melaka Halal Hub Serkam merupakan pusat industri halal pertama di Malaysia. Sehingga kini, sebanyak 103 syarikat yang mengeluarkan pelbagai produk makanan dan minuman sedang beroperasi di kawasan tersebut. Pengisian dan pengoperasian sepenuhnya Melaka Halal Hub perlu dilaksanakan untuk memantapkan lagi aktiviti keusahawanan di negeri Melaka. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Invest Melaka akan memaksimumkan kapasiti Melaka Halal Hub bagi memperkembangkan Usahawan Produk Halal di samping memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk beroperasi di dalam kawasan perniagaan yang kondusif. Selain itu, pengoperasian usahawan di kawasan ini akan meningkatkan lagi keyakinan para pengguna terhadap produk yang dihasilkan memandangkan kawasan ini memenuhi piawaian minimum halal.

(g) Pembangunan Kawasan Perindustrian Halal Hub Serkam 2.0

Cadangan projek ini adalah pertambahan kepada kawasan sedia ada. Pelaksanaannya adalah berkonsepkan *Gated and Guarded*, yang memberi nilai tambah kepada tempat dan keselamatan kawasan perindustrian Melaka Halal Hub. Ia juga adalah untuk memenuhi permintaan daripada pelabur khususnya dalam industri produk halal. Selain itu, pembangunan kawasan halal hab tersebut dapat merancakkan lagi ekonomi dan membantu mempercepatkan pertumbuhan kawasan luar bandar.

(h) Pembangunan Usahawan Melalui Koperasi

Sehingga kini, sebanyak 467 koperasi telah ditubuhkan di negeri Melaka. Koperasi merupakan suatu entiti perniagaan yang ditubuhkan secara sukarela bagi menjaga kebajikan ahli-ahlinya berdasarkan konsep kerjasama dan semangat tolong-menolong. Pendekatan yang boleh digunakan untuk meningkatkan penglibatan rakyat sebagai usahawan adalah melalui koperasi

Salah satu bidang perniagaan yang boleh dilaksanakan adalah untuk membangunkan koperasi

berasaskan pertanian. Ia bertujuan untuk membantu ahli-ahli bergiat dalam sektor pertanian dengan sokongan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Jabatan Pertanian. Selain itu, aktiviti perniagaan dalam bidang pertanian ini juga boleh membantu menyediakan bekalan makanan kepada rakyat negeri Melaka. Tiga koperasi disasar diwujudkan di negeri Melaka berkaitan tanaman sayuran, Nanas MD2 serta Tanaman Jagung Mutiara dan Jagung Ungu.

Antara ***Symbolic Actions*** yang akan dilaksanakan di bawah strategi ini adalah **Pelancaran Easy Shop Melaka**, **Perasmian Projek Rintis Pertanian Komuniti Sejahtera** di Masjid Tanah dan **Projek Rintis Melaka Agro Market** di Kompleks Seri Negeri dan **Program Rintis Jualan Ikan Betta** di Pejabat Perikanan Batu Berendam.

KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya **Flagship 5: Melaka Negeri Usahawan** dapat direalisasikan bagi memperkasakan ekosistem keusahawanan untuk memastikan usahawan sedia ada dapat meningkatkan pendapatan masing-masing di samping melahirkan usahawan baharu dalam pelbagai bidang. Pelaksanaan *flagship* ini juga akan menyokong agenda pembangunan ekonomi negeri khususnya dalam menjayakan **MKRA 4: Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan**.

7.6 **Flagship 6: Melaka Negeri Pelancongan**

Negeri Melaka telah diisytiharkan sebagai sebuah Bandaraya Bersejarah pada 15 April 1989 dan kemudiannya diiktiraf sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008. Pengiktirafan ini telah meletakkan negeri Melaka sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terunggul di dunia. Sektor ini telah membuka pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat negeri Melaka.

Sebagai sokongan untuk memperkasakan industri pelancongan ke tahap global, **Flagship 6: Melaka Negeri Pelancongan** telah menggariskan sebanyak **5 Strategi** yang didukung dengan **18 Quick Wins, 7 Symbolic Actions** dan **2 KPI**.

2 KPI bagi *Flagship 6*, Melaka Negeri Pelancongan adalah seperti berikut:

- (a) Menggambit 6.2 juta orang pelancong berkunjung ke negeri Melaka bagi tahun 2021 dengan peningkatan 10% pada setiap tahun. Bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri menyasarkan kehadiran seramai 7.45 juta orang pelancong; dan
- (b) Memanjangkan tempoh purata bermalam di negeri Melaka kepada 3 malam menjelang tahun 2023.



7.6.1 Strategi 1: Menjadikan Melaka di Antara 3 Destinasi Pelancongan Popular di Malaysia dan Terunggul di Dunia

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi 1		Menjadikan Negeri Melaka Di Antara Tiga Destinasi Pelancongan Popular di Malaysia dan Terunggul di Dunia		
Flagship 6		Melaka Negeri Pelancongan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Melaka Tourism Master Plan	2021 <ul style="list-style-type: none">Kajian dan penyediaan dokumen	<ul style="list-style-type: none">Pelaksanaan Melaka Tourism Master Plan	<ul style="list-style-type: none">BPPMOTACTourism MalaysiaPLAN MALAYSIAPBT
2.	Melaka Tourism Digital Platform	2021 <ul style="list-style-type: none">500 ribu <i>followers & subscribers</i>1,000 <i>merchants</i> berdaftar di Melaka eXcess7 NGO berdaftar di Lazada & Shopee	<ul style="list-style-type: none">1 juta <i>followers & subscribers</i>2,000 <i>merchants</i> berdaftar di Melaka eXcess7 NGO berdaftar di Lazada & Shopee	<ul style="list-style-type: none">BPPMOTACTourism MalaysiaPPSPMSMVKUIM7 NGO
3.	Penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan kebangsaan di negeri Melaka	2021 <ul style="list-style-type: none">115 acara pelancongan setiap tahun14 acara pelancongan utama	<ul style="list-style-type: none">100 acara pelancongan setiap tahun15 acara pelancongan utama	<ul style="list-style-type: none">BPPMOTACTourism Malaysia
4.	Pengaktifan laluan domestik dan antarabangsa di LTAM	<ul style="list-style-type: none">Sasaran 75,000 orang penumpang menggunakan LTAMSasaran penerbangan domestik dan antarabangsa yang dikenalpasti	<ul style="list-style-type: none">75,000 orang penumpang menggunakan LTAM	<ul style="list-style-type: none">MOTUPENMAHB

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi 1		Menjadikan Negeri Melaka Di Antara Tiga Destinasi Pelancongan Popular di Malaysia dan Terunggul di Dunia		
Flagship 6		Melaka Negeri Pelancongan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
5.	Kemudahan pelabuhan <i>cruise</i> antarabangsa selaras dengan pembangunan M-WEZ	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran 10,000 orang penumpang menggunakan perkhidmatan <i>cruise</i> di negeri Melaka 	<ul style="list-style-type: none"> 10,000 orang penumpang menggunakan perkhidmatan <i>cruise</i> 	<ul style="list-style-type: none"> MOT UPEN Jabatan Laut
6.	Kemudahan pendaratan pelancong melalui feri	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran 20,000 orang penumpang menggunakan perkhidmatan feri 	<ul style="list-style-type: none"> 20,000 orang penumpang menggunakan perkhidmatan feri 	<ul style="list-style-type: none"> MOT UPEN PPSPM Jabatan Laut

(a) **Melaka Tourism Master Plan**

Penyediaan *Melaka Tourism Master Plan* ini merangkumi pelan pembangunan pelancongan negeri Melaka yang komprehensif dengan mengambil kira Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah, Rancangan Kawasan Khas dan Rancangan Persempadanan Negeri Melaka.

Melaka Tourism Master Plan akan menjadi sumber rujukan utama bagi perancangan sektor pelancongan negeri Melaka dengan menetapkan perancangan dan hala tuju industri pelancongan negeri Melaka sehingga tahun 2035.

(b) **Melaka Tourism Digital Platform**

Selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa, Kerajaan Negeri Melaka telah memperkenalkan kempen-kempen promosi pelancongan seperti *Melaka Safe Haven*, *Melaka Is The Place To Be* dan *Relax in Melaka* melalui pelbagai platform digital seperti Melaka eXcess, Laman Web, Facebook, Instagram, Twitter, YouTube, TikTok, Lazada dan Shopee, *Virtual Tourism Platform* dan sebagainya.

(c) Penganjuran Acara Pelancongan

Kepelbagaiannya penganjuran acara pelancongan merupakan salah satu pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri Melaka. Kerajaan Negeri Melaka telah menyediakan sebanyak 115 acara pelancongan dengan 14 acara pelancongan utama, antaranya *Raptor Watch*, *Pesta Bunga Melaka*, *13th Anniversary Of UNESCO World Heritage City Celebration*, *Melaka By The Sea Carnival* dan *Melaka Fiesta* sepanjang tahun 2021.

(d) Pengaktifan Laluan Domestik dan Antarabangsa di LTAM

Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mengadakan perbincangan bersama dengan syarikat-syarikat penerbangan yang berpotensi untuk beroperasi di LTAM dengan menyasarkan seramai 75,000 orang penumpang menjelang tahun 2023. Di antara destinasi penerbangan yang berpotensi untuk dibangunkan ialah Pulau Pinang, Langkawi, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching manakala bagi destinasi antarabangsa ialah Pekanbaru, Jakarta, Surabaya dan Tanjung Pinang.

(e) Kemudahan Pelabuhan *Cruise* Antarabangsa

Pelancongan *cruise* merupakan salah satu konsep pelancongan yang berpotensi besar untuk dibangunkan di negeri Melaka. Kerajaan Negeri hendaklah segera menyediakan kemudahan pelabuhan *cruise* antarabangsa untuk meningkatkan bilangan pelancong ke negeri Melaka. Berdasarkan perkembangan semasa pelancongan *cruise* dan statistik pelancong yang telah turun ke negeri Melaka melalui sub-sektor pelancongan ini bermula pada tahun 2019 sebelum pandemik COVID-19, dijangka seramai 10,000 orang penumpang akan menggunakan perkhidmatan tersebut menjelang tahun 2023 dan perancangan ini akan diselaraskan di bawah pembangunan M-WEZ.

(f) Kemudahan Pendaratan Pelancong Melalui Perkhidmatan Feri

Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) juga menjadi salah satu pintu masuk pelancong antarabangsa ke negeri Melaka. Sasaran seramai 20,000 orang penumpang akan menggunakan perkhidmatan feri menjelang tahun 2023. Justeru, Kerajaan Negeri hendaklah menambah baik kemudahan yang terdapat di ICQS bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelancong.

Gambar rajah 7.6.1: Perancangan Penganjuran Acara Utama Pelancongan Negeri Melaka 2021

7.6.2 Strategi 2: Negeri Melaka Sebagai Destinasi Pelancongan MICE Utama di Malaysia

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi 2		Menjadikan Negeri Melaka Sebagai Destinasi Pelancongan MICE Utama di Malaysia		
Flagship 6		Melaka Negeri Pelancongan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Melaka sebagai hab pelancongan MICE di Malaysia dan dikenali sebagai <i>Extraordinary Melaka</i>	<p>2021</p> <ul style="list-style-type: none"> Penganjuran 10 aktiviti MICE bertaraf nasional / antarabangsa dengan kerjasama MyCEB Penubuhan MyCEB di Melaka Menawarkan Insentif Khas bagi aktiviti MICE Melobi aktiviti MICE bertaraf antarabangsa Mempromosikan hotel bertaraf 3 bintang ke atas dengan kemudahan MICE 	<ul style="list-style-type: none"> 10 aktiviti MICE bertaraf antarabangsa & kebangsaan 	<ul style="list-style-type: none"> BPP MOTAC Tourism Malaysia MYCEB MITC MAH MYBHA

Kerajaan Negeri Melaka berhasrat menjadikan negeri Melaka sebagai destinasi pelancongan di bawah sub-sektor *Meeting Incentive Convention Exhibition* (MICE) yang dikenali sebagai *Extraordinary Melaka*. Di bawah inisiatif ini, Kerajaan Negeri menyasarkan pengajuran sebanyak 10 aktiviti MICE bertaraf nasional dan antarabangsa menjelang tahun 2023 dengan menawarkan insentif khas seperti persembahan kebudayaan dan lawatan pelancongan kepada pengajur aktiviti MICE tersebut. Selain itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan penubuhan Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB) Melaka sebagai ejen untuk membida acara bertaraf antarabangsa untuk dilaksanakan di negeri Melaka.

7.6.3 Strategi 3: Negeri Melaka Sebagai Destinasi Pelancongan Sejarah, Warisan dan Budaya Utama di Malaysia

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi 3		Menjadikan Negeri Melaka Sebagai Destinasi Pelancongan Sejarah, Warisan dan Budaya Utama di Malaysia		
Flagship 6		Melaka Negeri Pelancongan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO - 9 Wonders of Melaka (Melayu, Cina, India, Peranakan, Portugis, Chetti, Sikh, Arab & Orang Asli)	2021 <ul style="list-style-type: none"> • Pengajuran 10 acara berteraskan Pelancongan Sejarah, Warisan dan Budaya Melaka • Pengaktifan Melaka World Heritage Sdn. Bhd. • Pengiktirafan Budaya dan Warisan Melaka dari pelbagai etnik di peringkat antarabangsa • Memulihara produk warisan Melaka ketara dan tidak ketara • Pembangunan identiti dan nilai tambah di setiap Kampung Warisan, Homestay, Pusat Aktiviti Ekonomi setiap masyarakat dan 7 Wonders di Sungai Melaka 	<ul style="list-style-type: none"> • 10 acara berteraskan Pelancongan Sejarah, Warisan dan Budaya Melaka 	<ul style="list-style-type: none"> • MWHO • BPP • MOTAC • Tourism Malaysia • INSWA • JKKN • PERZIM

Dengan mengambil kira kekuatan negeri Melaka sebagai Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO yang kaya dengan kepelbagaian etnik, Kerajaan Negeri mempromosikan **9 Wonders of Melaka** di bawah Sub Sektor Pelancongan Budaya. Ia merupakan *intangible heritage* yang merangkumi kepelbagaian budaya daripada 9 kumpulan etnik yang ada di negeri Melaka iaitu Melayu, Cina, India, Baba Nyonya, Chetti, Portugis, Arab, Orang Asli dan Sikh. Kerajaan Negeri melalui Melaka World Heritage Office dan Institut Warisan Melaka (INSWA) akan merancang, menyelaras, membangun dan memantau semua aktiviti kebudayaan dan kesenian yang terdapat di negeri Melaka di samping memberikan pengiktirafan budaya dan warisan negeri Melaka dari pelbagai etnik bagi memulihara produk warisan negeri Melaka ketara (*tangible*) dan tidak ketara (*intangible*) ini. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyasarkan penganjuran 10 acara berteraskan Pelancongan Sejarah, Warisan dan Budaya Melaka pada setiap tahun.

7.6.4 Strategi 4: Membangunkan Pelbagai Produk Baharu dan Menaik Taraf Produk Pelancongan Sedia Ada

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi 4		Membangunkan Pelbagai Produk Baharu dan Menaik Taraf Produk Pelancongan Sedia Ada		
Flagship 6		Melaka Negeri Pelancongan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pembangunan Kompleks Pelancongan Klebang	<ul style="list-style-type: none"> Siap pada Jun 2022 (Fasa 1) dan Jun 2023 (Fasa 2) Komponen Projek: <i>Ferris Wheel</i>, Ruang Dunia Bawah Air, Kapal Mendam Berahi, Taman Tema Air, Ruang Komersial & <i>Sunset Cruise</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Peluang pekerjaan untuk 1,500 orang 10 produk pelancongan baharu 	<ul style="list-style-type: none"> UPEN PERZIM
2.	One Stop Tourism Centre di Planetarium Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Siap pada 2022 Komponen Projek: Pusat Penerangan Pelancong, Kedai Cenderamata, Pejabat Portfolio Pelancongan & Konsep Baharu Planetarium Melaka 		<ul style="list-style-type: none"> UPEN PLANETARIUM MELAKA SDN. BHD.
3.	Ion Forte Green City di Ayer Keroh Country Club (AKCC)	<ul style="list-style-type: none"> Jangkaan siap pada 2022 		<ul style="list-style-type: none"> UPEN AKCC
4.	Ayer Keroh Gateway	<ul style="list-style-type: none"> Siap sepenuhnya pada 2035 		<ul style="list-style-type: none"> UPEN MPHTJ PLAN MALAYSIA


MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi 4		Membangunkan Pelbagai Produk Baharu dan Menaik Taraf Produk Pelancongan Sedia Ada		
Flagship 6		Melaka Negeri Pelancongan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
5.	Jawatankuasa Pemandu Pelancongan Eko Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh RMK-12 (RP1 – RP5) iaitu bermula 2021 sehingga 2025 Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pelancongan Eko Negeri Melaka 	<ul style="list-style-type: none"> 3 kluster pelancongan eko 	<ul style="list-style-type: none"> MOTAC UPEN PLAN MALAYSIA PBT MITA MATTA
6.	Jawatankuasa Pengauditan Produk Pelancongan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Pengauditan Produk Pelancongan Negeri Melaka 	<ul style="list-style-type: none"> Produk pelancongan bertaraf 5 bintang 	<ul style="list-style-type: none"> UPEN BPP MOTAC PBT
7.	Menaik Taraf Produk Pelancongan Sedia Ada di Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan kerja-kerja naik taraf produk pelancongan di lokasi yang telah dikenal pasti 	<ul style="list-style-type: none"> Produk pelancongan bertaraf 5 bintang 	<ul style="list-style-type: none"> UPEN MWHO PKNM PERZIM Jabatan Perikanan MPHTJ MPJ
8.	Meningkatkan Kualiti dan Nilai Tambah Produk Pelancongan Sedia Ada di Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Menambah kemudahan dan infra serta pewujudan produk pelancongan baharu yang berasaskan sejarah dan menawarkan pelbagai aktiviti rekreasi pantai serta sukan air 	2021	<ul style="list-style-type: none"> UPEN MOTAC BPP PPSPM MTSB BECA MELAKA PANORAMA MPPPM MBMB
9.	Meningkatkan Hasil / Pendapatan bagi Produk Pelancongan di bawah Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran peningkatan 10% kedatangan pelancong Sasaran peningkatan 10% pendapatan di bawah Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka yang terlibat dalam sektor pelancongan 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan 10% kedatangan pelancong pada setiap tahun Peningkatan 10% pendapatan pada setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> PPSPM MTSB PERZIM INSWA PKNM PBT KMB MTFF MIBC PANORAMA

Pembangunan produk-produk pelancongan baharu dilihat mampu menarik lebih ramai pelancong ke negeri Melaka. Justeru, Kerajaan Negeri merancang pembangunan pelbagai produk pelancongan seperti berikut:

- (a) **Kompleks Pelancongan Klebang** dengan tarikan seperti *Ferris Wheel*, Ruang Dunia Bawah Air, Kapal Mendam Berahi, Taman Tema Air, Ruang Komersial dan *Sunset Cruise*.



- (b) **One Stop Tourism Centre di Planetarium** Melaka yang berkonseptkan *edutainment* yang mempunyai tarikan baharu seperti Pusat Penerangan Pelancong, kedai cenderamata, Pejabat Portfolio Pelancongan dan Konsep Baru Planetarium Melaka.



- (c) Ion Forte Green City di Ayer Keroh Country Club (AKCC) dengan tarikan baharu seperti *condotel, retail outlet, wellness suite* dan *outdoor fitness activities*.



- (d) Ayer Keroh Gateway dengan menaik taraf *physical look* Zon Pelancongan Utama Ayer Keroh iaitu Dataran Sejarah, Zoo Melaka, Taman Botanikal, Taman Rama-Rama, Taman Buaya, Taman Burung, Muzium Orang Asli, Melaka Wonderland Theme Park dan Taman Mini Malaysia & ASEAN.



- (e) **Penambahbaikan Produk Pelancongan Sedia Ada** seperti di Tapak Warisan Dunia, Air Panas Gadek, Muzium di bawah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Kompleks Perkampungan Hang Tuah, Pusat Pengurusan & Penerangan Penyu Padang Kemunting dan Air Panas Jasin.
- (f) **Peningkatan Kualiti dan Nilai Tambah Produk Pelancongan Sedia Ada di Negeri Melaka** seperti berikut:
- (i) Menambah jeti, perkhidmatan *water taxi* dan *island hopping* oleh Melaka River Cruise;
 - (ii) Mewujudkan *Melaka House of Creep* oleh Menara Taming Sari;
 - (iii) Menambah stesen perkhidmatan beca Melaka di hotel-hotel di kawasan Banda Hilir, Melaka;
 - (iv) Menyediakan perkhidmatan bas pelancongan elektrik dengan perkhidmatan *Virtual & Augmented Reality Google* bagi meneroka kawasan pelancongan di negeri Melaka; dan
 - (v) Menjenamakan semula Pulau Besar dan pulau-pulau di sekitar sebagai sub-sektor produk pelancongan baharu yang berasaskan sejarah dan menawarkan pelbagai aktiviti rekreasi pantai serta sukan air.
- (g) **Peningkatan Hasil / Pendapatan bagi Produk Pelancongan di bawah Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka** dengan menetapkan peningkatan 10 peratus kedatangan pelancong dan pendapatan di bawah Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka pada setiap tahun. Di antara agensi terlibat adalah Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, PERZIM, Melaka Taming Sari Berhad, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Kumpulan Melaka Berhad, Melaka Tropical Fruit Farm (MTFF), Melaka International Bowling Centre (MIBC) dan sebagainya.

Untuk memastikan semua produk pelancongan sentiasa dalam keadaan baik dan teratur serta bersedia menerima kedatangan pelancong, Kerajaan Negeri akan menubuhkan jawatankuasa yang akan menambahbaik produk pelancongan khususnya berkaitan eko pelancongan. Dua jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- (a) **Jawatankuasa Pemandu Pelancongan Eko Negeri Melaka** yang memfokuskan kepada 3 kluster Pelancongan Eko iaitu:
- (i) Pelancongan Eko Paya Lebar, Masjid Tanah;
 - (ii) Pelancongan Eko Tanjung Keling – Tanjung Tuan; dan
 - (iii) Pelancongan Eko & Agro Jasin – Gunung Ledang – Asahan – Selandar – Bukit Senggeh.

- (b) **Jawatankuasa Pengauditan Produk Pelancongan Negeri Melaka** yang bertanggungjawab untuk:
- Menyediakan Garis Panduan atau SOP bagi proses pengauditan produk pelancongan negeri Melaka;
 - Melaksanakan pengauditan ke atas semua produk pelancongan yang berdaftar di bawah Bahagian Promosi Pelancongan (BPP);
 - Memberikan penarafan bintang kepada semua produk pelancongan bagi menambah keyakinan pelancong; dan
 - Memohon peruntukan naik taraf produk pelancongan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Gambar rajah 7.6.2: 13 Sub Sektor Pelancongan Negeri Melaka



7.6.5 Strategi 5: Menjalankan Usaha Sama Strategik dan Bersepadu di Antara Penggiat Industri Pelancongan

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi 5		Usaha Sama Bersepadu & Strategik di Antara Penggiat Industri Pelancongan Negeri Melaka		
Flagship 6		Melaka Negeri Pelancongan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Melaka <i>Think Tourism & Act Tourism</i>	2021 <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan Pelancongan Bertaraf 5 Bintang • Pengiktirafan ASEAN <i>Tourism Standard</i> • Penganjuran 10 jenis kursus • Kursus Pelancongan bagi penggiat industri • Kursus / Latihan Pelancongan • Galakan dan insentif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kepada penggiat industri 	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan Pelancongan Bertaraf 5 Bintang 	<ul style="list-style-type: none"> • MOTAC • BPP • Tourism Malaysia • IPT • NGO

Dalam usaha memperkasakan sektor pelancongan, Kerajaan Negeri merancang untuk menerapkan budaya *Melaka Think Tourism, Act Tourism*. Antara pendekatan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan pelancongan bertaraf 5 bintang;
- Pengiktirafan ASEAN *Tourism Standard* di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC);
- Penganjuran 10 jenis kursus pada setiap tahun;
- Penggiat industri diwajibkan mengikuti kursus pelancongan pada setiap tahun;
- Galakan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menyediakan kursus / latihan pelancongan sehingga ke peringkat ijazah / kursus pra persaraan; dan
- Galakan kepada penggiat industri untuk memohon dan memanfaatkan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Gambar rajah 7.6.3: Melaka Fun Map



KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk **Flagship 6: Melaka Negeri Pelancongan** dapat direalisasikan bagi memperkenalkan negeri Melaka sebagai satu destinasi pelancongan yang terunggul di dunia selaras dengan agenda pembangunan ekonomi negeri khususnya bagi menjayakan **MKRA 2: Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global**.


7.7 Flagship 7: Melaka Hab Pendidikan

Kualiti dan prestasi pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara kini semakin meningkat dengan sokongan Malaysian Qualifications Agency (MQA). Times Higher Education (THE) World University Rankings 2021 telah menyenaraikan 14 buah IPT Malaysia sebagai bertaraf dunia. Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020 pula telah meletakkan 20 buah IPT Malaysia dalam kalangan 1,000 buah universiti terbaik di dunia. Ini membuktikan bahawa kualiti dan prestasi pendidikan Malaysia berada di tahap global.

Kerajaan Negeri Melaka turut berhasrat untuk menyediakan pendidikan berkualiti dan menjadi sebuah hab Pendidikan sebagai landasan untuk melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi.


Melaka Hab Pendidikan adalah berasaskan kepada **MKRA 5: Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global**. Di bawah **Flagship 7: Melaka Hab Pendidikan** ini terdapat **1 Strategi** iaitu **menjadikan Melaka sebagai hab pendidikan antarabangsa**. Strategi ini disokong oleh **3 Quick Wins** dan **3 Symbolic Actions** yang sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi yang terlibat.

Gambar rajah 7.7.1 : Analisis Radius kedudukan Negeri Melaka



Kedudukan negeri Melaka yang strategik amat sesuai untuk dijadikan hab pendidikan global sekaligus mengembalikan kegembiran Kerajaan Negeri Melaka yang pada suatu ketika dahulu pernah menjadi pusat kegiatan dan penyebaran ilmu. Buat masa kini, terdapat lebih daripada 40 buah IPT di negeri Melaka dan menjadikannya antara negeri yang mempunyai bilangan IPT tertinggi di Malaysia.

Gambar rajah 7.7.2: Taburan Institusi Pengajian Tinggi di Melaka



7.7.1 Strategi : Menjadikan Melaka Sebagai Hab Pendidikan Antarabangsa

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi		Menjadikan Melaka Sebagai Hab Pendidikan Antarabangsa		
Flagship 7		Melaka Hab Pendidikan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME SASARAN 2023	PENERAJU
1.	UNIMEL - Menaik taraf KUIM sebagai Universiti penuh dan dijenamakan semula sebagai Universiti Melaka (UNIMEL) Inisiatif 1: Penubuhan UNIMEL pada tahun 2022	2022 <ul style="list-style-type: none"> Kelulusan menaik taraf KUIM 	<ul style="list-style-type: none"> Diluluskan berdasarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 2022 UNIMEL ditubuhkan MICOST diserap ke dalam UNIMEL 2023 UNIMEL diiktiraf di peringkat Antarabangsa 	

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi		Menjadikan Melaka Sebagai Hab Pendidikan Antarabangsa		
Flagship 7		Melaka Hab Pendidikan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Inisiatif 2: Mengadakan rakan kongsi strategik baharu setiap tahun bersama industri dan GLC <ul style="list-style-type: none"> • Geran Penyelidikan dan Pembangunan • Pengkomersialan • Perancangan strategi • Program Perantis 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 rakan strategik baharu menjelang 2021 	2021 <ul style="list-style-type: none"> • 3 rakan strategik dengan nilai pelaburan RM250,000 2022 <ul style="list-style-type: none"> • 3 rakan strategik dengan nilai pelaburan RM300,000 2023 <ul style="list-style-type: none"> • 3 rakan strategik dengan nilai pelaburan RM500,000 	
	Inisiatif 3: Menjalin kerjasama IPT dalam dan luar negara untuk pengukuhan UNIMEL Tindakan Simbolik: <ul style="list-style-type: none"> • Pelancaran pengumuman penubuhan UNIMEL • Penubuhan Jawatankuasa Teknikal UNIMEL • Jawatankuasa Penjanaan Kewangan UNIMEL 	<ul style="list-style-type: none"> • 5 IPT dalam negara dan luar negara 	2023 <ul style="list-style-type: none"> • Usaha untuk menyenaraikan UNIMEL di dalam <i>Ranking IPT</i> • Bilangan pelajar antarabangsa untuk pengambilan baharu meningkat sebanyak 30% setiap tahun • Bilangan pelajar tempatan untuk pengambilan baharu meningkat sebanyak 10% setahun 	
2.	Melaka UPU Online Inisiatif 1: Mewujudkan sistem pengambilan pelajar atas talian bagi negeri Melaka (Melaka UPU Online)	<ul style="list-style-type: none"> • Melaka UPU Online 	2021 <ul style="list-style-type: none"> • Mengintegrasikan Melaka UPU Online dengan <i>Big Data</i> negeri Melaka 2022 <ul style="list-style-type: none"> • Melaka UPU Online beroperasi untuk IPTS milik Kerajaan Negeri Melaka 2023 <ul style="list-style-type: none"> • Melaka UPU Online beroperasi untuk IPT yang berdaftar dengan SINERGI Melaka 	

MKRA		Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global		
Strategi		Menjadikan Melaka Sebagai Hab Pendidikan Antarabangsa		
Flagship 7		Melaka Hab Pendidikan		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME SASARAN 2023	PENERAJU
3.	BANDAR PENDIDIKAN Menjadikan negeri Melaka sebagai Bandaraya Pendidikan di setiap penjuru negeri Melaka Inisiatif 1: Mewujudkan Sinergi Pendidikan Tinggi Melaka (SINERGI MELAKA)	2021 - 2023 <ul style="list-style-type: none"> • 1 kerjasama dengan IPT daripada luar Melaka setiap tahun • Pengesanan pelajar tercicir dan memanfaatkan pemberi bantuan • Menawarkan program / kursus peningkatan kemahiran melalui kerjasama dengan industri 	<ul style="list-style-type: none"> • Jaringan koridor IPTA & IPTS dalam dan luar Melaka 	
	Inisiatif 2: Memanfaatkan ekosistem industri Halal Hab Melaka dalam R&D dan pengkomersialan selaras dengan perancangan nasional	2021 <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan kerjasama antara KUIM, Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Melaka Halal Hub Sdn. Bhd. 	<ul style="list-style-type: none"> • Institut Halal Hab Melaka ditubuhkan 	

(a) Penjenamaan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Sebagai Universiti Melaka (UNIMEL)


Usaha menaik taraf KUIM kepada UNIMEL adalah satu keperluan penting ke arah menjadikan negeri Melaka sebagai hab pendidikan global. UNIMEL bakal menjadi nukleus kepada hab pendidikan di negeri Melaka. KUIM yang telah ditubuhkan pada tahun 1994, adalah merupakan sebuah institusi pengajian tinggi milik penuh Kerajaan Negeri. Ia mempunyai kampus tetap, tenaga pengajar berpengalaman, infrastruktur dan prasarana yang lengkap. Melalui pengalaman dan kemampuan pengurusan KUIM, Kerajaan Negeri beriltizam untuk menaik taraf KUIM kepada universiti penuh yang dinamakan sebagai Universiti Melaka (UNIMEL) dengan penekanan kepada teknologi digital selari dengan tema **Digital Knowledge for Human Capital Development**.

Gambar rajah 7.7.3: Model Hybrid UNIMEL



UNIMEL bakal melahirkan graduan-graduan yang mempunyai kemahiran teknologi digital untuk mendukung usaha pembangunan negeri Melaka iaitu M-WEZ, KLIP, *Waste-to-Energy* (WTE) Sg. Udang dan Bandar Pintar menjelang tahun 2035 sejajar dengan perancangan proses *hybrid* pengajian yang akan dibuat di UNIMEL.

Gambar rajah 7.7.4: Proses *hybrid* pengajian di UNIMEL



Oleh itu, 3 inisiatif telah dirangka untuk merealisasikan hasrat penubuhan UNIMEL iaitu penubuhannya di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, mengadakan rakan kongsi strategik baharu setiap tahun bersama industri dan GLC serta menjalin kerjasama dengan IPT dalam dan luar negara.


(b) Melaka UPU Online

Unit Pengambilan Universiti (UPU) adalah satu sistem berpusat yang menjadi platform untuk mengurus semua proses permohonan kemasukan ke Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran (ILK) Awam di seluruh Malaysia. Sistem ini memudahkan urusan pengambilan pelajar ke seluruh IPT di Malaysia dan dapat memastikan tiada pelajar/pemohon yang akan mendapat tawaran bertindan, mengelakkan permohonan tidak berjawab, memastikan semua IPT mendapat peluang menerima pelajar kemasukan baru dengan lebih adil dan saksama.

Untuk memastikan IPT swasta terutamanya yang berada di negeri Melaka mendapat faedah yang sama seperti IPT awam dalam urusan pengambilan pelajar baru, Kerajaan Negeri berhasrat mewujudkan sistem UPU online untuk negeri Melaka. Sistem ini dapat merangka perjalanan pendidikan pelajar lepasan SPM/STPM/Diploma dan mengurangkan masalah keciciran di kalangan pelajar di negeri Melaka.

Dengan mengintegrasikan Melaka UPU Online dengan Big Data Melaka, ia dapat memberikan maklumat lengkap mengenai pelajar-pelajar di negeri Melaka dan seterusnya dapat membantu IPTS milik Kerajaan Negeri dan juga IPT lain yang berdaftar dengan SINERGI MELAKA mendapatkan jumlah kemasukan pelajar baharu yang diperlukan

Gambar rajah 7.7.5 Struktur Melaka UPU Online.



Kewujudan sistem Melaka UPU Online ini dijangka akan dapat membuka peluang kerjasama antara UNIMEL, Sinergi Melaka dan agensi-agensi kerajaan dan juga pihak industri dalam memanfaatkan perkongsian maklumat untuk kemudahan semua pihak.

(c) Bandar Pendidikan

Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan negeri Melaka sebagai Bandar Pendidikan yang meliputi setiap penjuru negeri. Oleh itu, inisiatif Sinergi Pendidikan Tinggi Melaka (SINERGI MELAKA) diperkenalkan bertujuan untuk memusatkan semua pusat pengajian tinggi dan institusi yang menawarkan sijil kemahiran di seluruh negeri Melaka.

Selanjutnya, usaha SINERGI MELAKA berkolaborasi dengan mana-mana IPT mahu pun hab pendidikan di luar negeri Melaka adalah perlu untuk memperkuatkannya idea bandar pendidikan negeri Melaka.

Inisiatif kedua ke arah penubuhan Bandar Pendidikan di negeri Melaka adalah dengan menubuhkan Institut Halal Hub yang mempunyai potensi yang sangat luas dan masa depan yang cerah sesuai dengan status Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan. Institut ini berperanan khusus dalam bidang pembangunan penyelidikan, pusat latihan, perkhidmatan analisis serta jaringan di antara Institusi dan agensi yang berkaitan.

Sehubungan dengan itu, ekosistem industri Halal Hub sedia ada yang terdiri daripada Melaka Halal Hub Sdn Bhd, KUIM dan juga Perbadanan Bioteknologi Melaka merupakan komponen kepada SINERGI MELAKA.

Berikut adalah jadual meliputi kesemua strategi, *Quicks Win* dan *Symbolic Actions* yang telah dijelaskan bagi mencapai Melaka *Key Result Area* (MKRA) Pemerksaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global:

Gambarajah 7.7.6: Model Penubuhan/Pengabungan untuk UNIMEL.



KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk **Flagship 7: Melaka Hab Pendidikan** dapat direalisasikan bagi melahirkan modal insan dan modal sosial yang berkualiti selaras dengan agenda **MKRA 5: Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global**.

7.8 **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan dan Belia & Sukan)**

Melaka Sejahtera mencakupi satu ruang yang luas dan lengkap. Pembangunan sesebuah negeri dan negara perlulah mempunyai keseimbangan dari segi sosial, ekonomi, politik dan sahsiah. Justeru, pelan tindakan yang telah dirangka di bawah *flagship* ini mampu memberikan kesan yang terbaik kepada rakyat negeri Melaka. Kemakmuran sesebuah negeri dapat dicapai dengan adanya keseimbangan setiap komponen kemajuan tersebut.

Kesejahteraan rakyat Melaka boleh diterjemahkan melalui elemen perpaduan, kebajikan dan kesihatan. Pada masa yang sama, pembangunan belia dan sukan turut menyumbang kepada kesejahteraan rakyat khususnya dalam menyediakan generasi pelapis yang mempunyai jati diri yang kukuh dan mampu bersaing untuk bersama-sama membangunkan negeri Melaka pada masa hadapan.


7.8.1 **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Perpaduan)**

Negeri Melaka mempunyai kepelbagaian dari aspek etnik, agama dan budaya. Majoriti penduduk negeri Melaka adalah terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India, manakala kaum minoriti pula terdiri daripada etnik Baba Nyonya, Chetti, Portugis, Arab, Orang Asli dan Sikh. Dalam memastikan penduduk negeri Melaka kekal hidup dalam keadaan aman dan harmoni, Kerajaan Negeri sentiasa menekankan inisiatif-inisiatif yang tepat dan bersesuaian kepada semua lapisan penduduk.

Kerajaan Negeri sentiasa menjadikan perpaduan dan kemakmuran negara sebagai elemen utama agar kesepadan nasional dapat dijayakan oleh setiap agensi kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program pendidikan, sosial, pembangunan, kebudayaan, keagamaan, kesukanan, keselamatan dan lain-lain.

Modal insan merupakan faktor utama bagi mengekalkan perpaduan di antara kaum dalam negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada pembangunan modal insan. Selain dapat menyokong ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan, modal insan yang berkualiti dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya, mengurangkan risiko jenayah yang menggugat perpaduan di negeri ini.

Di bawah **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Perpaduan)** ini, terdapat **1 Strategi** iaitu **Membentuk Identiti Melaka Ke Arah Perpaduan dan Pemerkasaan Modal Insan** serta disokong oleh **3 Quick Wins** dan **11 Symbolic Actions** yang sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi yang terlibat.



7.8.1.1 Strategi: Pembentukan Identiti Melaka ke Arah Perpaduan dan Pemerkasaan Modal Insan

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi		Pembentukan Identiti Melaka ke Arah Perpaduan dan Pemerkasaan Modal Insan		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Perpaduan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Komuniti sebagai Pemangkin Perpaduan Masyarakat	2021	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan pangkalan data Indeks Ketegangan Masyarakat di negeri Melaka: <ul style="list-style-type: none"> Agama Politik Sosial Pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> Indeks Ketegangan Masyarakat Negeri Melaka <ul style="list-style-type: none"> ITP JPNIN PDRM
	i. Membina satu pangkalan data Indeks Ketegangan Masyarakat di negeri Melaka:			
	ii. Kajian Pengukuran Isu Perpaduan Masyarakat Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan Kajian 	<ul style="list-style-type: none"> Pelan tindakan hasil kajian 	<ul style="list-style-type: none"> ITP JPNM
	iii. Mediator Komuniti Perpaduan / Isu-isu Perpaduan	2021	<ul style="list-style-type: none"> Pengendalian sesi mediasi sebanyak 10% daripada jumlah kes diterima 	<ul style="list-style-type: none"> JPNIN PDRM PBT MAHKAMAH
	iv. <i>Unity Corner</i> Ruang Khas bagi menerbitkan Penulisan / Artikel berkaitan Perpaduan di dalam akhbar	<ul style="list-style-type: none"> Ruang khas disediakan 	<ul style="list-style-type: none"> Penerbitan 12 artikel setahun 	<ul style="list-style-type: none"> MHI JPNIN
v.	Cafe Perpaduan	2021		
	Pemilik dan pelanggan terdiri dari pelbagai kaum	<ul style="list-style-type: none"> Pengiktirafan 1 Cafe Perpaduan bagi setiap daerah 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan bilangan pengiktirafan Cafe Perpaduan 	<ul style="list-style-type: none"> PBT JPNIN BPP JAIM

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi		Pembentukan Identiti Melaka ke Arah Perpaduan dan Pemerkasaan Modal Insan		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Perpaduan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
2.	Program Pembangunan Modal Insan bagi Mengurangi Pengangguran	2021		• JTK
	i. Memperkuat Program Pembangunan Modal Insan <ul style="list-style-type: none"> a. Kursus Jangka Masa Panjang bagi program latihan untuk rakyat negeri Melaka b. Kursus Jangka Pendek bagi pelbagai program latihan c. Mengupayakan TVET yang diterajui industri. Hubungan kerjasama dengan industri dari kebolehkerjaan pelajar bagi penempatan kumpulan sasaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Sepanjang tahun • Bilangan kursus (jangka pendek/ panjang) • Bilangan kerjasama : 5 industri 	<ul style="list-style-type: none"> • 50% kumpulan sasaran diambil bekerja / pendapatan meningkat 	
	ii. Program Pensijilan dan Pengupayaan Kumpulan Sasaran Pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran di kalangan miskin dan berpendapatan rendah. Program ini juga akan dipakejkan dengan bantuan sedia ada yang disediakan oleh agensi	2021	<ul style="list-style-type: none"> • Sepanjang tahun 300 pekerja berjaya mendapat PPT 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan pendapatan
	iii. Jelajah Prihatin Kerjaya Meningkatkan promosi kebajikan, kesihatan, kesejahteraan pekerja tempatan melalui pendidikan perburuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan Program : 3 mengikut daerah • Bilangan peserta setiap daerah : Majikan – 100 orang Pekerja – 200 orang 	<ul style="list-style-type: none"> • Program berjaya dilaksanakan 	
	iv. MyFutureJobs Penganjuran sesi temuduga terbuka berkala & pendaftaran pekerja / majikan	<ul style="list-style-type: none"> • Program akan dilaksanakan secara berkala (2 kali setahun) 	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta program berjaya mendapat kerja 	• PERKESO

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi		Pembentukan Identiti Melaka ke Arah Perpaduan dan Pemerkaasan Modal Insan		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Perpaduan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
3.	Sukan Pemangkin Perpaduan Belia <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Unity Sports Carnival</i> ii. Festival Permainan Tradisional Melaka 	2021 <ul style="list-style-type: none"> • 1 Program di peringkat DUN dan Negeri • Festival Permainan Tradisional Melaka sempena Hari Pengisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah 	<ul style="list-style-type: none"> • Program berjaya dilaksanakan di peringkat DUN dan Negeri • Program dilaksanakan di setiap DUN pada setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> • JBS • JPNIN • Rakan Perpaduan • JBS • JPNIN • PERZIM • Persatuan Peminat Sukan Tradisional • Jabatan Warisan

(a) Komuniti Sebagai Pemangkin Perpaduan

Komuniti memainkan peranan yang penting dalam memastikan perpaduan terus terpelihara. Pelbagai inisiatif telah dirancang untuk memastikan komuniti yang terdiri daripada pelbagai etnik dapat terus menjalani kehidupan dalam suasana aman dan harmoni.

(i) Membina Pangkalan Data Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) di Negeri Melaka

Pembangunan pangkalan data ini perlu diwujudkan bagi menilai indeks sedia ada. Pengumpulan data ini bagi membolehkan penghasilan indeks yang lebih saintifik dan *evidence based* untuk mengukur tahap perpaduan di negeri ini agar perancangan dan pemantauan awal boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan untuk menangani isu-isu polarisasi di negeri Melaka. Indeks ini dapat memperlihatkan keperluan program intervensi sebenar oleh kerajaan kepada masyarakat berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku.

(ii) **Kajian Pengukuran Isu Perpaduan Masyarakat Negeri Melaka**

Perpaduan antara seluruh warga masyarakat menjadi tonggak kepada keberhasilan dan keharmonian sesuatu negara. Sehubungan dengan itu, satu kajian pengukuran isu-isu perpaduan perlu dilakukan agar gambaran sebenar dapat diperolehi.

Metodologi kajian yang digunakan termasuklah pengumpulan data dari agensi-agensi yang terlibat seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), PBT, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan lain-lain yang berkaitan. Dapatan kajian ini akan menunjukkan suasana atau interaksi antara kaum serta dapat merangka cadangan program-program yang dapat membentuk suatu kehidupan yang harmoni di dalam negeri Melaka.

(iii) **Pemerkasaan Mediator Komuniti Perpaduan (MKP)**

Di bawah JPNIN, Mediator Komuniti Perpaduan berperanan sebagai perantara dalam perundingan permasalahan komuniti setempat. MKP menyediakan perkhidmatan mediasi berdasarkan isu yang dikenalpasti untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup komuniti.

Symbolic Action ini bertujuan menjadikan kaedah mediasi sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat. Dengan cara ini, konflik yang wujud di peringkat akar umbi dapat ditangani dengan lebih berkesan sebelum ianya mencetuskan pergaduhan, serangan atau pun rusuhan kaum.

(iv) **Pewujudan *Unity Corner***

Ia merupakan ruang khas bagi menerbitkan penulisan artikel berkaitan perpaduan di dalam akhbar seperti Melaka Hari Ini dan media sosial rasmi Kerajaan Negeri Melaka. Media cetak dan media digital berperanan penting dalam usaha memupuk semangat perpaduan dan mengekalkan keamanan yang berterusan dalam kalangan rakyat. Melalui pewujudan *Unity Corner* ini, kisah-kisah positif perpaduan dapat dikongsi supaya ianya menjadi aspirasi dan ikutan masyarakat terutamanya generasi muda di negeri Melaka.

(v) **Mewujudkan *Cafe Perpaduan***

Dalam mempromosi dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan yang lebih berkesan, cadangan *Cafe Perpaduan* dilihat dapat mewujudkan interaksi dan hubungan masyarakat antara kaum. Restoran, cafe dan kedai makan merupakan platform yang menyediakan ruang dan peluang kepada masyarakat pelbagai kaum untuk bersantai di bawah satu bumbung. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan memberi pengiktirafan kepada *Cafe Perpaduan* yang berjaya sebagai galakan dan dorongan kepada komuniti lain untuk melaksanakan tindakan yang sama.

(b) Program Pembangunan Modal Insan Bagi Mengurangi Kemiskinan

Pelbagai program berkaitan peningkatan pengetahuan dan kemahiran telah dikenalpasti untuk membantu memperkasa dan membangunkan modal insan negeri Melaka. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bersedia untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan dan juga swasta bagi membantu rakyat Melaka mendapatkan peluang pekerjaan.

(i) Memperkuuh Program Pembangunan Modal Insan

Kerajaan Negeri akan terus memperkuuhkan program pembangunan modal insan dengan meningkatkan jumlah enrolmen melalui promosi pengambilan pelajar. Terdapat 3 buah institusi kemahiran di bawah seliaan JTM iaitu Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taboh Naning, Insititut Latihan Perindustrian (ILP) Bukit Katil dan ILP Selendar yang melatih tenaga mahir daripada peringkat Sijil Latihan sehingga Diploma Lanjutan.

Cabaran pasaran buruh kini adalah untuk merebut peluang pertumbuhan ekonomi global susulan IR 4.0. Oleh itu, kursus berkaitan teknologi baharu dalam bidang teknologi IR 4.0 akan diperkenalkan bagi menyediakan modal insan yang kompeten dan menepati keperluan pasaran kerja semasa. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Kursus Jangka Panjang bagi program latihan bagi rakyat negeri Melaka;
- Kursus Jangka Pendek bagi pelbagai program latihan; dan
- Mengupayakan TVET yang diterajui industri. Hubungan kerjasama dengan industri dari kebolehkerjaan pelajar bagi penempatan kumpulan sasar.

(ii) Program Persijilan Kemahiran dan Pengupayaan Kumpulan Sasaran (Pembelajaran Sepanjang Hayat)

Sasaran Kerajaan Negeri Melaka adalah untuk mengoptimumkan bilangan penduduk Melaka yang memperoleh Sijil Kemahiran di bawah program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). Program tersebut merupakan satu kaedah pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan seperti mana yang digariskan di dalam *Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)* berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki.

(iii) *Jelajah Prihatin Kerjaya*

Program Jelajah Prihatin Kerjaya bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya majikan dan pekerja di sektor swasta berkaitan hak-hak pekerja dan tanggungjawab majikan. Program ini akan diadakan dalam bentuk ceramah, sesi dialog dan khidmat kaunter yang melibatkan pelbagai agensi.

(iv) *MyFutureJobs*

Portal Pekerjaan Negara *MyFutureJobs* ialah sistem padanan pekerjaan yang akan membantu masyarakat untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap pendidikan dan kemahiran. Portal ini akan memberi manfaat kepada majikan dan orang awam dengan membantu mempercepatkan proses pengambilan pekerja melalui sesi temuduga terbuka, seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di negeri Melaka.

(c) *Sukan Pemangkin Perpaduan*

Aktiviti bersukan juga merupakan elemen penting untuk memupuk perpaduan antara kaum. Ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim serta menerapkan disiplin dan integriti di dalam diri individu tersebut. Program ini juga dapat mewujudkan suasana harmoni dan menerapkan semangat kekitaan di samping melahirkan generasi yang sihat dan cergas serta berkepimpinan tinggi dan berdaya saing. Pelbagai program telah dirancang untuk memenuhi hasrat tersebut.

(i) *Unity Sports Carnival*

Kerajaan Negeri akan terus mempromosikan sukan di kalangan rakyat negeri Melaka melalui Program *Unity Sports Carnival* yang melibatkan pelbagai agensi di negeri Melaka.

(ii) *Festival Permainan Tradisional Melaka*

Penganjuran festival permainan tradisional berasaskan kebudayaan dan tradisi masyarakat di negeri Melaka bukan sahaja mampu mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat, malahan juga dapat mempromosikan kebudayaan tradisional pelbagai kaum kepada pelancong luar negara. Permainan tradisional warisan peninggalan nenek moyang masyarakat masing-masing wajar dikekalkan dan terus diperkenalkan kepada generasi baharu bagi memelihara warisan budaya tersebut terus kekal zaman-berzaman.

KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya ***Flagship 8: Melaka Sejahtera (Perpaduan)*** dapat direalisasikan bagi mewujudkan suasana yang kondusif, harmoni dan stabil untuk menyokong usaha pembangunan ekonomi negeri Melaka selaras dengan agenda **MKRA 2: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat.**

7.8.2 **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kebajikan)**

Perancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sentiasa menjurus kepada matlamat untuk menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat termasuklah penyediaan bantuan khusus untuk kumpulan masyarakat B40 dan golongan rentan. Pelbagai aspek seperti pendidikan, bantuan perniagaan dan sebagainya diambilkira untuk memperkasakan golongan tersebut. Kerajaan Negeri juga turut memberi penekanan kepada aspek pemilikan aset kediaman sebagai salah satu keperluan yang perlu dipenuhi kepada rakyat Melaka.

Flagship 8 : Melaka Sejahtera - Kebajikan ini telah menggariskan **5 Strategi utama** dengan **10 Quick Wins** dan **5 Symbolic Actions**.



7.8.2.1 Strategi 1: Memperkasa dan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Negeri Melaka Merangkumi

Aspek Pembangunan Ekonomi, Kesejahteraan Sosial dan Kemampunan Sahsiah

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 1		Memperkasa dan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Negeri Melaka Merangkumi Aspek Pembangunan Ekonomi, Kesejahteraan Sosial dan Kemampunan Sahsiah		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pembangunan modal insan Asnaf melalui Bantuan Niaga, Pendidikan dan Latihan	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan Perniagaan RM350,000.00 setahun (Bantuan RM500.00 – RM2,000.00 seorang) Kursus kecemerlangan anak-anak asnaf Latihan kemahiran dan penempatan kerjaya asnaf 	<ul style="list-style-type: none"> 8,000 orang peserta 800 orang peserta 200 orang peserta 	<ul style="list-style-type: none"> MAIM JKM
2.	Memperkasa masyarakat yang memerlukan ke arah kesejahteraan sosial	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan Kebajikan JKM - Memberi bantuan kebajikan kepada rakyat negeri Melaka yang layak berdasarkan PGK semasa (Penerima bantuan JKM pada 2020 - 24,464 orang) Bantuan Lampin Pakai Buang (2,240 orang penerima) Bantuan Susu sebagai makanan asas (391 orang penerima) 	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan penerima bantuan sebanyak 10% Penjimatan sebanyak 10% daripada perbelanjaan isi rumah Penjimatan sebanyak 10% daripada perbelanjaan isi rumah 	<ul style="list-style-type: none"> JKM UPEN MAIM

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 1		Memperkasa dan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Negeri Melaka Merangkumi Aspek Pembangunan Ekonomi, Kesejahteraan Sosial dan Kemampuan Sahsiah		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
3.	Memperkasa masyarakat yang memerlukan ke arah kesejahteraan sosial (Masyarakat Penyayang)	<ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran Orang Kurang Upaya (sehingga 2020 seramai 26,488 OKU telah berdaftar) • Pemerkaasan ekonomi penerima bantuan (<i>2 Years Exit Programme</i>) • Pendaftaran TASKA, Pusat Jagaan dan Pusat Perlindungan Keluarga • <i>Cashless</i> Penerima Bantuan JKM • Pelantikan kedai panel peniaga asnaf setiap DUN sehingga dapat keluar daripada kemiskinan 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan 5% setahun OKU yang mendaftar • 10% peserta 2YEP berjaya • Peningkatan sebanyak 5% Taska didaftarkan • 100 penerima bantuan JKM melaksanakan <i>Cashless</i> • 1 DUN = 2 panel Pusat <i>Cashless</i> bagi bantuan dan MAIM melaksanakan <i>Cashless</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • JKM • UPEN • MAIM

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 1		Memperkasa dan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Negeri Melaka Merangkumi Aspek Pembangunan Ekonomi, Kesejahteraan Sosial dan Kemampaman Sahsiah		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
4.	Pemilikan rumah kediaman bagi seluruh rakyat negeri Melaka "Satu Keluarga Satu Rumah"	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan rumah mampu milik di negeri Melaka • Pembinaan Rumah Prihatin • Peningkatan peratusan penduduk memiliki rumah menjelang 2025 • Galakan pemilikan Rumah Mampu Milik (RMM) Type D berkeluasan 1200kp dengan kapasiti 4 bilik tidur 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan 50% RMM di dalam kawasan pemajuan melebihi 10 ekar • Membina lebih banyak rumah prihatin bagi menampung keperluan pembeli B40 • Satu keluarga sebuah rumah • Pemilikan sedia ada 83.5% • Sasaran 85% • Penyediaan 15% RMM Type D di dalam kawasan pemajuan melebihi 10 ekar 	<ul style="list-style-type: none"> • JKM • UPEN • LPM • BKM • MAIM

Kerajaan Negeri sentiasa mementingkan kesejahteraan rakyat dari segi kebajikan khususnya kepada golongan rentan. Pelbagai inisiatif telah dirangka untuk menjamin kebajikan golongan tersebut merangkumi bantuan sara diri, perniagaan dan juga untuk pemilikan rumah.

(a) Pembangunan ekonomi dan pendidikan golongan asnaf di negeri Melaka

Pendidikan dan latihan juga menjadi wadah utama bagi mengelakkan pusingan kemiskinan terus berlaku. Justeru, latihan dan sumbangan pendidikan diberikan kepada anak-anak asnaf, manakala asnaf yang masih produktif dibantu mendapatkan kemahiran untuk menjana pendapatan bagi membolehkannya keluar daripada kelompok miskin tersebut.

Terdapat 2 *Symbolic Actions* di bawah strategi ini yang telah dikenal pasti iaitu Program Asnaf Disantuni, Zakat Diberkati dan Program Tautan Sepakat, Membantu Rakyat, Kebajikan Tanggungjawab Bersama.

(b) Memperkasakan masyarakat negeri Melaka ke arah kesejahteraan sosial

Insiden kemiskinan yang berlaku berkait rapat dengan struktur sosial dan ekonomi yang berpunca daripada pelbagai faktor. Justeru, pemerkasaan individu, kumpulan mahupun keluarga amat penting supaya mereka tidak terus terjerumus dalam kitaran kemiskinan (*vicious circle of poverty*). Maka, di sinilah peranan agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan pihak penerima bantuan amat penting, supaya isi rumah miskin dapat keluar daripada kemiskinan.

Pelbagai program bantuan disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan rentan tersebut yang terdiri daripada penerima bantuan kebajikan sama ada berbentuk sumbangan kewangan ataupun bantuan barang seperti bantuan lampin pakai bunag dan susu.

(c) Memperkasa masyarakat ke arah kesejahteraan sosial melalui Kempen Masyarakat Penyayang. Pelbagai program dilaksanakan seperti berikut:

(i) Pendaftaran Golongan Kurang Upaya (OKU)

Statistik menunjukkan seramai 26,488 orang OKU berdaftar di negeri Melaka pada tahun 2020. Galakan dan promosi dilaksanakan secara berterusan untuk manarik golongan ini berdaftar dengan JKM bagi memudahkan pengurusan kebajikan ke atas kumpulan sasar ini.

(ii) Program pemerkasaan ekonomi penerima bantuan

Dalam usaha untuk memperkasakan ekonomi penerima bantuan, *2 Years Exit Programme* telah diperkenalkan sejak tahun 2016 bagi menyuntik modal perniagaan kepada penerima bantuan yang produktif dan berminat untuk berniaga. Ia bertujuan untuk membolehkan penerima bantuan keluar daripada garis kemiskinan semasa dan mampu menjana pendapatan.

(iii) Program pembangunan OKU negeri Melaka

Antara program pembangunan OKU di negeri Melaka yang dijalankan oleh JKM adalah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Pemandanan Kerjaya (*Job Coach*) dan bantuan kewangan serta alat bantu kepada yang layak.

(iv) Program perkembangan kanak-kanak

Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang merupakan generasi pewaris negara masa hadapan.

Sejajar dengan dasar kanak-kanak yang diperkenalkan bagi mengiktiraf dan

memenuhi keperluan kanak-kanak di Malaysia, Kerajaan Negeri melalui JKM menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 serta Akta Pusat Jagaan 1993. Setiap Taska dan Pusat Jagaan wajib berdaftar di bawah akta tersebut bagi membolehkan JKM melaksanakan pemantauan.

(v) **Program *Cashless* Penerima Bantuan**

Program *Cashless* Penerima Bantuan telah diperkenalkan untuk menambah baik sistem pemberian bantuan kewangan sedia ada. Melalui program ini, hanya 50 peratus sahaja diberikan secara tunai dari kadar bantuan bulanan dan selebihnya dalam bentuk penebusan barang keperluan asas. Pelaksanaan ini dibuat untuk mengelakkan penerima bantuan membeli barang bukan keperluan seperti alkohol atau produk tembakau.

(vi) **Program Panel Usahawan Asnaf**

Kerjasama di antara agensi dan usahawan asnaf adalah amat penting dalam menyokong program pemerkasaan ekonomi penerima bantuan dan asnaf. Program ini adalah untuk membantu memasarkan dan menjual produk daripada penerima bantuan atau asnaf selain menjadi panel pengambilan barang di bawah Program *Cashless* Penerima Bantuan.

(d) **Pemilikan Rumah Kediaman Rakyat**

Rumah merupakan sebuah keperluan tempat manusia tinggal dan melangsungkan kehidupan. Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar supaya Satu Keluarga Satu Rumah. Berdasarkan statistik Lembaga Perumahan Melaka (LPM), hanya 83.5 peratus rakyat negeri Melaka mempunyai kediaman sendiri. Untuk memenuhi hasrat tersebut, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui kerjasama di antara LPM dan pihak pemaju swasta dan bantuan Rumah Prihatin kepada golongan miskin yang layak, selain daripada menyediakan rumah yang bersesuaian mengikut tahap pendapatan rakyat.

7.8.2.2 Strategi 2: Memperkasa Pembangunan Keluarga dan Reproduksi Penduduk

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 2		Kesejahteraan Pembangunan Keluarga dan Reproduksi Penduduk		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Kesejahteraan Reproductif	<ul style="list-style-type: none"> • Subsidi Mamogram (Kanser Payu Dara) - 1,500 klien setahun • HPV DNA (Kanser Serviks) - 500 klien setahun • Perancangan Keluarga - 1,000 klien setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • 20% klien mempunyai peningkatan kesedaran • 20% klien mempunyai peningkatan kesedaran • 30% klien mempunyai peningkatan kesedaran 	<ul style="list-style-type: none"> • LPPKN • PPWN • JKM
2.	Pembangunan Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Kembara Kaunseling - 1,000 klien setahun • Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran Remaja - 1,000 peserta setahun • <i>Parenting @ Work</i> Kursus Keibubapaan - 150 orang peserta • <i>Smart Belanja @ LPPKN</i> Kursus Kemahiran Pengurusan Kewangan Keluarga - 150 orang peserta 	<ul style="list-style-type: none"> • 30% klien mempunyai peningkatan kesedaran dan perubahan • 30% peserta mempunyai peningkatan kesedaran dan perubahan • 20% peserta kursus mempunyai peningkatan kesedaran mengenai kemahiran keibubapaan • 20% peserta kursus mempunyai peningkatan kesedaran dalam kemahiran pengurusan kewangan keluarga 	

Dalam melahirkan sebuah masyarakat yang berjaya, ia bermula secara asas di dalam sesebuah keluarga. Menurut kajian Malaysia Population Family Survey 5, 18.7 peratus rakyat Malaysia menghadapi masalah dalam mengimbangi peranan di antara kerjaya dan keluarga.

Pembangunan keluarga yang sihat dan baik dapat memastikan kelangsungan kehidupan yang lebih baik. Justeru, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah merancang pelbagai program pembangunan keluarga untuk menerapkan jalinan ikatan kekeluargaan kepada rakyat Malaysia.

Di bawah strategi ini, 2 *Quick Wins* telah dikenal pasti iaitu program kesejahteraan reproduktif seperti pemeriksaan kesihatan wanita, dan program pembangunan keluarga seperti kembara kaunseling keluarga dan kursus *parenting*. Kedua-dua program ini penting bagi memastikan keseimbangan sosial dan menjamin perkembangan reproduktif rakyat negeri Melaka. Terdapat 1 *Symbolic Actions* telah dikenalpasti iaitu pelaksanaan Program Memperkuuhkan Keluarga, Memakmurkan Melaka.

7.8.2.3 Strategi 3: Memperkasa dan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Negeri Melaka Merangkumi Aspek Kesejahteraan dan Pembangunan Wanita

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 3		Memperkasa dan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Negeri Melaka Merangkumi Aspek Kesejahteraan dan Pembangunan Wanita		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pemerkasaan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Young Women Bootcamp</i> - 100 orang peserta • E-Rezeki - 200 orang peserta • Latihan dan Kemahiran Wanita - 300 orang peserta 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurang 10% peserta wanita akan berjaya memperolehi pekerjaan • 20% peserta menggunakan platform digital dalam memasarkan produk • 10% peserta wanita akan mulakan perniagaan kecil-kecilan 	<ul style="list-style-type: none"> • PPWN • JKM • LPPKN

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 3		Memperkasa dan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Negeri Melaka Merangkumi Aspek Kesejahteraan dan Pembangunan Wanita		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
2.	Kesejahteraan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> • Literasi Undang-Undang - 300 orang peserta • <i>De Stress Clinic</i> - 300 orang peserta • WAJA & EVAW - 1,000 orang peserta 	<ul style="list-style-type: none"> • 50% peserta akan mendapat pengetahuan dalam undang-undang yang berkaitan • 50% peserta mampu menangani tekanan di rumah dan tempat kerja • 70% daripada peserta wanita menyedari keperluan untuk menangani keganasan terhadap wanita 	<ul style="list-style-type: none"> • PPWN • JKM • LPPKN

Pemerkasaan wanita dari sudut pendidikan dan kecaknaan hak adalah salah satu wadah dan fokus Kerajaan Negeri. Komitmen berterusan Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan hak dan kepentingan wanita dapat dipenuhi. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Melaka merangka program yang bersesuaian dalam meningkatkan usaha bagi memartabatkan wanita di negeri Melaka.

Di bawah strategi ini, terdapat 2 *Quick Wins* iaitu Pemerkasaan Wanita dan Kesejahteraan Wanita. Usaha untuk pembangunan dan kesejahteraan wanita perlu seiring dengan pembangunan sosial sesebuah negeri. Pemerkasaan dari segi ekonomi amat penting bagi menjadikan wanita di negeri Melaka lebih berdaya saing. *Symbolic Actions* yang telah dirangka di bawah strategi ini adalah Program Wanita WAJA, Melaka Sejahtera untuk mengangkat martabat wanita.

7.8.2.4 Strategi 4: Memperkasa Peranan NGO Sebagai Penggerak Masyarakat Dalam Membasmi Kemiskinan

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 4		Memperkasa Peranan NGO Sebagai Penggerak Masyarakat Dalam Membasmi Kemiskinan		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Transformasi NGO sebagai Rakan Strategik Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> NGO sebagai ahli tetap Mesyuarat <i>Focus Group</i> Daerah Peranan NGO dalam Pembasmi Kemiskinan 	<ul style="list-style-type: none"> 1% daripada NGO (Kebajikan) turut serta sebagai ahli turut hadir 10% daripada peserta e-kasih dibantu oleh NGO 	<ul style="list-style-type: none"> JKM ROS PBT UPEN Pejabat Daerah

Peranan NGO adalah penting sebagai agen penggerak bagi sesebuah komuniti. Kerjasama strategik di antara Kerajaan Negeri dan NGO adalah satu usaha yang baik dan perlu dilaksanakan secara berterusan. Penglibatan NGO secara keseluruhannya memberi kesan yang positif untuk mengenal pasti masalah dan keperluan masyarakat akar umbi. Aktiviti NGO seperti *Food Bank* atau *Soul Kitchen* dapat membantu Kerajaan dalam memberikan makanan secara percuma kepada golongan yang memerlukan.

7.8.2.5 Strategi 5: Memperkasa Jaringan Perkongsian Data Maklumat Penerima Bantuan Negeri Melaka

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 5		Memperkasa Jaringan Perkongsian Data Maklumat Penerima Bantuan Negeri Melaka		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kebajikan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Perkongsian Strategik data secara meluas dan komprehensif	<ul style="list-style-type: none"> • Perkongsian data penerima bantuan bulanan JKM secara berkala • Peranan NGO dalam Pembasmian Kemiskinan 	<ul style="list-style-type: none"> • 100% perkongsian data bagi setiap bulan • 10% daripada peserta e-kasih dibantu oleh NGO 	<ul style="list-style-type: none"> • JKM • BTMK • BKM • UPEN

Perkongsian data yang strategik dan komprehensif merupakan fokus utama yang membolehkan Kerajaan Negeri mengenal pasti kekurangan dan keperluan rakyat secara menyeluruh. Inisiatif ini akan membolehkan Kerajaan untuk membuat perancangan serta tindakan yang sesuai bagi membantu golongan penerima bantuan. Untuk menjayakan strategi ini, 1 *Symbolic Action* telah dikenal pasti sebagai pemboleh daya yang akan digunakan iaitu Data Raya Sejahtera. Data tersebut boleh diguna pakai oleh semua pihak yang berhasrat untuk memberi bantuan kepada golongan sasar berkaitan.

KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kebajikan)** dapat direalisasikan bagi mencapai kesejahteraan rakyat negeri Melaka dan seterusnya menyokong agenda pembangunan sosio ekonomi negeri khususnya bagi menjayakan **MKRA 2: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat**.

7.8.3 **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kesihatan)**

Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah negara yang mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang terbaik di dunia. Isu pembangunan kesihatan dan ekonomi adalah saling berkait rapat di antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang saksama dan berkualiti kepada semua rakyat Melaka.

Dari aspek isu sosial dalam masyarakat, penyalahgunaan dadah merupakan musuh nombor satu negara dan menjadi isu global yang memudaratkan kesihatan rakyat. Ia perlu dibanteras secara habis-habisan oleh segenap lapisan masyarakat. Komitmen Kerajaan Negeri adalah untuk meneruskan kesinambungan Pelan Strategik Dasar Dadah Negara dan Pelaksanaan Inisiatif Bersepadu untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah, substans dan pelencongan sosial.

Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kesihatan) telah menggariskan sebanyak **2 Strategi** yang didukung oleh **11 Quicks Wins** dan **5 Symbolic Actions**.

2 STRATEGI

01

Menjadikan Rakyat Sihat Sejahtera Melalui Perkhidmatan Kesihatan Yang Optimum

02

Memperkuuhkan Inisiatif Sasaran Dadah Terkawal

11
QUICK WINS

5
SYMBOLIC
ACTIONS

7.8.3.1 Strategi 1: Menjadikan Rakyat Melaka Sihat Sejahtera Melalui Perkhidmatan Kesihatan Yang Optimum

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 1		Menjadikan Rakyat Melaka Sihat Sejahtera Melalui Perkhidmatan Kesihatan Yang Optimum		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kesihatan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-kanak, Hospital Melaka	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Kerja-kerja awalan pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak 	<ul style="list-style-type: none"> EPU KKM JKNM
2.	Klinik Kesihatan (Jenis 4) Dengan Kuarters Simpang Bekoh, Jasin	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Kerja awalan pembinaan untuk tapak projek 	<ul style="list-style-type: none"> KKM JKNM JKR
3.	KOSPEN Komuniti <ul style="list-style-type: none"> Bilangan lokaliti KOSPEN baru pada tahun semasa Peratus penduduk di lokaliti KOSPEN disaring Peratus lokaliti KOSPEN yang menjalankan aktiviti fizikal sekali seminggu 	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran lokaliti KOSPEN baru yang ditetapkan adalah sebanyak 60 lokaliti menjelang tahun 2025 Peratus penduduk di lokaliti KOSPEN disaring adalah 60% Peratus lokaliti KOSPEN yang menjalankan aktiviti fizikal sekali seminggu adalah 70% 	<ul style="list-style-type: none"> JKNM Kerajaan Negeri Pejabat Kesihatan Daerah JPKK JAPERUN KEMAS JPNIN
4.	KOSPEN Plus <p>Penglibatan pelbagai agensi bagi Program KOSPEN Plus</p> <p>Saringan Kesihatan, Amalan Pemakanan Sihat, Hidup Yang Aktif, Minda Sihat, Pengurusan Berat Badan,Tidak Merokok, Persekitaran Tempat Kerja Sihat atau Pengurangan Kemudaratan Alkohol</p>	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran melibatkan kesemua 100% agensi kerajaan di negeri Melaka untuk menjalankan 4 skop aktiviti KOSPEN Plus dan melantik <i>liaison officer</i> Setiap agensi akan melantik pegawai incaj atau <i>liaison officer</i> dan menubuhkan jawatankuasa bagi pelaksanaan KOSPEN Plus 	<ul style="list-style-type: none"> JKNM Kerajaan Negeri Pejabat Kesihatan Daerah JPKK JAPERUN KEMAS JPNIN

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 1		Menjadikan Rakyat Melaka Sihat Sejahtera Melalui Perkhidmatan Kesihatan Yang Optimum		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kesihatan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
5.	Persekutuan Pemakanan Sihat Dan Selamat Di Sekolah Dan Tempat Kerja <ul style="list-style-type: none"> i. Pengiktirafan BeSS (Bersih, Sihat dan Selamat) dan komponen Penilaian Hidangan Sihat di kantin sekolah khususnya Sekolah Rendah dan Menengah ii. Pengiktirafan Kafeteria Sihat dan Program Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (Tempat Kerja) 	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Peratus kantin sekolah yang mendapat pengiktirafan BeSS • Agensi Kerajaan Persekutuan & Negeri yang menyertai KOSPEN Plus (61 buah agensi dan indikator pelaporan adalah peratus kafeteria sihat di agensi yang telah menerima bimbingan dan peratus agensi yang menjalankan Program Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat 	<ul style="list-style-type: none"> • JKNM • Kerajaan Negeri • KPM • Pejabat Pendidikan Negeri • BKKM • Agensi Kerajaan
6.	Saringan Kesihatan Mental Dalam Kalangan Penduduk <ul style="list-style-type: none"> • Saringan Kesihatan Mental 	2021 - 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Sasaran yang ditetapkan adalah sebanyak 150,000 saringan menjelang tahun 2025, iaitu 600 – 1,200 saringan bagi setiap klinik kesihatan setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • JKNM • KKM • KOSPEN • KOSPEN Plus

Pelbagai projek dan program telah dirangka untuk memastikan tahap kesihatan rakyat Melaka sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur kesihatan yang kondusif. Antara projek dan program utama yang akan dilaksanakan di negeri Melaka adalah seperti berikut:

(a) Pembinaan Blok Wanita Dan Kanak-kanak, Hospital Melaka

Hospital Melaka bertindak sebagai hospital rujukan utama untuk seluruh negeri Melaka dan daerah-daerah berdekatan dari negeri yang berjiran iaitu dari Negeri Sembilan Selatan dan Johor Utara. Peningkatan ketara jumlah pesakit di Jabatan Obstetrik & Ginekologi (O&G) dan Jabatan Pediatric Hospital Melaka menyebabkan terdapat keperluan untuk menyediakan Blok Wanita dan Kanak-kanak (WCB) yang baharu dengan kemudahan lengkap.

WCB ini dirancang mempunyai 478 katil dan secara keseluruhannya akan menjadikan 146 katil tambahan untuk Hospital Melaka. Ia merangkumi perkhidmatan seperti *O&G Emergencies, Labour Delivery Suites, Patient Assessment Centre, Early Pregnancy Assessment Unit, Specialist Clinic* dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan. Selain itu, ia juga akan mempunyai perkhidmatan Pediatric yang merangkumi *Paediatric Assessment Area, NICU, PICU, SCN, Specialist Clinic* dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.

Ia akan disokong dengan semua perkhidmatan sokongan hospital yang diperlukan seperti 6 bilik dewan bedah, perkhidmatan farmasi, patologi dan perkhidmatan makanan pesakit. Infrastruktur dan sistem blok ini akan disatukan dengan bangunan hospital yang sedia ada.

(b) Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 4) Dengan Kuarters Simpang Bekoh, Jasin

Perkhidmatan klinik kesihatan yang lebih komprehensif amat diperlukan agar penyampaian perkhidmatannya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, berkualiti dan selesa. Pembinaan klinik kesihatan ini juga akan mudah diakses oleh pesakit dan penduduk sekitar kawasan Simpang Bekoh, Jasin memandangkan jarak dari lokasi klinik ini ke hospital lain agak jauh iaitu Hospital Melaka sejauh 45 km dan Hospital Jasin serta Hospital Tangkak masing-masing sejauh 13 km.

(c) Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)

Tinjauan Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan atau *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019* menunjukkan tahap kesihatan rakyat Malaysia adalah amat membimbangkan. Statistik menunjukkan bahawa 1 daripada 5 orang dewasa menghidap diabetes (3.9 juta orang), 3 daripada 10 orang mempunyai tekanan darah tinggi atau hipertensi (6.4 juta orang) dan 4 daripada 10 orang mempunyai kadar kolesterol tinggi (8 juta orang). Selain itu, terdapat peningkatan bagi obesiti di mana sebanyak 19.7 peratus orang dewasa adalah obes, iaitu 1 daripada 2 orang dewasa di Malaysia tergolong dalam kategori tersebut.

Di bawah *Quick Wins* ini, sebanyak 1 *Symbolic Action* telah dikenalpasti iaitu Pelancaran Pelan Tindakan Bersama Agensi. Pelan tindakan ini akan meningkatkan dan memperkuuhkan aktiviti KOSPEN di peringkat komuniti.

(d) KOSPEN PLUS

Program KOSPEN Plus dilaksanakan melalui pemerkasaan individu dan organisasi ke arah penerapan polisi kesihatan dan amalan gaya hidup sihat di tempat kerja. Hampir 50 peratus penduduk Malaysia merupakan golongan pekerja yang merupakan aset penting untuk pembangunan organisasi dan negara.

Rekod data penyakit tidak berjangkit Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan terdapat peningkatan kes di kalangan para pekerja yang perlu ditangani kerana penyakit ini boleh menyumbang kepada ketidakhadiran bekerja disebabkan cuti sakit dan seterusnya mengurangkan produktiviti organisasi.

(e) Persekutuan Pemakanan Sihat dan Selamat di Sekolah dan Tempat Kerja

Kajian obesiti dalam kalangan remaja di Malaysia oleh Institut Kesihatan Umum (IKU) 2017 menunjukkan negeri Melaka berada di kedudukan tempat ketiga tertinggi. Sehubungan dengan itu, persekitaran pemakanan sihat di sekolah adalah penting untuk membentuk murid yang sihat dan produktif.

Di bawah *Quick Wins* ini, sebanyak 2 *Symbolic Actions* telah dikenalpasti iaitu Pengiktirafan BeSS (Bersih, Sihat dan Selamat) meliputi komponen penilaian hidangan sihat di kantin sekolah dan Pengiktirafan Kafeteria Sihat & Program Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat.

(f) Saringan Kesihatan Mental Dalam Kalangan Penduduk

Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi Kebangsaan atau *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) 2019 menunjukkan bahawa 2.3 peratus rakyat Malaysia mengalami kemurungan di peringkat nasional iaitu seramai setengah juta orang. Negeri Melaka berada di kedudukan kelima tertinggi iaitu sebanyak 3.8 peratus daripada masyarakat mengalami kemurungan. Daripada jumlah tersebut, perempuan lebih ramai berbanding lelaki, iaitu sebanyak 2.6 peratus dan sebanyak 3.6 peratus tinggal di luar bandar, berbanding 1.9 peratus yang tinggal di bandar. Majoriti isu kemurungan berlaku kepada golongan bujang iaitu sebanyak 3.2 peratus dan sebanyak 2.7 peratus berlaku pada golongan B40. Di bawah *Quick Wins* ini sebanyak 1 *Symbolic Action* telah dikenal pasti iaitu Program Saringan Kesihatan Mental di kalangan penduduk.

7.8.3.2 Strategi 2: Memperkuatkan Inisiatif Sasaran Dadah Terkawal 2025

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi 2		Memperkuatkan Inisiatif Dadah Terkawal 2025		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Kesihatan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pelaksanaan Bengkel Community Empowerment <ul style="list-style-type: none"> Komuniti setempat mendapat kemahiran dalam mengawal dan mencegah aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan masing-masing 	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> 100% Ahli JPKK menjalani latihan <i>Community Empowerment</i> 	<ul style="list-style-type: none"> AADK Pejabat Daerah
2.	Pelaksanaan Latihan Kerjaya di PUSPEN <ul style="list-style-type: none"> Klien AADK yang bebas dari PUSPEN memperolehi peluang pekerjaan dan berfungsi kepada keluarga supaya terus kekal pulih 	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> 70% Klien AADK yang bebas PUSPEN memperolehi peluang pekerjaan 	<ul style="list-style-type: none"> AADK JTK
3.	Pelaksanaan Program TEKAD di Jabatan Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> Penjawat Awam dan Pejabat Kerajaan di negeri Melaka bebas daripada pengaruh dadah 	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> 100% Pejabat Sektor Awam menjalani Program TEKAD 	<ul style="list-style-type: none"> AADK Semua Sektor Awam
4.	Pelaksanaan Program Outreach <ul style="list-style-type: none"> Penyalahguna dadah tampil secara sukarela bagi menjalani pemulihan di AADK 	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> 10 orang penyalahguna tampil secara sukarela bagi setiap bulan 	<ul style="list-style-type: none"> AADK JKNM
5.	Pelaksanaan Program Pemeriksaan SKUAD AADK <ul style="list-style-type: none"> Penyertaan golongan belia sebagai Sukarelawan AADK 	2021 - 2025	<ul style="list-style-type: none"> 25,000 orang belia mendaftar sebagai ahli SKUAD AADK 	<ul style="list-style-type: none"> AADK JBS

Dalam usaha untuk mencegah dan memulihkan aktiviti penyalahgunaan dadah, Kerajaan Negeri melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah merancang untuk melaksanakan program-program yang melibatkan pelbagai pihak termasuk pemimpin masyarakat dan penyertaan sukarelawan di kalangan masyarakat.

(a) Pelaksanaan Bengkel *Community Empowerment*

Bengkel *Community Empowerment* ini akan memberi pengetahuan kepada peserta dari segi penghasilan profiling kawasan, mengenal pasti faktor risiko dan faktor pelindung, kaedah pengupayaan komuniti dalam pencegahan dadah, pelan tindakan pelaksanaan program pencegahan dadah serta penilaian dan pelaporan aktiviti yang dilaksanakan. Pengetahuan yang menyeluruh dan lengkap mengenai aspek-aspek tersebut dapat membentuk satu komuniti yang mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk menangani masalah berkaitan. Sebanyak 2 *Symbolic Actions* telah dikenal pasti seperti berikut:

(i) Program Pemerkasaan Pemimpin di Peringkat Komuniti

Melalui usaha ini dapat membantu mengurangkan faktor risiko dan meningkatkan faktor pelindung di kawasan masing-masing.

(ii) Program Gerakan Majlis Tindakan Membanteras Dadah di Peringkat Daerah

Majlis ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah sebagai platform bagi menggerakkan semua badan kerajaan dan badan bukan kerajaan secara bersepada dalam usaha untuk mencegah, memulih dan mengurangkan kemudaratan masalah penagihan dadah.

(b) Pelaksanaan Latihan Kerjaya di PUSPEN

Pelaksanaan latihan kerjaya di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dapat memberi pelbagai kemahiran bekerja kepada individu yang sedang menjalani pemulihan. Kemahiran ini boleh dijadikan asas di dalam permohonan peluang pekerjaan setelah bebas daripada PUSPEN. Pelaksanaan latihan kerjaya ini merupakan kerjasama daripada pelbagai jabatan kerajaan termasuk anak syarikat Kerajaan Negeri serta sektor swasta.

Sesi libat urus bersama pihak majikan juga adalah penting bagi membantu individu tersebut mendapat pekerjaan di sesebuah syarikat. Selain itu, pihak majikan turut layak mendapat pengecualian cukai sekiranya mengambil individu berkaitan sebagai pekerja.

(c) Pelaksanaan Program Pencegahan di Jabatan Kerajaan

Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)

Program ini merupakan proses rawatan dan pemulihan secara sukarela di kalangan pekerja yang sudah terjebak dalam kancang penagihan. Program ini merangkumi pendedahan polisi tempat kerja bebas dadah, perkongsian pendidikan pencegahan, latihan pendidikan pencegahan kepada penyelia dan juga program bantuan pekerja.

Ujian pengesanan dadah

Ujian ini merujuk kepada analisis bahan biologikal untuk mengesan kehadiran dadah di dalam badan manusia. Bentuk ujian yang biasa digunakan adalah melalui analisis sampel urin. Ujian ini dilaksanakan secara mengejut dan rawak di jabatan/ agensi di negeri Melaka. Selain itu, para penjawat awam yang tampil secara sukarela untuk menjalani pemulihan akan dibantu untuk rawatan dan pemulihan secara sukarela di PUSPEN Seri Iskandar, Perak.

(d) Pelaksanaan Program Outreach

Transformasi perkhidmatan AADK telah memperkenalkan rawatan dan pemulihan secara sukarela tanpa melibatkan implikasi perundangan. Pelaksanaan Program Outreach ini menyasarkan golongan yang berisiko berdasarkan profiling dan risikan yang dijalankan oleh pihak AADK bersama agensi dan jabatan lain. Golongan yang dikenalpasti akan dilaksanakan temuseru di mana pegawai pemulihan AADK akan menggunakan kaedah pemujukan untuk tampil menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela tanpa dibuat tangkapan dan dihadapkan ke mahkamah.

(e) Program Pemerkasaan SKUAD AADK

Statistik AADK Negeri Melaka menunjukkan 74 peratus penagih dadah yang dikesan adalah daripada golongan belia. Program Pemerkasaan SKUAD AADK ini dilaksanakan khas kepada golongan belia. Belia yang didaftarkan sebagai ahli SKUAD AADK akan diberi latihan dan kemahiran pencegahan dadah. Ia dapat mewujudkan hubungan yang baik di antara AADK dan golongan tersebut. Ahli SKUAD AADK juga akan diberikan kemahiran untuk membimbing rakan-rakan yang sudah terlibat dengan masalah ketagihan dadah untuk menjalani proses rawatan dan pemulihan. Usaha ini juga membantu untuk membawa lebih ramai golongan belia yang belum dikesan sebagai penagih dadah untuk dipulihkan dan diterima oleh masyarakat.

Secara keseluruhan, pelaksanaan *Quick Wins* dan *Symbolic Actions* ini akan dapat mencapai 3 KPI yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Pertambahan bilangan fasiliti kesihatan;
- (ii) Rakyat Melaka Sihat Sejahtera; dan
- (iii) Dadah Terkawal 2025.

KESIMPULAN


Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya ***Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kesihatan dan AntiDadah)*** dapat direalisasikan bagi memastikan kesihatan rakyat negeri Melaka yang optimum dan seterusnya menyokong agenda **MKRA 2: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat**.

7.8.4 **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Belia dan Sukan)**

Pembentukan generasi dalam mana-mana negara bermula dari peringkat belia. Golongan ini merupakan nadi kepada kemajuan masa depan sesebuah negara. Pembangunan belia memerlukan program bersepadu yang mampu meningkatkan kesedaran dan sensitiviti terhadap pelbagai isu, antaranya perpaduan dan integrasi nasional. Belia juga perlu dibekalkan dengan pelbagai kemahiran dalam bidang kepimpinan, pengurusan dan sosial bagi melahirkan pemimpin yang berkaliber di masa hadapan.

Pembangunan sukan di Malaysia semakin berkembang maju selari dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara bersukan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meletakkan sukan sebagai industri yang berperanan dalam memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan serta pulangan kepada pelaburan dalam bidang ini. Pembangunan sukan perlulah seiring dengan kehendak semasa serta trend terkini demi melahirkan generasi yang sihat, cergas dan berdaya saing.

Flagship 8: Melaka Sejahtera (Belia dan Sukan) telah menggariskan sebanyak **1 Strategi** iaitu **Memperkasakan Pembangunan Belia dan Sukan Untuk Kesejahteraan Rakyat**. Strategi ini didukung dengan **4 Quick Wins** dan **8 Symbolic Actions**.



7.8.4.1 Strategi: Memperkasa Pembangunan Belia dan Sukan Untuk Kesejahteraan Rakyat

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi		Memperkasa Pembangunan Belia dan Sukan Untuk Kesejahteraan Rakyat		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Belia & Sukan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
			SASARAN 2023	
1.	Pemerkasaan Pembangunan Pendidikan Belia <ul style="list-style-type: none"> • Tahap akademik belia Melaka 	2021-2025 <ul style="list-style-type: none"> • Seramai 260 orang pelajar Melaka berjaya menamatkan pelajaran di IPTA / IPTS setiap tahun • Seramai 1,300 orang pelajar Melaka berjaya menamatkan pengajian di IPTA/ IPTS 	<ul style="list-style-type: none"> • IPTA/IPTS • Institusi Penyedia TVET 	
2.	Pemerkasaan Ekonomi Belia <ul style="list-style-type: none"> • Skim Perantisan Nasional (SPN) • Bantuan Perniagaan Belia 	2021 - 2025 <ul style="list-style-type: none"> • 100 golongan belia mendapat manfaat • 200 orang belia mendapat manfaat • 500 belia mendapat manfaat • 1,000 belia mendapat manfaat 	<ul style="list-style-type: none"> • JBS • Semua Institusi Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> • MARA • TEKUN • UPEN • MYDC 	
3.	Pemerkasaan Perumahan Belia Melaka <ul style="list-style-type: none"> • Pemilikan Rumah Belia Melaka 	2021 - 2025 <ul style="list-style-type: none"> • 200 orang belia memiliki rumah • 1,000 belia dalam pemilikan rumah 	<ul style="list-style-type: none"> • LPM • MYDC • MGBM 	

MKRA		Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat		
Strategi		Memperkasa Pembangunan Belia dan Sukan Untuk Kesejahteraan Rakyat		
Flagship 8		Melaka Sejahtera (Belia & Sukan)		
BIL.	QUICK WINS/ SYMBOLIC ACTIONS	TEMPOH PELAKSANAAN DAN SASARAN OUTPUT	KPI/ DESIRED OUTCOME	PENERAJU
		SASARAN 2023		
4.	Memperkasakan Pembangunan Sukan Negeri Melaka <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Sukan Elektronik (<i>E-Sport</i>) dan <i>E-Sport Hub</i> 	2021 – 2025	<ul style="list-style-type: none"> • 1 Program di peringkat Negeri • 1 Pasukan (Sukan SEA) 	<ul style="list-style-type: none"> • JBS • MSN • Persatuan Sukan <i>E-Sport</i> • MICTH
	<ul style="list-style-type: none"> • Program Pembangunan Sukan: <ul style="list-style-type: none"> » SUKMA <ul style="list-style-type: none"> a. Program Pelapis b. Program Bakat » PARA SUKMA <ul style="list-style-type: none"> a. Program Pelapis 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Pelapis - 350 atlet • Program Bakat - 36 atlet • Program Pelapis - 100 atlet 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Pelapis - 400 atlet • Program Bakat - 40 atlet • Program Pelapis - 500 atlet 	<ul style="list-style-type: none"> • MSN • JBS
	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan di temasya Sukan Malaysia (SUKMA & Para SUKMA) negeri Melaka setiap 2 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pingat emas diperolehi - 18 emas 	<ul style="list-style-type: none"> • SUKMA 2022 - 19 emas • Para SUKMA - 11 emas 	

Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian kepada keperluan dan kehendak golongan belia khususnya dalam bidang pendidikan, ekonomi, pemilikan aset seperti perumahan serta program sukan.

(a) Memperkasakan Pembangunan Pendidikan Belia

Kerajaan Negeri beriltizam untuk terus memperkasakan pembangunan pendidikan belia dengan memberi perhatian kepada pencapaian tahap intelektual golongan ini. Di bawah agensi-agensi peneraju yang terlibat, fokus terhadap memperkasa pembangunan pendidikan belia amat dititikberatkan. Untuk memperkasa belia di negeri Melaka, pelbagai kursus dan latihan jangka panjang dan pendek yang berkualiti dalam bidang kemahiran, vokasional dan industri kreatif sentiasa ditawarkan untuk tujuan *reskilling* dan *upskilling* sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

(b) Pemerkasaan Ekonomi Belia

Sebagai langkah menyokong agenda pengukuhan ekonomi belia, Kerajaan Negeri turut menyokong usaha pelaksanaan Skim Perantisan Nasional (SPN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan belia meningkatkan kemahiran dalam dunia pekerjaan dengan konsep *place and train*.


Selain itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk meningkatkan penglibatan belia dalam sektor ekonomi. Semua PBT di negeri Melaka komited dalam urusan memudahkan pemberian lesen perniagaan. Selain itu, kemudahan pinjaman pelbagai agensi seperti TEKUN, MARA, Amanah Ikhtiar, SME Corp dan lain-lain turut membantu usahawan belia untuk memulakan bidang perniagaan yang diminati.

(c) Pemerkasaan Perumahan Belia Melaka

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka (JBS) dan LPM sentiasa bekerjasama dalam usaha untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan belia di negeri Melaka. Ia termasuklah usaha untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) dan memudahkan proses kelulusan pinjaman. Untuk membantu golongan ini, Kerajaan Negeri menyasarkan 1,000 orang belia dapat memiliki rumah dalam tempoh 5 tahun.

(d) Pemerkasaan Pembangunan Sukan Negeri Melaka

Menerusi Dasar Sukan Negara, iaitu pembangunan sukan massa dan sukan prestasi tinggi, Kerajaan Negeri memberi galakan kepada masyarakat untuk menyertai pelbagai aktiviti sukan yang berperanan dalam melahirkan rakyat yang bersatu padu. Sebanyak 4 *Symbolic Actions* telah dirangka seperti berikut:



(i) Pembangunan Sukan Elektronik (*E-Sports*) dan *E-Sport Hub*

E-Sports adalah fenomena digital global dan kini mendapat perhatian arus perdana dan menjadi salah satu segmen industri *E-Sports* paling pantas berkembang. Pembangunan pusat *E-sports* mampu memberi impak positif kepada pertumbuhan sosioekonomi golongan belia negeri Melaka. Justeru, Kerajaan Negeri menggalakkan usaha memperkasakan sukan elektronik dengan penubuhan pusat *E-Sport* untuk melahirkan atlet berkualiti di kalangan belia Melaka yang bertaraf antarabangsa.

(ii) Kecemerlangan Sukan Melalui Program Sukan Prestasi Tinggi Negeri Melaka (*High-Performance Sports*)

Program sukan prestasi tinggi adalah merupakan program *supplement* kepada program SUKMA Negeri Melaka bagi mencungkil bakat atlet. Antara sukan yang terlibat di bawah program ini adalah Akuatik Renang, Akuatik Terjun, Badminton, Berbasikal, Gimnastik Artistik, Gimrama, Karate, *Lawn Bowls*, Memanah, Menembak, Olahraga, Pelayaran, Pencak Silat, Skuasy, Tenpin Boling, Olahraga dan Wushu.

Pencapaian atlet negeri Melaka yang cemerlang di temasya SUKMA akan membolehkannya terpilih untuk mewakili negara ke peringkat antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia, Sukan SEA dan lain-lain.

Terkini, seramai 2 orang atlet Melaka telah mewakili negara di Sukan Olimpik 2016, 8 orang di Sukan Komanwel 2018, 13 orang di Sukan Asia 2018 dan 27 orang di Sukan SEA 2019.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyokong penuh program Para SUKMA yang merupakan sukan peringkat kebangsaan bagi golongan OKU. Program Pembangunan Sukan OKU merupakan salah satu inisiatif dalam melahirkan lebih ramai atlet OKU bertaraf antarabangsa. Negeri Melaka mensasarkan 100 atlet pelapis Para SUKMA dengan pencapaian 11 pingat emas.

KESIMPULAN

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya ***Flagship 8: Melaka Sejahtera (Belia dan Sukan)*** dapat direalisasikan bagi memperkasakan agenda pembangunan belia dan sukan seterusnya menyokong agenda **MKRA 2: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat**.

08

BAHAGIAN

**PEMANTAUAN DAN PENILAIAN
SERTA MEKANISME PENGUKURAN
PENCAPAIAN *KEY PERFORMANCE
INDICATOR (KPI)***




BAHAGIAN 8

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN SERTA MEKANISME PENGUKURAN PENCAPAIAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

Dalam usaha untuk memastikan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 ini dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan, semua pihak yang bertanggungjawab bermula daripada perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian hendaklah menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan. Metodologi yang boleh digunakan adalah melalui PDCA (*Plan, Do, Check, Act*). PDCA ini dapat memantau dan menilai PSMJ2035 tersebut dari semasa ke semasa secara berterusan serta mewujudkan penambahbaikan dan peningkatan ke atas dokumen tersebut berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa. Ia boleh digambarkan seperti dalam paparan di bawah:

Gambar rajah 8.1: Gambaran Pemantauan dan Penilaian Melalui PDCA




Pemantauan dan penilaian merupakan dua elemen penting dalam pengurusan projek pembangunan yang boleh diaplikasikan untuk memastikan perancangan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 ini dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan melalui pengumpulan data pencapaian secara berterusan dan sistematik serta dianalisis untuk mengukur pencapaian berdasarkan kepada *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan. Penetapan objektif atau matlamat yang hendak dicapai hendaklah mengambil kira elemen SMART iaitu *Specific, Measurable, Attainable, Realistic* dan *Time-bound*.

Secara keseluruhan, proses pemantauan tersebut berfungsi sebagai instrumen untuk membantu mengesan kemajuan ke arah matlamat yang telah ditetapkan. Melalui proses pemantauan ini, ia boleh memberi amaran awal sekiranya sesuatu perancangan tersebut tidak boleh dilaksanakan dan ia memerlukan perubahan bagi membolehkan perancangan berkaitan dapat dicapai. Maklumat yang diperolehi daripada pemantauan yang berterusan akan dinilai sama ada perancangan tersebut boleh diteruskan pelaksanaannya ataupun sebaliknya.

Dari segi mekanisme pelaksanaan dan pemantauan, kesemua perancangan 8 *Flagships* Melakaku Maju Jaya akan dilaksanakan secara bersama oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) dan Pejabat Pemantauan dan Pelaksanaan Melaka (MIMO). Kedua-dua entiti ini bertanggungjawab untuk memantau pencapaian pelaksanaan dasar dan program serta projek yang telah digubal di bawah Pelan Strategik ini mengikut 8 *Flagships*. Pemantauan *flagship* tersebut dilaksanakan berdasarkan kepada pencapaian KPI yang telah ditetapkan. Sekretariat kepada *flagship* masing-masing akan melaksanakan penyelarasan kepada pelaksanaan program atau projek dan bekerjasama erat dengan pihak UPEN dan MIMO untuk tujuan pelaporan serta penambahbaikan kepada perancangan yang telah dibuat mengikut kesesuaian. Proses dan jentera perancangan dan pemantauan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 ini dapat dijelaskan seperti dalam paparan di bawah:

Gambar rajah 8.2: Proses dan Jentera Perancangan dan Pemantauan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035



Untuk memudahkan pemantauan ke atas pencapaian *flagship*, satu kaedah *scorecard* menerusi sistem *dashboard* pemantauan akan dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) yang dikenali sebagai Melaka LAKSANA. Mengambil nama sempena tahun pelaksanaan 2021 yang telah diumumkan oleh YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali pada Majlis Amanat YAB Ketua Menteri Melaka, sistem ini akan menjadi platform bagi setiap *flagship* untuk melaporkan perkembangan dan pencapaian sasaran masing-masing secara tahunan. Sistem Melaka LAKSANA ini akan menjana laporan *dashboard* pintar menggunakan *analytic tools* (*Microsoft Power Business Intelligent Tools*).

Memandangkan penggubalan pelan perancangan pembangunan Melakaku Maju Jaya ini dilaksanakan dengan penglibatan daripada semua pihak termasuk *public participation*, maka adalah wajar pencapaian ke atas KPI tersebut akan diterbitkan untuk makluman umum pada setiap tahun. Setiap *flagship* akan dinilai pencapaian masing-masing dan akan diterbitkan untuk makluman umum. Penilaian berkala setiap suku tahun akan dibuat ke atas *flagship* masing-masing, manakala penstrukturkan semula KPI akan dibuat secara tahunan, sekiranya perlu, bagi memastikan pencapaian PSMJ 2035 tidak tersasar daripada perancangan asal.

Secara keseluruhan, pemantauan dan penilaian PSMJ 2035 akan melaporkan pencapaian 8 *flagships*. Pelaporan yang dihasilkan ini amatlah penting untuk dimaklumkan kepada umum bagi menunjukkan komitmen dan hasil kerja Kerajaan Negeri sepertimana yang telah dijanjikan kepada rakyat.

Berdasarkan penilaian ke atas pencapaian perancangan tersebut, pelbagai perkara akan diteliti termasuk sekiranya terdapat isu-isu yang menjadi kekangan kepada pelaksanaan perancangan tersebut. Dokumen PSMJ 2035 adalah bersifat *living document* yang sentiasa dirujuk dan dinamik mengikut peredaran dan keperluan semasa dan akan datang dalam merangka hala tuju pembangunan negeri Melaka. Justeru, berdasarkan penilaian pelaksanaan tersebut, perancangan berkaitan boleh ditambah baik mengikut keperluan semasa untuk diselaras semula bagi pelaksanaan tahun berikutnya selepas penilaian dilaksanakan. Pelaporan PSMJ 2035 ini mampu memberi gambaran sebenar tentang kejayaan aspirasi kerajaan dalam memastikan kesinambungan pembangunan negeri terpelihara. Ia juga memberi gambaran positif kepada rakyat tentang sistem penyampaian yang mampu mewujudkan keyakinan kepada Kerajaan Negeri.

09

**BAHAGIAN
RUMUSAN
SESI LIBAT URUS AWAM**



BAHAGIAN 9

RUMUSAN


SESI LIBAT URUS AWAM

Kerajaan Negeri telah melaksanakan sesi libat urus awam ke atas Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 selama 19 hari bermula pada 1 Januari sehingga 19 Januari 2021. Ia dilaksanakan bagi mendapatkan pendapat dan ulasan rakyat berhubung hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan perancangan dan hala tuju pembangunan negeri Melaka untuk tempoh 15 tahun sehingga tahun 2035. Maklum balas daripada rakyat ini amatlah penting untuk melihat tahap penerimaan dan mengenal pasti keperluan rakyat untuk disesuaikan dengan perancangan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.


9.1 Maklumat Demografi Responden

Secara keseluruhannya, borang kaji selidik bagi tujuan sesi libat urus awam ini telah mendapat sambutan daripada 1,976 responden. Maklumat demografi responden diterjemahkan melalui carta pai seperti di bawah:

Carta 9.1.1: Pecahan Responden Mengikut Kategori Umur



Carta 9.1.2: Pecahan Responden Mengikut Kategori Pekerjaan



Majoriti responden iaitu 70.6 peratus adalah dalam kategori umur bawah 40 tahun iaitu golongan muda dan produktif. Gambaran ini menunjukkan minat golongan muda untuk mengetahui dan melibatkan diri dalam perancangan pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

9.2 Maklum Balas Keutamaan Rakyat

Terdapat 2 soalan bagi meneliti keperluan dan keutamaan semasa rakyat di negeri Melaka. Secara ringkasnya soalan pertama adalah lebih menjurus kepada 9 perkara utama yang telah diputuskan sebagai keperluan rakyat dan rakyat dikehendaki untuk menyusun keutamaan mengikut persepsi masing-masing. Jadual di bawah menunjukkan jumlah responden dan juga susunan topik yang menjadi keutamaan:

Jadual 9.2.1: Maklum Balas Keutamaan Rakyat

BIL.	PERKARA	JUMLAH RESPONDEN	PERATUSAN
1	Peluang Pekerjaan	1,638	83.5%
2	Pemilikan Rumah Mampu Milik	1,375	70.1%
3	Bantuan Sosial Kepada Golongan Memerlukan	1,250	63.7%
4	Peluang Untuk Menjalankan Perniagaan	1,174	59.9%
5	Peningkatan Tahap Kompetensi Diri Dan Pendidikan Rakyat	1,034	52.7%
6	Peningkatan Kecekapan Tahap Perkhidmatan Kerajaan	1,000	51%
7	Pengangkutan Awam Yang Cekap	822	41.9%
8	Kemudahan Aktiviti Riadah Dan Taman-Taman Awam	705	36%
9	Program Pembangunan Belia Dan Sukan	703	35.8%

Peluang Pekerjaan merupakan keutamaan bagi rakyat di negeri Melaka. Antara isu yang dibangkitkan adalah mengenai peningkatan jumlah pengangguran disebabkan oleh pandemik COVID-19, persaingan disebabkan lambakan graduan menganggur, gaji yang tidak setimpal, kesaksamaan gender dalam peluang pekerjaan, pengambilan pekerja berdasarkan merit serta isu perjawatan secara sambilan dan kontrak di sektor awam.

Pihak kerajaan dan juga swasta sewajarnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, membuka peluang perniagaan kepada rakyat dengan menyediakan premis perniagaan mampu milik atau menyediakan lokasi pusat penjaja yang strategik dan teratur, mewujudkan peluang pekerjaan separuh masa pada hujung minggu dan di luar waktu bekerja rasmi untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) disaran untuk meningkatkan jaringan kerjasama dengan sektor industri dan swasta bagi mempromosikan kekosongan jawatan melalui karnival-karnival kerjaya dan memberi keutamaan pengisian jawatan kepada rakyat Melaka serta bekerjasama dengan pihak majikan bagi menangani isu kebajikan pekerja.

Pemilikan Rumah Mampu Milik merupakan antara isu utama yang dibangkitkan meliputi harga rumah yang tinggi, kesukaran pembiayaan, ketiadaan tanah untuk pembinaan Rumah Prihatin dan kualiti rumah mampu milik yang rendah. Kerajaan Negeri dicadangkan supaya menetapkan siling harga rumah mampu milik pada kadar harga RM150,000.00 seunit, membantu menguruskan pembiayaan pembelian rumah dan meningkatkan lagi jumlah subsidi kerajaan ke atas harga jualan. Selain itu, responden juga mencadangkan pembangunan rumah mampu milik menggunakan pakai konsep *Transit Oriented Development* untuk kemudahan rakyat.

Bantuan Sosial Kepada Golongan Memerlukan menjadi salah satu fokus utama dalam maklum balas rakyat. Majoriti responden bersetuju bahawa bantuan kepada golongan rentan iaitu OKU dan golongan B40 hendaklah diteruskan bagi membantu golongan tersebut berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi di negeri Melaka.

Bantuan sosial berbentuk kewangan juga dicadang diberi kepada golongan ibu dan bapa tunggal dalam kategori B40 serta rakyat yang terjejas dengan potongan gaji. Responden juga mencadangkan supaya kerajaan memberi bantuan pendidikan kepada pelajar sekolah dan IPT yang terjejas disebabkan oleh COVID-19. Selain itu, bantuan komputer riba juga dicadangkan bagi meringankan beban keluarga untuk menyokong pembelajaran dalam norma baharu pada masa ini.

Untuk meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat, terdapat cadangan untuk mewujudkan kenderaan khusus seperti van kebajikan oleh Jawatankuasa Pembangunan Komuniti Kampung (JPKK) serta melaksanakan Program Khidmat Bakti kepada keluarga yang sangat memerlukan.

Peluang Menjalankan Perniagaan merupakan pilihan kepada rakyat di negeri Melaka selain bekerja makan gaji. Antara perkara yang menjadi cabaran kepada golongan peniaga ialah lokasi penjaja yang terhad dan persaingan di antara kawasan perniagaan baharu dengan yang lama.

Kebanyakan maklum balas yang diterima menggesa supaya pihak Kerajaan Negeri dapat memberi sokongan dan peluang kepada peniaga kecil. Pihak PBT dan agensi kerajaan lain seperti MARA atau TEKUN dicadang untuk mewujudkan program sewa beli dengan kadar mampu milik kepada para peniaga tempatan sebagai usaha menambah bilangan aset dalam kalangan peniaga khususnya Bumiputera.

Kerajaan Negeri melalui PBT dan lain-lain pihak berkuasa perlu bertindak selaku pemudahcara bagi mewujudkan suasana persekitaran perniagaan yang kondusif untuk meningkatkan pendapatan komuniti peniaga.

Peningkatan Tahap Kompetensi Diri dan Pendidikan Rakyat adalah elemen yang penting dalam pembangunan modal insan yang akan menyumbang kepada pembangunan sesebuah negeri dan negara. Responden turut memperincikan supaya pihak kerajaan memberi tumpuan kepada golongan seperti ibu tunggal, suri rumah, belia dan penganggur serta pelajar yang tercicir daripada pendidikan arus perdana.

Responden juga mencadangkan supaya pihak kerajaan mempelbagaikan bentuk latihan seperti perniagaan atas talian, kursus keusahawanan serta latihan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian dan industri agro makanan selain daripada pendidikan seni muzik.

Selain daripada itu, responden turut mencadangkan supaya perhatian diberikan untuk membangunkan kompetensi dan jati diri usahawan Bumiputera di kalangan kontraktor kecil bagi membolehkan mereka meningkatkan pendapatan melalui perolehan projek Kerajaan, Badan Berkanun dan Agensi Berkaitan Kerajaan. Kerajaan juga diminta untuk memastikan pelajar dapat menghabiskan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi atau menjadikan pendidikan vokasional sebagai alternatif.

Peningkatan Kecekapan Tahap Perkhidmatan Kerajaan turut menjadi perkara penting yang mendapat perhatian rakyat. Walaupun Kerajaan Negeri telah berusaha untuk meningkatkan imej Kerajaan, namun masih terdapat rungutan rakyat berhubung perkhidmatan kaunter, masalah kurang responsif, penjawat awam kurang berbudi bahasa dan masa menunggu yang lama. Isu berhubung integriti, salah guna kuasa dan rasuah masih berbangkit. Selain itu, responden turut mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperluaskan aplikasi sistem atas talian bagi memudahkan urusan rakyat.

Pengangkutan Awam Yang Cekap menjadi cabaran kepada Kerajaan Negeri kerana majoriti responden melahirkan rasa tidak puas hati terhadap isu tersebut. Isu yang dibangkitkan tertumpu kepada perkhidmatan Bas Panorama iaitu tiada perkhidmatan di sesuatu kawasan, jadual sela masa yang terlalu lama dan kelewatan ketibaan bas berbanding jadual yang ditetapkan. Selain itu, fasiliti caj yang dikenakan di Melaka Sentral juga adalah membebarkan.

Kerajaan Negeri perlu berusaha untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mewujudkan persekitaran alam sekitar yang lestari. Majoriti responden juga bersetuju dengan pembinaan projek *High Speed Rail* (HSR) di negeri Melaka serta keperluan menyediakan mod pengangkutan awam lain seperti *Light Rapid Transit* (LRT) dan *Mass Rapid Transit* (MRT) yang boleh menghubungkan lokasi-lokasi di negeri Melaka dengan negeri berjiran.

Responden juga berharap agar operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka diaktifkan semula dengan memperkenalkan lebih banyak laluan penerbangan dari negeri Melaka ke destinasi lain seperti Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Langkawi, Sabah dan lain-lain.

Kemudahan Aktiviti Riadah dan Taman-Taman Awam turut mendapat perhatian rakyat. Majoriti responden bersetuju dan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memperbanyakkan lagi pembinaan taman awam dan membuat penyelenggaraan berkala serta meningkatkan penguatkuasaan untuk memastikan kemudahan tersebut sentiasa dalam keadaan baik untuk digunakan.

Program Pembangunan Belia dan Sukan adalah penting dalam usaha Kerajaan Negeri menyediakan generasi pelapis pemimpin masa hadapan. Sukan juga merupakan medium perpaduan yang membentuk imej negeri dan negara. Maklum balas awam yang diterima bersetuju supaya kerajaan terus menggiatkan pembangunan belia dan sukan di negeri Melaka. Antara keperluan belia adalah meliputi pekerjaan yang berkualiti, peluang perniagaan dan juga kemudahan untuk mendapatkan rumah kediaman sendiri. Kerajaan Negeri juga disaran untuk terus membantu pertubuhan belia dari segi pemberian dana untuk melaksanakan pelbagai program.

Dari sudut pembangunan sukan, pihak Kerajaan Negeri perlu memperbanyakkan lagi kemudahan sukan seperti membina kompleks sukan yang lengkap, menaik taraf kompleks sukan sedia ada dan membina kompleks renang untuk wanita muslimah.

Selain daripada perkara di atas, maklum balas rakyat juga membangkitkan mengenai 7 perkara lagi yang perlu diberi keutamaan oleh pihak kerajaan iaitu **keperluan menyediakan infrastruktur awam** seperti pembinaan atau menaik taraf klinik kesihatan, mewujudkan lebih banyak pusat pengajian tinggi awam; **meningkatkan penyampaian perkhidmatan** yang lebih efisien seperti pewujudan sistem sekolah integrasi untuk menyeimbangkan peranan ibu bapa dalam pengurusan anak-anak dengan produktiviti kerja; **memperkasakan ekonomi rakyat** seperti menyediakan pinjaman modal atau suntikan dana untuk berniaga, mengecualikan pelbagai jenis cukai kepada pengusaha pelancongan, meningkatkan kemahiran kepada golongan wanita serta mengembangkan sektor pertanian dan akuakultur sebagai *food security* kepada negeri dan negara; **menambah baik kemudahan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi** seperti memberi bantuan WiFi percuma kepada rakyat untuk pembelajaran secara atas talian; serta **meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan** seperti meningkatkan perkhidmatan pembersihan pungutan sampah dan kebersihan di jalan raya, taman perumahan dan pasar. Selain itu, rakyat juga berpandangan supaya pihak kerajaan perlu menerapkan elemen **keihsanan dan integriti** dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat.

9.3 Maklum Balas Berhubung Dasar dan Hala Tuju Negeri Melaka

Perancangan hala tuju pembangunan negeri Melaka telah menetapkan visi yang perlu dicapai adalah Menuju Negeri Lestari menjelang tahun 2035 dengan 5 misi Bidang Keberhasilan Utama Negeri Melaka (MKRA) berdasarkan akronim iaitu T.E.R.A.S dan ia disokong melalui 8 *Flagships* iaitu:

- (a) *Flagship 1*: Zon Pembangunan Ekonomi: Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ);
- (b) *Flagship 2*: Pengurusan Air Mampan;
- (c) *Flagship 3*: Pembangunan Bersepadu;
- (d) *Flagship 4*: Digital Melaka;
- (e) *Flagship 5*: Melaka Negeri Usahawan;
- (f) *Flagship 6*: Melaka Negeri Pelancongan;
- (g) *Flagship 7*: Melaka Hab Pendidikan; dan
- (h) *Flagship 8*: Melaka Negeri Sejahtera (Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan dan Belia & Sukan).

Maklum balas yang diterima menunjukkan 76.1 peratus responden faham dan jelas dengan hala tuju Kerajaan Negeri yang baharu. Pada masa yang sama, 97 peratus responden bersetuju bahawa Kerajaan Negeri memerlukan suatu dokumen hala tuju perancangan pembangunan yang jelas untuk tempoh 15 tahun sehingga 2035.

9.4 Maklum Balas Berhubung Pelan Tindakan *Flagship*

9.4.1 *Flagship 1*: Zon Pembangunan Ekonomi: Melaka Water Front Economic Zone (M-WEZ)

Maklum balas yang diterima menunjukkan 95.9 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti berikut penglibatan penduduk tempatan dan golongan Bumiputera dalam aktiviti pembangunan yang dirancang, pengekalan pantai di kawasan bandar di negeri Melaka untuk aktiviti riadah dan pelancongan, kajian semula mengenai kesesuaian pembangunan aktiviti maritim serta keperluan zon bebas cukai untuk memastikan tiada ketirisan hasil kepada kerajaan, penekanan kepada penyelesaian isu kesesakan lalu-lintas untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat dan kajian semula dasar negeri sedia ada supaya mesra pelabur terutama dari aspek dasar pembangunan tanah, kuota, harga harta tanah, premium tanah dan lain-lain caj dalam pembangunan.

9.4.2 *Flagship 2*: Pengurusan Air Mampan

Maklum balas yang diterima menunjukkan 98.1 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti penguatkuasaan undang-undang yang tegas untuk pengurusan air termasuklah yang melibatkan sisa industri dan juga premis-premis yang menjelaskan sumber air, perluasan sistem pengumpulan hujan (SPAH) ke setiap bangunan kerajaan, komersial dan kediaman untuk mengurangkan isu banjir dan kekurangan air di musim kemarau, penyelesaian segera isu banjir, penambahbaikan

sistem perparitan di kawasan perumahan bagi mengelakkan kejadian banjir kilat dan memastikan tадahan air mencukupi untuk menampung pertambahan populasi dan kegiatan ekonomi dan juga semasa musim kemarau.

9.4.3 *Flagship 3:* Pembangunan Bersepadu

Maklum balas yang diterima menunjukkan 97.5 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti pengalihan tumpuan pembangunan daripada kawasan Melaka Tengah bagi mewujudkan pembangunan baharu di kawasan atau daerah lain, penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Awam yang komprehensif termasuk laluan berasingan bagi basikal dan motosikal serta kawasan larangan kenderaan di kawasan tumpuan pelancongan khususnya di Bandar Hilir, kajian ke atas keberkesanan perkhidmatan bas henti-henti untuk memberi perkhidmatan yang efisien dan menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas dan pengaktifan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka dengan lebih banyak penerbangan ke pelbagai destinasi.

9.4.4 *Flagship 4:* Digital Melaka

Maklum balas yang diterima menunjukkan 98.0 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti kajian keberkesanan ke atas penggunaan digital kepada rakyat perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa, perancangan pembinaan pencawang telekomunikasi iaitu 1 pencawang bagi setiap 5 taman perumahan, pemasangan internet dan talian berkelajuan tinggi termasuk di kawasan luar bandar dan pembangunan liputan telekomunikasi 5G untuk negeri Melaka bagi menyokong pembangunan Revolusi Industri 4.0 serta sebagai daya tarikan kepada pelabur.

9.4.5 *Flagship 5:* Melaka Negeri Usahawan

Maklum balas yang diterima menunjukkan 97.5 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti peningkatan aktiviti bekalan makanan dalam bidang perikanan dan penternakan seperti mewujudkan kawasan baharu penternakan ikan di pulau-pulau kecil di negeri Melaka dan ladang ternakan lembu dan kambing bagi memenuhi permintaan daging tempatan yang semakin tinggi, pewujudan peluang perniagaan kepada anak tempatan yang telah hilang pekerjaan dan golongan Bumiputera untuk meningkatkan pendapatan, penyelaras strategi pemasaran untuk memberikan pulangan yang tinggi kepada pendapatan usahawan, kajian semula kadar bayaran cukai perniagaan oleh pihak PBT dan kepelbagaian latihan khusus untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan.

9.4.6 *Flagship 6:* Melaka Negeri Pelancongan

Maklum balas yang diterima menunjukkan 97.7 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti kepelbagaian produk pelancongan seperti pelancongan Islam meliputi masjid, surau dan Mahkamah Syariah serta pelancongan sejarah, pemerkasaan promosi pelancongan sektor makanan khususnya melalui kedai-kedai makan, pemberian diskain kepada penduduk Melaka untuk melawat produk

pelancongan, cadangan pembangunan kampung persaraan kepada rakyat Melaka yang menetap di luar negara terutama Singapura dan pengoperasian Pusat Kaunter Khidmat Pelancongan pada setiap hari untuk memudahkan pelancong mendapat maklumat.

9.4.7 *Flagship 7:* Melaka Hab Pendidikan

Maklum balas yang diterima menunjukkan 98.1 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti cadangan penggunaan teknologi dalam kelas seperti penggunaan *Notebook*, pewujudan bidang pendidikan kepakaran kerajaan negeri Melaka seperti bidang pemuliharaan adat dan budaya, pelancongan dan alam sekitar, pembinaan universiti yang banyak akan memberi kesan terhadap kualiti tenaga pengajar dan peluang kerjaya dalam pasaran kerja akan datang, cabaran kepada UNIMEL untuk bersaing dengan IPTA dan IPTS yang lain dan persaingan dengan Hab Pendidikan di Pagoh yang sedang membangun dan penambahan pusat-pusat latihan kemahiran seperti ILKA dan ILKS untuk memperkasakan golongan yang tercicir.

9.4.8 *Flagship 8:* Melaka Negeri Sejahtera (Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan dan Belia & Sukan)

Maklum balas yang diterima menunjukkan 98.1 peratus responden bersetuju dengan pelan tindakan yang disediakan. Antara perkara yang dibangkitkan oleh rakyat adalah seperti pelaksanaan program anti dadah perlu diberikan tumpuan khusus, pembinaan Hospital Melaka yang baharu bagi menampung keperluan pesakit golongan M40 ke bawah, penyelaras untuk menangani isu sosial di kalangan remaja seperti isu mat rempit, pewujudan program-program keagamaan untuk golongan muda dan pelaksanaan program Melaka Bersih dan Sihat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

9.5 RUMUSAN

Secara keseluruhan, seramai 98.3 peratus responden bersetuju bahawa dokumen PSMJ 2035 yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri Melaka ini perlu dipantau dan dinilai pencapaianya pada setiap suku tahun dan 80 peratus daripada keseluruhan responden yakin bahawa PSMJ 2035 akan berjaya dilaksanakan.

RINGKASAN HASIL KAJIAN SESI LIBAT URUS AWAM-PSMJ 2035



KEUTAMAAN RAKYAT

	Peluang Pekerjaan	
	Pemilikan Rumah Mampu Milik	
	Bantuan Sosial Kepada Golongan Memerlukan	
	Peluang Untuk Menjalankan Perniagaan	
	Peningkatan Tahap Kompetensi Diri & Pendidikan Rakyat	
	Peningkatan Kecekapan Tahap Perkhidmatan Kerajaan	
	Pengangkutan Awam Yang Cekap	
	Kemudahan Aktiviti Ria dan Taman-Taman Awam	
	Program Pembangunan Belia & Sukan	



DOKUMEN HALA TUJU PERANCANGAN PEMBANGUNAN



setuju

Pemantauan dan Penilaian Berterusan



setuju

PSMJ 2035 akan Berjaya Dilaksanakan



MAKLUM BALAS TINDAKAN FLAGSHIP

8 Flagships

1		Zon Pembangunan Ekonomi : Melaka Water Front Economic Zone (M-WEZ)	
2		Pengurusan Air Mampan	
3		Pembangunan Bersepadu	
4		Digital Melaka	
5		Melaka Negeri Usahawan	
6		Melaka Negeri Pelancongan	
7		Melaka Hab Pendidikan	
8		Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan Dan Belia & Sukan)	

10

BAHAGIAN
MOVING FORWARD



BAHAGIAN 10

MOVING FORWARD

10.1 Pemakaian PSMJ 2035 Sebagai Dokumen Rujukan Rasmi

Dokumen PSMJ 2035 ini diterbitkan sebagai rujukan rasmi hala tuju agensi di Kerajaan Negeri dan juga di peringkat pelbagai Kementerian di Persekutuan. Ia bagi memudahkan kefahaman berhubung hala tuju dan kehendak yang hendak dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Dokumen fasa pertama ini diterbitkan untuk tempoh jangka pendek iaitu sehingga 2023. Bagi fasa seterusnya, penerbitan dokumen juga akan dilaksanakan berdasarkan kepada kaedah seperti yang telah digariskan dalam Bahagian 1 – 1.3 dokumen ini. Justeru, Dokumen PSMJ 2035 ini akan menjadi dokumen yang dinamik yang akan bergerak selari dengan keperluan semasa dan juga masa hadapan.

10.2 Mekanisme Semakan Pencapaian PSMJ 2035

Dokumen PSMJ 2035 ini perlu diukur pencapaiananya dari semasa ke semasa bagi menilai kedudukan negeri berbanding dengan matlamat yang telah ditetapkan dalam dokumen ini. Pencapaian dokumen PSMJ 2035 akan dilaksanakan melalui perbandingan dalam pengukuran indikator atau KPI yang telah ditetapkan dan medium pelaporan adalah melalui Bengkel Melakaku Maju Jaya yang akan dilaksanakan pada setiap tahun.

10.3 Kerjasama Dan Persefahaman Kerajaan Negeri Dan Persekutuan

Dokumen PSMJ 2035 ini diterbitkan bagi memudahkan kefahaman dan mendapatkan perhatian Kerajaan Persekutuan mengenai hala tuju negeri Melaka. Ia adalah penting supaya hala tuju baharu negeri Melaka, dari segi kandungan dan keperluannya dapat diberikan pertimbangan dalam perancangan projek di peringkat Kementerian. Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar dokumen ini dapat memandu perhatian pihak Kementerian dan seterusnya jaringan kerjasama melalui penglibatan pegawai-pegawai agensi Kerajaan Negeri dalam setiap perancangan projek pembangunan fizikal negeri Melaka di peringkat Kementerian. Ia adalah supaya, hala tuju dan fokus Kerajaan Negeri akan selari dengan hala tuju dan fokus di peringkat Kementerian.

10.4 Jalinan Kerjasama Pelaburan Pihak Swasta

Hala tuju perancangan yang disediakan di dalam dokumen PSMJ 2035 ini juga boleh dijadikan rujukan oleh pelabur domestik dan asing untuk bersama-sama terlibat di dalam pembangunan negeri Melaka untuk tempoh 15 tahun akan datang bermula pada tahun 2021. Pelbagai perancangan Kerajaan Negeri di jangka boleh menarik minat pihak pelabur dalam pelbagai sektor seperti pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, pembangunan teknologi hijau, digital dan sebagainya untuk memberi situasi menang-menang kepada kedua-dua pihak di antara Kerajaan Negeri dan pelabur.

Perancangan pembangunan khususnya bagi kawasan M-WEZ yang meliputi 5 komponen iaitu *Melaka Harbourfront, Smart Logistic Nucleus, Digital Sattelite Township, Central Eco Business Park dan Trade Nucleus New Township* dijangka mampu menarik penglibatan lebih ramai pelabur untuk bersama-sama Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri Melaka.

BAHAGIAN
RUMUSAN



BAHAGIAN 11

RUMUSAN

Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 merupakan perancangan masa hadapan negeri Melaka. Perancangan ini bersifat inklusif di mana ia digubal dengan mengambilkira keperluan semasa yang melibatkan semua kumpulan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, gender, sosio-ekonomi keluarga dan juga etnik. Perancangan ini juga mengambilkira kesediaan negeri Melaka untuk bersaing dalam persekitaran perkembangan teknologi semasa serta matlamat SDGs yang turut mementingkan kelestarian alam sekitar. Perancangan ini turut merangkumi konsep pembangunan baharu bersepadu berdasarkan kepada urban development yang menggunakan kaedah *Transit Oriented Development* (TOD). Selain daripada faktor-faktor tersebut, dengan potensi negeri Melaka dari segi kedudukannya yang terletak di lokasi yang strategik berhadapan dengan perairan Selat Melaka dan pengenalan sebagai Bandar Warisan Dunia yang diiktiraf oleh UNESCO, perancangan ini dijangka mampu untuk menarik lebih ramai kumpulan pelabur domestik dan antarabangsa yang akan bersama-sama berganding bahu untuk memaju dan membangunkan negeri Melaka untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menangani pelbagai cabaran untuk memastikan kemakmuran ekonomi negeri Melaka. Dengan kedudukan pendapatan bulanan rakyat yang majoritinya adalah di bawah RM2,000, maka Kerajaan Negeri perlu menyediakan perancangan pembangunan yang boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan mampu untuk menawarkan peluang pekerjaan dengan nilai pendapatan yang lebih baik kepada rakyat.

Pembangunan negeri Melaka terus berkembang pesat dari semasa ke semasa. Selari dengan perkembangan tersebut, Kerajaan Negeri perlu memastikan semua isu seperti masalah bekalan air dan banjir dapat diatasi

bagi memenuhi keperluan pembangunan semasa dan akan datang. Selain daripada itu, pelbagai kemudahan infrastruktur seperti jaringan jalan raya, pengangkutan air dan udara serta keperluan telekomunikasi perlu dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan dan kehendak serta memberi keselesaan kepada rakyat, pelancong dan juga pelabur.

Selaras dengan perkembangan semasa, Kerajaan Negeri juga wajar untuk membangunkan negeri berkonseptan kepada Bandar Pintar dan teknologi hijau. Konsep pembangunan ini mampu menyediakan ekosistem kehidupan yang lebih kondusif, yang mementingkan kelestarian alam sekitar. Selain daripada itu, penekanan kepada aspek digital juga mampu untuk meningkatkan ekonomi rakyat Melaka menerusi perniagaan secara *online* dan sebagainya.

Sebagai sebuah negeri yang sinonim dengan aktiviti pelancongan, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi negeri Melaka dalam bidang berkenaan. Justeru, Kerajaan Negeri juga perlu berusaha untuk memperkasakan sektor tersebut dengan menyediakan pelbagai produk baharu serta menambahbaik produk sedia ada untuk menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa. Sektor pelancongan ini juga dilihat merupakan sektor yang boleh memberi limpahan ekonomi kepada rakyat dalam menyediakan peluang pekerjaan bagi menambahkan pendapatan masing-masing.

Matlamat akhir pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk menyediakan akses kepada pendidikan, kemudahan perumahan, kesihatan dan lain-lain. Selain daripada itu, pembasmian kemiskinan juga merupakan cabaran yang perlu diatasi oleh Kerajaan lebih-lebih lagi statistik terkini menunjukkan peningkatan dari segi insiden kemiskinan berbanding sebelum ini selaras dengan peningkatan PGK semasa negeri Melaka berjumlah RM2,375.00.

Secara keseluruhan, perancangan pembangunan negeri Melaka adalah berpaksikan kepada 8 *Flagships* yang telah dipilih menjadi agenda utama pembangunan untuk dilaksanakan. Pemilihan *flagships* ini adalah berdasarkan kepada segmen-semen pembangunan mengikut keutamaan yang ingin dicapai oleh negeri Melaka. Ia merangkumi **Flagship 1**: Zon Pembangunan Ekonomi – Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ), **Flagship 2**: Pengurusan Air Mampan, **Flagship 3**: Pembangunan Bersepadu, **Flagship 4**: Digital Melaka, **Flagship 5**: Melaka Negeri Usahawan, **Flagship 6**: Melaka Negeri Pelancongan, **Flagship 7**: Melaka Hab Pendidikan, dan **Flagship 8**: Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan dan Belia & Sukan).

Perancangan di dalam PSMJ 2035 bermula dengan pewujudan M-WEZ yang mengambil kira kekuatan Selat Melaka sebagai perairan perdagangan paling sibuk di dunia serta Bandar Warisan Dunia yang diiktiraf oleh UNESCO. M-WEZ merupakan satu konsep cadangan pembangunan bersepadu di kawasan tambakan laut yang berkeluasan 25,000 ekar di sepanjang 33 km persisiran pantai negeri Melaka. Kawasan ini dirangka untuk menjadi *economy enabler* bagi negeri Melaka. M-WEZ merupakan *Big Move* kepada pembangunan negeri Melaka yang berasaskan pelancongan, menerapkan ciri-ciri baharu bersepadu seperti pusat pelancongan antarabangsa, pusat komersial berasaskan gaya hidup, Bandar Pintar, Industrial Revolution 4.0, Pusat Logistik Marina, pusat budaya gaya hidup moden dan lain-lain.

Gambar rajah 11.1: PSMJ 2035 - Strategi, Quick Wins dan Symbolic Actions

Untuk memastikan pembangunan negeri dapat dilaksanakan sepetimana yang dirancang, Kerajaan Negeri perlu memastikan sumber air tersedia bagi memenuhi keperluan domestik dan industri. Keperluan ini perlu diurus dengan baik bagi menjamin ketersediaan sumber tersebut. Air merupakan sumber yang penting, bukan sahaja untuk menyokong pembangunan sesebuah negara tetapi juga untuk mengekalkan ekosistem dan memastikan kelestarian sumber tersebut serta jaminan kepada generasi akan datang. Pengurusan air di negeri Melaka berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kekurangan sumber air, banjir, kemarau dan pencemaran serta kesan perubahan iklim yang memerlukan tindakan pencegahan, pemuliharaan dan penyesuaian. Oleh yang demikian, pengurusan air yang cekap dan berkesan merupakan antara fokus utama yang diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri merangkumi pengurusan sumber air, pengurusan air terawat dan pengurusan banjir.

Pembangunan bersepadu oleh Kerajaan Negeri adalah sebagai salah satu pemangkin utama di dalam Pelan Pembangunan Negeri Melaka serta bertepatan dengan cadangan untuk mewujudkan Zon Pembangunan Ekonomi baharu di Negeri Melaka iaitu M-WEZ dan KLIP. Salah satu konsep pembangunan yang diketengahkan adalah pembangunan berorientasikan transit atau TOD. Ia merupakan konsep pembangunan bandar yang bersepadu dalam jarak berjalan kaki (*walking distance*) dari terminal atau hab pengangkutan transit. Selain daripada itu, kewujudan terminal pengangkutan transit sedia ada di Stesen Keretapi Pulau Sebang dan cadangan pembangunan hab pendidikan di Bandar Hijau Ayer Keroh akan membuka ruang dan peluang kepada Kerajaan Negeri untuk merancakkan pembangunan di lokasi tersebut.

Untuk memastikan kawasan bandar sedia ada di seluruh Negeri Melaka tidak ketinggalan di bawah pelan pembangunan ini, aspek kecekapan dan kesalinghubungan sistem pengangkutan sedia ada yang menghubungkan lokasi-lokasi strategik TOD juga diberi penekanan. Sistem jaringan jalan raya bersepadu dan sistem pengangkutan darat, udara dan perkhidmatan pelabuhan sedia ada perlu ditambah baik dalam memastikan pembangunan negeri Melaka yang lebih holistik dan bersepadu.

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan kepentingan telekomunikasi sebagai utiliti ke-3 selepas air dan elektrik, maka program pendigitalan negeri turut dijadikan sebagai salah satu agenda utama pembangunan negeri Melaka. Majlis Digital Negeri Melaka juga telah ditubuhkan untuk menyelaras perancangan pelbagai inisiatif berkaitan ICT yang telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Digital Melaka memfokuskan kepada pemantapan infrastruktur telekomunikasi, pemerksaan aplikasi pintar dan kandungan digital (Smart Melaka), tadbir urus digitalisasi kerajaan dan kesedaran masyarakat ke arah pendigitalan.

Pembangunan ekonomi rakyat juga merupakan agenda utama Kerajaan Negeri. Bidang keusahawanan merupakan penyumbang kepada kekuatan ekonomi negeri serta negara. Usahawan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) diberikan keutamaan memandangkan kumpulan ini merupakan antara penyumbang terbesar kepada kekuatan ekonomi khususnya di negeri Melaka yang merangkumi sektor pembuatan, sektor perkhidmatan / peruncitan, perkhidmatan komuniti sosial dan persendirian, restoran, perhotelan dan pembinaan.

Kerajaan Negeri akan memperkasakan ekosistem keusahawanan secara komprehensif dan inklusif serta penglibatan aktif daripada pihak kepimpinan Kerajaan Negeri. Ia juga memberi keutamaan kepada membina dan membangunkan industri sedia ada yang berdaya saing serta memberikan tumpuan untuk menjana industri baharu yang dilihat telah berjaya di luar.

Sebagai sebuah negeri yang sememangnya terkenal dengan sektor pelancongan, agenda Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan sektor ini terus diperkasakan dan mampu untuk menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke negeri Melaka. Justeru, Kerajaan Negeri menyasarkan penambahan produk-produk pelancongan baharu termasuklah konsep baharu pelancongan digital, meningkatkan kualiti produk pelancongan sedia ada serta menambah jumlah penganjuran acara pelancongan di negeri Melaka. Melalui usaha-usaha ini, iaanya dijangka akan dapat menarik lebih ramai pelancong untuk memilih Melaka sebagai destinasi pilihan utama.

Pembangunan modal insan juga merupakan agenda penting yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri. Matlamat Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti sebagai landasan untuk melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi, sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara melalui peningkatan kualiti modal insan yang dilahirkan oleh sistem pendidikan negara.

Kerajaan Negeri Melaka juga telah merancang untuk menjadikan negeri Melaka sebagai hab pendidikan bertaraf global. Dengan kedudukan negeri Melaka yang sangat strategik, ditambah lagi dengan negeri Melaka sebagai lokasi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara, menjadikan ia sebagai sebuah negeri yang mampu berperanan sebagai hab pendidikan global yang baharu di Malaysia.

Dengan kepelbagaian etnik, agama dan budaya, Kerajaan Negeri perlu memastikan penduduk negeri ini kekal hidup dalam keadaan aman dan kondusif, Kerajaan Negeri sentiasa menjadikan perpaduan dan kemakmuran negara sebagai elemen utama agar kesepadan nasional dapat dijayakan oleh setiap agensi kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program pendidikan, sosial, pembangunan, kebudayaan, keagamaan, kesukanan, keselamatan dan lain-lain.

Perancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sentiasa menjurus kepada matlamat untuk menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat termasuklah penyediaan bantuan khusus untuk kumpulan masyarakat B40 dan golongan rentan. Pelbagai aspek seperti pendidikan, bantuan perniagaan dan sebagainya diambil kira untuk memperkasakan golongan tersebut. Kerajaan Negeri juga turut memberi penekanan kepada aspek pemilikan aset kediaman sebagai salah satu keperluan yang perlu dipenuhi kepada rakyat Negeri Melaka.


Kerajaan Negeri juga komited untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang saksama dan berkualiti kepada semua rakyat Melaka. Dari aspek isu sosial dalam masyarakat, penyalahgunaan dadah merupakan musuh nombor 1 negara dan menjadi isu global yang memudaratkan kesihatan rakyat. Ia perlu dibanteras secara habis-habisan oleh segenap lapisan masyarakat. Komitmen Kerajaan Negeri adalah untuk meneruskan kesinambungan Pelan Strategik Dasar Dadah Negara dan Pelaksanaan Inisiatif Bersepadu untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah, substansial dan pelencongan sosial.

Selaras dengan peranan golongan belia sebagai nadi dalam kemajuan masa depan, maka perancangan untuk golongan ini juga diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri. Pelbagai perancangan disediakan supaya belia dibekalkan dengan pelbagai kemahiran dalam bidang kepimpinan, pengurusan dan sosial bagi melahirkan pemimpin yang berkaliber di masa hadapan.

Secara keseluruhan, sebanyak **31 strategi** telah dirangka dengan **130 Quick Wins dan 64 Symbolic Actions** untuk dilaksanakan dalam tempoh masa jangka pendek bagi menyokong 8 *Flagship* yang akan menjadi asas kepada pencapaian Melaka *Key Result Area* (MKRA). Untuk memastikan visi Kerajaan Negeri Melaka menjadi sebuah Negeri Lestari tercapai, 5 MKRA telah dirangka merangkumi **MKRA 1 - Revolusi Ekonomi dan Industri**, **MKRA 2 - Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat**, **MKRA 3 - Perluasan Inisiatif Pintar dan Pemerksaan Data**, **MKRA 4 - Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan** dan **MKRA 5 - Pemerksaan Industri Pelancongan dan**

Pendidikan di Tahap Global. Aspirasi Kerajaan Negeri menuju Negeri Lestari adalah berpandukan kepada 17 SDGs seperti yang diterima pakai oleh United Nations.

Carta 11.1: PSMJ 2035 - Strategi, Quick Wins dan Symbolic Actions



Pelaksanaan PMSJ 2035 melangkaui tempoh masa yang panjang iaitu selama 15 tahun bermula pada tahun 2021. Selain itu, penggubalannya juga telah mengambilkira pandangan dan penglibatan daripada semua pihak termasuk *public participation*. Justeru, adalah wajar pemantauan ke atas pelaksanaan PMSJ 2035 tersebut dibuat pada setiap tahun. Hasil pemantauan ini akan dimaklumkan kepada umum bagi menunjukkan komitmen dan hasil kerja Kerajaan Negeri sepertimana yang telah dijanjikan kepada rakyat. Ia dijangka dapat memberi gambaran kepada rakyat mengenai pencapaian sistem penyampaian Kerajaan serta mampu mewujudkan keyakinan rakyat kepada Kerajaan yang menerajui negeri Melaka.

Harapan Kerajaan Negeri adalah supaya semua perancangan ini dapat mengembalikan kegemilangan negeri Melaka sepertimana yang terkenal suatu masa dahulu sebagai pusat perdagangan dunia dan dikenali sebagai *Venice of the East* yang terkenal di seantero dunia.

12

**BAHAGIAN
PENUTUP**



BAHAGIAN 12

PENUTUP**Gambar rajah 12.1: Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka**

Hala tuju yang jelas amat penting untuk pembangunan sesebuah negeri dan negara. Perancangan yang disediakan mempunyai objektif dan matlamat yang ingin dicapai demi pembangunan negeri. Ia juga adalah untuk memenuhi harapan pemegang taruh dan pihak berkepentingan yang semakin meningkat.

Dokumen PSMJ 2035 merupakan perancangan yang holistik dan komprehensif untuk membawa negeri Melaka ke arah Negeri Lestari menjelang tahun 2035. Sejak bermulanya perjalanan penyediaan dokumen ini, sesi libat urus telah dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk pegawai yang mewakili Kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan serta pihak swasta. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan sesi libat urus awam untuk melihat penerimaan rakyat Melaka terhadap perancangan yang direncanakan untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri supaya dokumen ini diterima oleh semua pihak termasuk rakyat negeri Melaka serta pihak berkepentingan lain seperti Kerajaan Persekutuan dan pihak pelabur. Kepercayaan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga pelabur ke atas perancangan tersebut amatlah penting untuk membolehkan semua pihak terlibat sama dalam merealisasikan PSMJ 2035 ini demi kepentingan rakyat serta pembangunan negeri dan negara Malaysia secara keseluruhannya.

Perancangan pembangunan untuk tempoh 15 tahun yang merangkumi pelbagai aspek termasuk perkembangan teknologi semasa ini juga diharap dapat mengangkat kedudukan negeri Melaka untuk lebih dikenali, di peta dunia. Harapan Kerajaan Negeri adalah supaya, negeri ini bukan sahaja dikenali sebagai Bandar Warisan Dunia yang mempunyai kepelbagaian warisan, kebudayaan serta tradisi Asia dan Eropah, tetapi menjadi pusat tumpuan perdagangan yang terkenal di seluruh dunia.



UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA
ARAS 3, BLOK TEMENGGONG
SERI NEGERI AYER KEROH
75450 MELAKA
06-3333333 - www.melaka.gov.my
<https://psmj2035.melaka.gov.my>

